



MODUL CEMERLANG SEJARAH SPM 2020

(TUMPUAN TAJUK-TAJUK PENTING
KERTAS 2)

Edisi Ekstra:
- Nota Berfokus
- KBAT
- Latihan

ISI KANDUNGAN

BIL.	BAB	TAJUK	MUKA SURAT
1		Sekapur Sirih	4
2		Panel Pembina Modul Cemerlang Sejarah SPM 2020	5
		TINGKATAN 4	
3	Bab 1	TAMADUN AWAL DUNIA Tamadun Mesopotamia Tamadun Mesir Purba Tamadun Indus <i>Latihan</i>	6-11 11-14 14-19 20-21
4	Bab 2	PENINGKATAN TAMADUN Pemerintahan dan Pentadbiran (Rom/ India / China) Perundangan (Yunani/ Rom/ India/ China) Perdagangan / Ekonomi (India/ China) Pendidikan (Rom/ India) Falsafah (Yunani/ Rom/ China) Sains dan Teknologi (Yunani/ Rom/ India/ China) Seni bina (Yunani/ Rom/ India/ China) Bahasa dan Kesusasteraan (Yunani/ Rom/ India/ China) Sistem Sosial (Yunani/ Rom/ India/ China) <i>Latihan</i>	22-24 24-26 26-28 28-29 30-31 31-32 33-35 35 35-37 38-39
5	Bab 3	KERAJAAN AWAL ASIA TENGGARA Kerajaan Agraria Pengaruh Agama Hindu dan Buddha dalam Kerajaan Awal <i>Sistem Pemerintahan</i> <i>Kesenian dan Kesusasteraan</i> <i>Latihan</i>	40-42 42-44 45-47 48-49
6	Bab 4	KEMUNCULAN TAMADUN ISLAM DAN PERKEMBANGAN DI MAKKAH Kehidupan Nabi Muhammad Sebelum Menjadi Rasul Kerasulan Nabi Muhammmad Penyebaran Islam Reaksi Masyarakat Arab Terhadap Islam <i>Latihan</i>	50 50 50-51 51-53 54-55
7	Bab 5	KERAJAAN ISLAM DI MADINAH Perjanjian Aqabah Perjanjian Hudaibiyah Peperangan dalam Islam <i>Latihan</i>	56 56-58 58-59 60-61
8	Bab 6	PEMBENTUKAN KERAJAAN ISLAM DAN SUMBANGANNYA Kerajaan Bani Umaiyah Kerajaan Bani Abbasiyah Kerajaan Turki Uthmaniyah Pertembungan Tamadun Islam dengan Tamadun Dunia Lain <i>Latihan</i>	62-63 63-66 66-68 68-71 72-73
9	Bab 7	ISLAM DI ASIA TENGGARA Teori Kedatangan Islam Pengaruh Islam di Asia Tenggara <i>Pendidikan</i> <i>Kesenian</i> <i>Latihan</i>	74-75 75-77 77 78-79

10	Bab 8	PEMBAHARUAN DAN PENGARUH ISLAM DI MALAYSIA SEBELUM KEDATANGAN BARAT Pengaruh Islam Terhadap Politik Pengaruh Islam Terhadap Sosiobudaya Pengaruh Islam Terhadap Ekonomi <i>Perdagangan</i> <i>Mata Wang</i> <i>Percukaian</i> <i>Latihan</i>	80-82 82-83 83-84 84-85 85 86-87
11	Bab 9	PERKEMBANGAN DI EROPAH Reformation Revolusi Pertanian Revolusi Perindustrian Penjelajahan dan Penerokaan Imperialisme Barat di Asia Tenggara Latihan	88-89 90-93 92-94 94-96 96-97 98-99
12	Bab 10	DASAR BRITISH DAN KESANNYA TERHADAP EKONOMI NEGARA Ekonomi Tradisional Ekonomi Dagangan Kemasukan Buruh China dan India ke Tanah Melayu Dasar Terhadap Pekebun Kecil Institusi Kewangan dan Insurans Perbandaran Pembentukan Masyarakat Majmuk Pendidikan Venakular Perkilangan Sistem Pengangkutan Perkhidmatan Kesihatan Latihan	100 100-101 101-102 102-104 104 105-107 107-108 108-110 110 110-111 111-112 113-114
		TINGKATAN 5	
13	Bab 1	KEMUNCULAN DAN PERKEMBANGAN NASIONALISME DI ASIA TENGGARA Imperialisme Barat di Asia Tenggara Perubahan Sistem Politik Nasionalisme di Asia Tenggara <i>Maksud dan Matlamat</i> <i>Faktor Kemunculan Nasionalisme di Asia Tenggara</i> Perkembangan Nasionalisme di Asia Tenggara <i>Filipina</i> <i>IndoChina</i> <i>Indonesia</i> <i>Burma</i> <i>Thailand</i> Latihan	115 115-116 117 117-118 118-119 119 119 120 120-122 123-124
14	Bab 2	NASIONALISME DI MALAYSIA SEHINGGA PERANG DUNIA KEDUA Peristiwa Penentangan Pembesar Tempatan Gerakan Nasionalisme sehingga Perang Dunia Kedua Akhbar dan Majalah : Penggerak Kemunculan Nasionalisme Persatuan-persatuan Melayu Latihan	125-132 132-133 134-136 136-140 141-142
15	Bab 3	KESEDARAN PEMBINAAN NEGARA DAN BANGSA Pembinaan Negara dan Bangsa Warisan Negeri-Negeri Melayu <i>Ciri-ciri Pembinaan Negara dan Bangsa Kesultanan Melayu Melaka</i> <i>Undang-undang Tubuh Kerajaan Terengganu</i> Latihan	143-145 145-146 146-147 148-149

16	Bab 4	PEMBINAAN NEGARA DAN BANGSA MALAYSIA Persekutuan Tanah Melayu 1948 <i>Latihan</i>	150-152 153-154
17	Bab 5	PEMBINAAN NEGARA DAN BANGSA YANG MERDEKA Pakatan Murni Rombongan Kemerdekaan Suruhanjaya Reid Persekutuan Tanah Melayu 1957 <i>Latihan</i>	155-158 158-159 159-160 160-164 165-166
18	Bab 6	PENGUKUHAN NEGARA DAN BANGSA MALAYSIA Cadangan ke Arah Pembentukan Malaysia Reaksi Terhadap Pembentukan Malaysia Langkah-langkah Pembentukan Malaysia <i>Suruhanjaya Cobbold</i> <i>Perjanjian Malaysia/ Akta Malaysia</i> <i>Latihan</i>	167-168 168-170 170-172 172-174 175-176
19	Bab 7	SISTEM PEMERINTAHAN DAN PENTADBIRAN NEGARA MALAYSIA Ciri-ciri Demokrasi Berparlimen Perlembagaan Raja Berperlembagaan Kuasa Pemerintahan Pilihan Raya Parti Politik sehingga Tahun 1963 Lambang-lambang Negara <i>Latihan</i>	177 177-178 178-180 180-183 183-184 184 184-186 187-188
20	Bab 8	PEMBANGUNAN DAN PERPADUAN UNTUK KESEJAHTERAAN Dasar Pembangunan Lima Tahun Dasar Ekonomi Baru (DEB) Dasar Pembangunan Ekonomi Rukun Negara Akta Bahasa Kebangsaan/ Dasar Kebudayaan Kebangsaan/ Sukan untuk Perpaduan Wawasan 2020 <i>Latihan</i>	189-190 190-193 193-195 196 196-197 197-198 199-200
21	Bab 9	MALAYSIA DALAM KERJASAMA ANTARABANGSA Konflik Antarabangsa Blok Dunia/ Perang Dingin Dasar Luar Malaysia Malaysia dalam Pertubuhan Antarabangsa <i>Komanwel</i> <i>Negara-negara Dunia Ketiga/ Negara-negara Selatan</i> <i>OIC</i> Malaysia dalam Pertubuhan Serantau <i>Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASA)</i> <i>MAPHILINDO</i> Cabaran Masa Depan <i>k-ekonomi</i> <i>k-masyarakat</i> <i>Latihan</i>	201-203 202-203 204-206 206-207 207 207-208 208 209 209-210 210 211-212
22.		PANDUAN JAWAPAN	213-256

*Sekapur Sirih
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Unit Sains Sosial*



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan rahmat-Nya saya diberi ruang untuk merakamkan penghargaan atas usaha murni dalam penghasilan **Modul Cemerlang Sejarah SPM 2020** untuk sekolah-sekolah negeri Melaka buat kali yang ke-6 sejak tahun 2015.

Menyedari kepentingan subjek Sejarah sebagai syarat wajib lulus, maka peningkatan prestasi mata pelajaran Sejarah menjadi agenda utama jabatan. Penghasilan **Modul Cemerlang Sejarah SPM 2020** ini amat penting bagi memastikan tahap profesionalisme guru-guru Sejarah untuk memacu kegemilangan Melaka dalam mata pelajaran Sejarah.

Akhir kata, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua pihak yang memberi sumbangan idea dan buah fikiran yang konstruktif dalam penghasilan **Modul Cemerlang Sejarah SPM 2020**. Harapan saya agar semua guru Sejarah dapat menggunakan **Modul Cemerlang Sejarah SPM 2020** ini secara inovatif selaras dengan amalan pendidikan yang telah digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM).

Sekian.

DATIN HAJAH MARIANI BINTI YAHAYA

Ketua Penolong Pengarah Kanan
Unit Sains Sosial
Sektor Pembelajaran
Jabatan Pendidikan Melaka.


PANEL PEMBINA MODUL CEMERLANG SEJARAH SPM 2020 NEGERI MELAKA:

En. Roslani Bin Maskan	:	SMK Pernu, Melaka
En. Md Muzaini Bin Said	:	SMK Ghafar Baba, Masjid Tanah, Melaka
En. Azlan Bin Mohamad Gazi	:	SMK Datuk Abdul Rahman Ya'kub, Merlimau
En. Zamani Bin Abu Hashim	:	SMK Simpang Bekoh, Asahan, Melaka
En. Lim Chin Guan	:	SMJK Pulau Sebang, Alor Gajah
En. J.Sham Bin Wahid	:	SMK Ayer Keroh, Melaka
En. Mohd Sukri Bin Sharif	:	SMK Paya Rumput Melaka
En. Rama Chendra Govindasamy	:	Kolej Yayasan Saad, Ayer Keroh
En. Ahmad Nor Iman Bin Shawal	:	SMK Seri Bemban, Jasin
Tn. Hj. Mohd Shah Bin Mahbub	:	SMK Sultan Mansor Shah, Melaka
En. Anuar Bin Mat	:	SMK Dang Anum, Merlimau, Melaka
Pn. Hajah Yuriza Binti Muhammad	:	SMK (A) Sharifah Rodziah, Telok Mas, Melaka
Pn. Maziyah Binti Mohamed	:	SMK Klebang Besar, Melaka
Cik Norizah Binti Adam	:	SMK Seri Tanjong, Melaka
Pn. Nor Azlinda Binti Omar	:	SMK Tun Haji Abdul Malek, Melaka
Pn. Hajah Mazni Binti Naim	:	SMK Telok Mas, Melaka
Cik. Haniza Binti Mat Hassan	:	MRSM Terendak, Sungai Udang
Pn. Norsaliza Binti Mohd. Zain	:	MRSM Alor Gajah. Alor Gajah
Pn. Noorwati Binti Suleiman	:	Sekolah Menengah Sains Muzaffar Syah, Melaka
Pn. Umi Yasirah Arafah Binti Mat Zain	:	SMK Bukit Baru, Melaka
Dr. Zarina Begam binti Abdul Kadir	:	MRSM Tun Ghafar Baba, Jasin
En. Mohd. Mahadir bin Mat Ali @ Othman	:	SMA JAIM Darul Falah, Alor Gajah
Pn. Nirmani binti Baharom	:	SMK Tan Sri Abdul Aziz Tapa, Jasin

PENASIHAT MODUL CEMERLANG SEJARAH SPM 2020 NEGERI MELAKA :

Encik Tarmugi Bin Mispami	:	Penolong Pengarah Unit Sains Sosial Jabatan Pendidikan Melaka
Encik Mazlan bin Mohammad	:	Timb. PPD Sektor Pembelajaran, PPD Melaka Tengah
Encik Farouk Bin Maidin	:	Timb. PPD Sektor Pembelajaran, PPD Alor Gajah
Tn Hj Ramli bin Mohd. Jilis	:	Timb. PPD Sektor Pembelajaran, PPD Jasin

BAB 1 : TAMADUN AWAL DUNIA




1. Lokasi tamadun awal dunia:

- a) X - tamadun Mesir Purba
- b) Y - tamadun Mesopotamia
- c) Z - tamadun Indus

2. Sungai yang terdapat dalam tamadun awal:

- a) X - Sungai Nil
- b) Y - Sungai Euphrates dan Sungai Tigres
- c) Z - Sungai Indus

TAMADUN MESOPOTAMIA



3. Lokasi kerajaan dalam tamadun Mesopotamia:

- a) X - Assyria
- b) Y - Babylon
- c) Z - Sumeria

4. Contoh kerajaan dalam tamadun Mesopotamia.

	Sumeria	Kassites
	Akkad	Assyria
	Ur	Cheldea
	Babylon Awal/ Lama	

5. Proses pembentukan tamadun Mesopotamia.

	Tamadun Mesopotamia terbahagi kepada dua
	Bahagian utara bandar Baghdad dan bahagian selatan bandar Baghdad
	Bahagian utara bandar Baghdad meliputi kawasan pertengahan Sungai Tigris hingga ke utara termasuk kawasan Sungai Zab
	Dikenali sebagai Assyria
	Bahagian selatan bandar Baghdad meliputi kawasan Sungai Tigris dan Sungai Euphrates
	Dikenali sebagai Babylon
	Babylon dibahagikan kepada dua kawasan iaitu Akkad di utara dan Sumeria di selatan
	Tamadun Mesopotamia bermula di Sumer
	Orang Sumeria berhijrah ke wilayah Sumer dan membina pertempatan
	Menjalankan aktiviti pertanian secara menebus guna tanah dan membina sistem pengairan
	Petempatan awal berbentuk perkampungan
	Berkembang secara evolusi kepada bandar dan negara kota seperti Kish, Nippur, Lagash, Uruk, Ur, Eridu, Assur dan Mari

6. Keistimewaan tamadun Mesopotamia.

	Terdapat beberapa negara kota
	Setiap negara kota mempunyai ciri fizikal yang berbeza
	Setiap negara kota terbahagi kepada kawasan utama iaitu pusat kota, tembok kota, luar kota, dan pelabuhan.
	Setiap negara kota mempunyai kubu pertahanan dengan pelbagai bentuk pintu gerbang
	Pintu gerbang menjadi lambang kekayaan sesebuah kota
	Setiap kota mempunyai unit politik dan agama yang tersendiri
	Mengamalkan sistem pemerintahan teokrasi yang menganggap raja sebagai tuhan, wakil tuhan atau pemilik negara kota
	Terdapat sistem tulisan yang berbentuk simbol yang ditulis pada tanah liat iaitu cuniform
	Mempunyai zigurat yang berfungsi sebagai pusat ibadat, pusat perdagangan dan pusat penyimpanan khazanah negara.
	Terdapatnya kod undang-undang Hammurabi yang dipahat pada tembok serta tiang besar untuk dibaca oleh rakyat.
	Terdapatnya epik Gilgamesh yang merupakan hasil kesusasteraan tertua di dunia
	Maju dalam bidang perubatan dan mempunyai 500 jenis ubat-ubatan yang dikatalogkan penggunaannya
	Berjaya mencipta roda yang dapat digunakan semasa aman dan peperangan
	Penciptaan roda untuk mengalirkan air ke kawasan pertanian dan mengawal banjir

7. Ciri-ciri tamadun Mesopotamia.

Negara Kota	
	Terbahagi kepada kawasan utama
	Seperti pusat kota, tembok kota, luar kota dan pelabuhan
	Mempunyai kubu pertahanan
	Dengan pelbagai bentuk pintu gerbang
	Menjadi lambang kekayaan sesebuah kota
	Terdapat istana, rumah kediaman, rumah ibadat, rumah kedai dan pasar
	Kebanyakan jalan rayanya adalah lurus dan lebar
	Pusat sesebuah kota ialah rumah ibadat
	Menjadi tumpuan anggota masyarakat
	Setiap negara kota merupakan sebuah kerajaan yang berdaulat
	Dengan unit politik tersendiri
	Agama yang tersendiri
	Keluasan negara kota ialah lebih kurang 1,000 batu persegi
	Kota Lagash yang mempunyai keluasan lebih kurang 1,800 batu persegi
	Dengan penduduk antara 30,000 hingga 35,000 orang
	Negara-negara kota bersatu tenaga untuk berperang dan menentang musuh
	Kewujudan sungai dan kawasan tanah pamah memudahkan pengangkutan dengan kapal, pedati dan keldai
	Jalan laut digunakan untuk menghubungkan bandar atau negara kota dengan wilayah di sekitarnya

	Jalan pehubungan utama ialah jalan yang digunakan oleh pedagang dari luar Mesopotamia yang menghubungkan Sumeria dengan kota Mari
Organisasi Sosial	
	Terbahagi kepada dua golongan
	Golongan pemerintah terdiri daripada raja, ketua pendeta, ketua tentera dan bangsawam
	Golongan rakyat terdiri daripada rakyat bebas dan hamba
	Rakyat bebas terdiri daripada petani, artisan dan pedagang
	Hamba terdiri daripada tawanan perang
Sistem Pemerintahan	
	Mengamalkan sistem pemerintahan beraja berbentuk teokrasi
	Raja merupakan pemerintah dan bersifat ketuhanan
	Raja dianggap sebagai tuhan atau wakil tuhan berasaskan hukum agama
	Raja merupakan pemilik negara kota
	Masyarakat Mesopotamia tidak menyembah raja sebagai tuhan kecuali pada zaman pemerintahan Raja Naramsin (2291-2255 S.M) di Akkad
	Raja Naramsin memaksa penduduk Akkad menyembahnya kerana menganggap dirinya terlalu agung selepas menguasai wilayah yang luas
	Raja Naramsin menggelarkan dirinya sebagai “Raja Empat Penjuru Alam”
	Raja berperanan sebagai pemilik negara kota
	Raja merupakan Ketua pentadbir dan Ketua tentera
	Raja juga sebagai Ketua pendeta yang mengetuai hal keagamaan
	Berkuasa melantik ahli keluarga diraja untuk memegang jawatan di zigurat
	Menentukan bentuk pentadbiran
	Berkuasa dalam soal tanah, cukai, hasil pertanian dan perniagaan
	Raja dibantu oleh para pegawai daripada golongan bangsawan dan mempunyai ikatan dengan keluarga diraja
	Zigurat berfungsi sebagai pusat ibadat, pusat perdagangan dan pusat penyimpanan khazanah negara
Pengkhususan Kerja	
	Pengkhususan kerja wujud apabila berlakunya lebihan hasil pertanian
	Peniaga, pedagang dan artisan dijalankan oleh petani yang meninggalkan kerja pertanian
	Perdagangan dijalankan dengan wilayah di sekitar Mesopotamia dan kawasan Lembah Indus
	Perdagangan amat penting bagi Mesopotamia kerana Mesopotamia tidak menghasilkan banyak bahan mentah
	Pedagang Mesopotamia membawa masuk barangan seperti logam, kayu-kayan, emas dan perak dibawa masuk
	Ditukar dengan hasil pertanian yang dikeluarkan oleh lembah ini
	Terdapat pengusaha atau pembuat tekstil, barang tembikar dan alat keperluan harian
	Petukang rumah wujud apabila rumah kediaman diperlukan dengan banyak akibat pertambahan penduduk
	Terdapat sebilangan anggota masyarakat yang menjadi tentera untuk mempertahankan negara kota daripada serangan musuh
Sistem Tulisan	
	Mulanya tulisan tamadun Mesopotamia berbentuk gambar
	Kemudiannya ditukar kepada bentuk simbol
	Tulisan simbol ditulis pada tanah liat
	Sejenis pen daripada rumput buluh digunakan untuk menekan tulisan pada tanah liat yang basah
	Tulisan berbentuk pepaku ini dikenali sebagai Cuneiform

8. Sumbangan tamadun Mesopotamia kepada peradaban manusia.

Sistem Perundangan	
	Memperkenalkan Undang-Undang Hammurabi
	Undang-undang berteraskan hak rakyat terhadap keadilan
	Hukuman dan denda mestilah setimpal dengan kesalahan
	Tetapi berbeza mengikut susun lapis masyarakat
	Mengandungi 282 undang-undang
	Undang-undang di pahat pada tembok serta tiang besar
	Sekiranya seorang bangsawan mematahkan tulang seorang bangsawan lain, tulangnya akan

	dipatahkan
	Sekiranya seorang bangsawan mencederakan mata seorang rakyat biasa atau mematahkan tulangnya, maka bangsawan ini didenda satu wang perak
	Undang-undang ini berjaya mengelakkan wujudnya permasalahan di kalangan rakyat pelbagai kaum dan juga di kalangan susun lapis masyarakat
	Undang-undang ini dapat mewujudkan perpaduan dan mengukuhkan sistem organisasi dalam masyarakat
	Undang-undang ini membantu tamadun Mesopotamia bertahan untuk jangka masa yang panjang, iaitu dari tahun 3500 S.M. – 539 S.M
Sistem Tulisan	
	Kewujudan sistem tulisan telah membawa kepada sistem pendidikan
	Bertujuan untuk melahirkan jurutulis
	Kehadiran jurutulis membolehkan urusan pentadbiran dan perniagaan dicatat supaya dapat direkodkan
	Dalam perdagangan, kesemua urusan jual belinya disertakan resit, nota dan surat kredit
	Tulisan juga melahirkan tradisi kesusasteraan
Kesusasteraan	
	Hasil kesusasteraan yang terkenal bagi tamadun Mesopotamia ialah Epik Gilgamesh, karya sastera yang tertua di dunia
	Epik ini mengalami falsafah dan cara hidup orang Mesopotamia
Ilmu Astronomi	
	Tamadun Mesopotamia juga merupakan penyumbang kepada perkembangan ilmu astronomi
	Pencerapan terhadap pergerakan bulan, bintang dan matahari telah membawa kepada perkembangan ilmu matematik
	Kemahiran dalam bidang astronomi juga telah membolehkan mereka menggunakan jalan laut
Ilmu Matematik	
	Seperti sistem mengira perpuluhan, menambah, menolak, memdarab, membahagi dan punca ganda dua
	Membawa kepada perkembangan ilmu geometri
Kalendar	
	Mencipta kalendar yang berasaskan sistem solar yang mengandungi 12 bulan dalam satu tahun
Ilmu Perubatan	
	Semasa pemerintahan Kerajaan Assyria perkembangan ilmu perubatan telah menjadi perhatian utama
	Kerajaannya amat mementingkan kesihatan anggota tenteranya
	Sebanyak 500 jenis ubat-ubatan termasuk herba dan ramuan
	Semua jenis herba dan ubat-ubatan telah dikatalogkan dan disampelkan penggunaannya
	Cara mengubat penyakit dengan menggunakan ubat-ubatan juga telah dicatatkan sebagai panduan kepada pengamal perubatan.
Perpustakaan	
	Terdapat sebuah Perpustakaan Diraja yang ini mengandungi lebih kurang 22 000 keping tablet yang mengandungi pelbagai penemuan ilmu pengetahuan dan sejarah lampau Mesopotamia.
	Perpustakaan ini telah ditubuhkan oleh pemimpin Ashurbanipal (668 – 627 S.M) di Bandar Nineveh
	Kebanyakan daripada koleksi ilmu pengetahuan ini berbentuk formula perubatan dan juga beribu-ribu pucuk surat, dan doumen perniagaan, serta susunan peristiwa peperangan yang berlaku mengikut urutan peristiwa sejarah
Sains dan Teknologi	
	Tamadun Mesopotamia menyumbangkan penciptaan roda untuk memudahkan urusan pengangkutan
	Roda digunakan dalam menghasilkan kereta kuda sama ada untuk tujuan peperangan atau kegunaan pada masa aman
	Penciptaan roda membolehkan orang Sumeria mencipta kincir air ke kawasan tandus dan meningkatkan hasil pertanian di samping dapat mengawal banjir
	Tamadun Sumeria juga telah menyumbang ciptaan alat pengangkutan yang terawal kepada dunia. Orang Sumeria telah menggunakan kapal layar serta pengangkutan beroda sejak 3000 S.M.
	Mereka telah mampu menguasai jalan darat serta jalan laut sehingga mereka dapat berhubung dengan wilayah India serta wilayah lain di kawasan Laut Mediterranean
	Tamadun Mesopotamia telah memperkenalkan kepada dunia cara membuat batu bata daripada tanah liat
	Mereka juga telah mencipta arca dan tiang batu. Contohnya arca Patung Raja Gudea.
	Arca dan tiang batu ini dapat dilihat dalam seni bina Zigurat
Perluasan Kuasa	
	Tamadun Sumeria juga telah menyumbangkan contoh kepimpinan yang berwibawa

	Raja Sargon telah berjaya mewujudkan kerajaan Akkad, iaitu empayar pertama di dunia
	Raja Sargon telah berjaya menakluk dan menyatukan wilayah-wilayah kerajaan Sumeria di selatan Mesopotamia

9. Sebab undang-undang dan peraturan penting kepada sesebuah negara.

	Menjamin kesejahteraan rakyat dalam sesebuah negara
	Memastikan setiap rakyat dalam sesebuah negara dapat hidup dalam keadaan aman dan sejahtera
	Mengawal tingkah laku manusia supaya wujudkan keamanan dalam masyarakat
	Mewujudkan keharmonian dalam masyarakat
	Meningkatkan ekonomi negara
	Memastikan politik negara sentiasa stabil

10. Tindakan yang boleh diambil oleh generasi hari ini untuk memajukan bidang sains dan teknologi negara kita.

	Meningkatkan ilmu pengetahuan
	Menguasai pelbagai kemahiran
	Bersedia berkongsi ilmu pengetahuan
	Menanam sikap ingin mencuba
	Mengamalkan budaya kreatif dan berinovasi

11. Sebab rakyat Malaysia perlu mempertingkatkan pengetahuan sains dan teknologi.

	Membantu kita menjadi negara berpendapatan tinggi menjelang 2020
	Memastikan negara dapat mengekalkan kemerdekaannya
	Menjadi pencipta teknologi
	Supaya kita tidak ditindas oleh orang lain
	Melahirkan modal insan yang serba boleh
	Mudah mendapat peluang pekerjaan
	Dapat melahirkan masyarakat yang kreatif dan berinovasi
	Masyarakat yang berfikiran terbuka
	Memajukan negara

12. Tanggungjawab anda dalam menjadikan negara ini cemerlang dalam pelbagai bidang ?

	Belajar bersungguh-sungguh
	Menguasai pelbagai bahasa
	Berdisiplin
	Memperteguh jati diri
	Patuh pada undang-undang negara
	Menguasai bidang sains dan teknologi

13. Faktor masyarakat Mesopotamia berjaya mencipta roda.


	Menguasai pelbagai ilmu
	Kemahiran pertukangan
	Kreatif dan inovatif
	Bijak memanfaatkan sumber dalam negara
	Berani mencuba
	Gigih berusaha/Tidak putus asa

14. Kepentingan roda dalam kehidupan seharian masyarakat Mesopotamia ?

	Menghasilkan kereta kuda
	Tujuan peperangan
	Membolehkan penciptaan kincir air
	Mengalirkan air ke kawasan tandus
	Meningkatkan hasil pertanian

	Mengawal banjir
	Alat pengangkutan

TAMADUN MESIR PURBA



15. Namakan banda

- a) O - Memphis
- b) P - Abydos
- c) Q - Thebes

16. Sebab tamadun Mesir Purba dikatakan anugerah daripada Sungai Nil.

	Terletak di lembah sungai Nil
	Limpahan air sungai Nil menukar bentuk muka bumi tandus kepada kawasan subur
	Lanar yang dibawa membentuk delta yang subur
	Delta sesuai untuk kegiatan pertanian dan petempatan kekal
	Sungai Nil membekalkan air untuk aktiviti pertanian dan penternakan
	Sungai Nil merupakan nadi kepada kelahiran tamadun Mesir
	Sungai Nil menjadi sistem pengangkutan dan perhubungan
	Sistem kawalan banjir yang sistematik dibina bagi mengelakkan kemusnahan tanaman pertanian

17. Pembahagian zaman dalam tamadun Mesir Purba.

	Zaman Awal	Zaman Empayar
	Zaman Pertengahan	Zaman Keruntuhan

18. Contoh kerajaan asing yang menguasai tamadun Mesir Purba pada zaman kejatuhannya.

	Libya	Parsi
	Kush	Yunani
	Assyria	Rom

19. Ciri-ciri tamadun Mesir Purba.

Negara Kota	
	Firaun Menes menyatukan kesemua nome menjadi sebuah kerajaan
	Baginda mengasaskan pusat pentadbirannya di bandar Thinis yang terletak di bahagian tengah Sungai Nil
	Pusat pentadbirannya berpindah ke bandar Memphis yang berhampiran Delta Sungai Nil
	Pada kemuncak Zaman Pertengahan, pusat pentadbirannya dipindahkan ke bandar Thebes
	Terdapat beberapa bandar penting dalam tamadun Mesopotamia seperti Heliopolis, Fayoum dan

	Abydos
	Bandar berperanan sebagai :
	i) tempat kediaman firaun
	ii) pusat pemerintahan dan pentadbiran
	iii) pelabuhan penting
	iv) pusat keagamaan
	v) pusat tumpuan penduduk
Organisasi Sosial	
	Struktur organisasi tamadun Mesir Purba diketuai oleh Firaun
	Di bawah firaun, terdapat golongan bangsawan, rahib, tuan tanah dan jurutulis
	Diikuti oleh rakyat bebas yang terdiri daripada petani, pedagang dan artisan
	Golongan hamba menduduki tempat yang paling bawah
	Ciri-ciri firaun :
	a) ketua kerajaan/ ketua masyarakat
	b) berkuasa mutlak
	c) dianggap suci
	d) jawatan firaun diwarisi secara turun-temurun
	e) pada zaman kerajaan lama, firaun dianggap sebagai jelmaan Tuhan Horus
	f) pada Dinasti Ketiga, firaun digelar Raja Matahari kerana dipercayai anak Tuhan Matahari iaitu Amon-Re
	g) sebagai ketua pendeta
	h) pemilik tanah
	i) ketua hakim
	k) ketua pahlawan
Sistem Pemerintahan	
	Pemerintah tertinggi digelar Firaun
	Firaun dibantu oleh golongan bangsawan, rahib dan jurutulis
	Golongan bangsawan merupakan pembesar yang terdiri daripada pegawai, penasihat dan gabenor yang mentadbir wilayah yang ditakluki
	Golongan bangsawan menjalankan pentadbiran, menjaga keamanan dan menguruskan pengagihan bekalan makanan
	Rahib menguruskan hal keagamaan
	Jurutulis membantu pentadbiran dengan menulis rekod kerajaan
	Kaum wanita diberi pengiktirafan sebagai pemimpin atau pemerintah dan mempunyai status yang tinggi
	Pada Zaman Empayar, Firaun Hatshepsut, seorang wanita telah dilantik menjadi firaun
	Era pemerintahannya penuh dengan pembaharuan
	Terusan dibina yang menukarkan padang pasir menjadi tanah pertanian yang subur
	Keupayaan Firaun Hatshepsut setanding dengan pencapaian firaun lain
Pengkhususan Kerja	
	Penenun kain – tekstil dan kertas menjadi eksport utama tamadun Mesir Purba
	Pembuat bahan tembikar
	Pembuat peralatan
	Pedagang – kapal-kapal berlabuh di pelabuhan Thebes, Memphis, Fayoum dan Heliopolis manakala terdapat kapal dagang dari Laut Mediteranean dan Laut Merah berlabuh di pelabuhan Mesir Purba
	Pelombong emas di Nubia
Agama	
	Percaya kepada konsep politeisme iaitu kepercayaan kepada banyak tuhan
	Setiap tuhan dikaitkan dengan unsur alam seperti Re (Tuhan Matahari), Ra-Atum (Tuhan Langit) dan Amun (Tuhan Angin)
	Percaya kepada kehidupan selepas mati
	Mayat perlu disimpan dan dijaga dengan teliti
	Makam mayat mesti dipenuhi dengan peralatan dan keperluan kehidupan selepas mati
	Mayat ditanam bersama-sama dengan barangan dan kelengkapan harian
	Kedudukan dan status mayat ditentukan oleh solekan mayat, alat kebesaran dan jumlah barang yang dikebumikan
	Mayat Tutankhamun diselaputi emas yang beratnya lebih kurang 11 kilogram
Sistem Tulisan	
	Dikenali sebagai hieroglif yang berasaskan kombinasi gambar dan simbol berdasarkan bunyi
	Gambar mewakili perkataan atau suku kata yang membentuk perkataan
	Tulisan bertujuan mencatatkan rekod aktiviti pertanian
	Merekodkan aktiviti kutipan cukai

	Tujuan keagamaan dan amalan ritual kepercayaan
--	--

20. Peranan firaun dalam tamadun Mesir Purba.

	Ketua kerajaan	Ketua pendeta
	Berkuasa mutlak	Pemilik tanah
	Dianggap suci	Ketua hakim
	Jelmaan Tuhan Horus	Ketua pahlawan
	Anak Tuhan Matahari, Amon Re	

21. Sumbangan tamadun Mesir Purba

Sistem Tulisan	
	Meninggalkan rekod bertulis dan berpahat dalam tulisan hieroglif
	Tulisan hieroglif berkembang ke tulisan hieratik dan kemudian demotik
	Keagungan Mesir Purba dapat dilihat pada tulisan yang dipahat cantik, halus dan penuh seni pada makam dan batu
Ilmu Pengetahuan	
a) Sistem Pendidikan	
	Pendidikan dikhususkan kepada anak golongan atasan
	Kanak-kanak diberi pendidikan sejak daripada umur yang rendah
	Institusi pendidikan diletakkan di bawah pentadbiran kerajaan
	Institusi pendidikan diuruskan oleh rumah ibadat
	Ilmu yang diajar ialah geometri, matematik dan sains
	Pendidikan bertujuan untuk melahirkan pegawai kerajaan/jurutulis yang sempurna dan terlatih
	Pendidikan juga bertujuan untuk melahirkan golongan yang terlatih yang boleh menguruskan hal ehwal pertanian/ mengawal air Sungai Nil/ membina bangunan/ membina pyramid
b) Ilmu Perubatan	
	Melahirkan pengamal perubatan yang mendapat status yang tinggi dan berkhidmat untuk firaun dan masyarakat
	Memumiakan mayat
	Memberi sumbangan kepada perkembangan ilmu fizik, kimia, perubatan dan pembedahan
	Menghasilkan Dokumen Perubatan Mesir Purba yang merupakan buku serta catatan tentang perubatan
c) Perkembangan ilmu matematik/ astronomi	
	Digunakan untuk mengawal banjir Sungai Nil yang berlaku sekali setahun
	Mencipta sistem kalendar 365 hari berdasarkan 12 bulan setahun
Sains dan Teknologi	
a) Seni Bina	
	Seni bina piramid yang bermula daripada ilmu Imhotep seorang saintis, ahli fizik, arkitek dan penasihat penting kepada Firaun Djoser
	Memperkenalkan teknik pembinaan bangunan dengan menggunakan batu-bata
b) Kertas	
	Memperkenalkan penggunaan kertas
	Mencipta kertas daripada pokok papyrus
	Meleperkan batang-batang pokok papyrus untuk dijadikan kepingan yang boleh ditulis di atasnya
	Memudahkan penyimpanan dan meninggalkan kebergantungan pada kepingan-kepingan batu untuk menyimpan segala khazanah
c) Sistem Pengairan	
	Mencipta sistem pengairan yang telah menukarkan padang pasir kepada tanah pertanian yang subur
	Semasa pemerintahan Firaun Senuusret III, sebuah tembok pengairan sepanjang 123 kilometer dibina bagi menebus guna kawasan padang pasir
	Terusan juga dibina untuk mengairkan tanah seluas 10,000 hektar

22. Kejayaan yang dicapai oleh masyarakat Mesir Purba hasil penguasaan mereka dalam bidang matematik dan astronomi.

	Dapat mengawal banjir Sungai Nil
	Mencipta sistem pengairan
	Menukar kawasan padang pasir menjadi kawasan pertanian
	Memperkenalkan kalendar 365 hari berdasarkan 12 bulan setahun

	Pembinaan bangunan
	Pembinaan piramid

23. Warisan tamadun Mesir Purba yang masih kekal digunakan di negara kita.

	Perubatan	Ilmu astronomi
	Pembedahan	Sistem kalendar
	Ubatan	Stahun 12 bulan dan 265 hari
	Sistem penomboran	Teknologi pengairan
	Ilmu geometric	Penggunaan batu-bata dalam pembinaan
	Fizik	Membuat kertas
	Kimia	Mempunyai pusat pentadbiran
	Matematik	Peranan wanita dalam pentadbiran
	Sains	


24. Pencapaian Malaysia masa kini yang boleh menjadi kebanggaan generasi akan datang.

	Kestabilan politik/pentadbiran kukuh/pemerintahan kukuh/aman
	Perpaduan kaum/bersatu-padu
	Kehidupan harmoni pelbagai kaum/berbaik-baik/tiada pengaduan
	Kemajuan sistem pengangkutan/darat/laut/udara/KLIA /monorial/MAS/AIRASIA
	Kemajuan sistem perhubungan/komunikasi(Menara KL / MEASAT)
	Kereta nasional/PROTON/PERODUA/NAZA
	Motor dan enjin nasional /MODENAS/KRISS
	Kemajuan ekonomi/PETRONAS/petroleum/kelapa sawit
	Kemajuan bidang pendidikan/IPTA/IPTS
	Pembinaan bangunan/mercu tanda pencakar langit(KLCC/Menara Kembar Petronas)
	Program angkasawan negara/menghantar angkasawan ke ISS
	Pencapaian dalam sukan(Nicol David/Lee Chong Wei/Formula One)
	Pemimpin bertaraf dunia(Dr.Mahathir)
	Pencapaian dalam bidang seni(Siti Nurhaliza)
	Melaka/Georgetown menjadi bandar warisan dunia
	Ramai pelajar luar negara datang belajar di Malaysia/ UIA
	Merdeka tanpa keganasan
	Pusat pelancongan/ Melaka/ Kuching
	Tuan rumah tilawah al-Quran peringkat antarabangsa
	Tuan rumah persidangan OIC/ APEC/ ASEAN/ CHOOGM

25. Peranan anda sebagai generasi muda hari ini dalam mengekalkan kemajuan tamadun agama, bangsa dan negara Malaysia yang kita kecapi hari ini.

	Mematuhi ajaran agama	Menguasai ilmu pengetahuan
	Menguatkan semangat cinta Negara	Menguasai segala bidang kemahiran
	Mengeratkan perpaduan bangsa	Menghindari budaya negatif
	Memelihara jati diri	

TAMADUN INDUS



26. Bandar dalam tamadun Indus :

- a) R - Harappa
b) S - Mohenjo Daro

27. Bandar terancang dalam tamadun Indus.

	Mohenjo-Daro	Sutkagen Dor
	Harappa	Makan/Makran
	Lothal	

28. Pembentukan tamadun Indus.

	Penduduk nomad membentuk petempatan kekal
	Di sepanjang Sungai Indus
	Berjaya menyesuaikan diri dengan alam sekeliling
	Kesuburan tanah
	Sungai Indus menyediakan sumber air
	Membentuk masyarakat pertanian yang bercucuk tanam
	Peningkatan dalam hasil pertanian
	Menternak binatang
	Pertambahan jumlah penduduk
	Membentuk satu sistem perancangan bandar yang teratur

29. Ciri-ciri tamadun Indus

Negara Kota / Bandar Terancang	
	Dikelilingi tembok
	Terbahagi kepada dua bahagian
	Bahagian utama merupakan pusat pentadbiran dan keagamaan
	Terdapat tempat mandi awam untuk upacara ritual dan pembersihan
	Terdapat tempat penyimpanan hasil pertanian
	Bahagian kedua merupakan kawasan perumahan
	Dirancang dengan susun atur yang sistematik
	Perancangannya dibantu oleh kemajuan ilmu geometri, kemajuan pembinaan dan sumbangan tamadun Mesopotamia dan Mesir Purba
	Menggunakan batu-bata daripada tanah liat yang dibakar dengan suhu yang tinggi untuk membina rumah
	Pengetahuan yang mendalam dari aspek geometri, matematik dan kesenian membantu pembinaan
	Disusun berasaskan blok-blok berbentuk segi empat
	Setiap blok terpisah oleh rangkaian jalan raya yang lurus
	Jalan raya bersambung antara satu sama lain
	Rumah mempunyai bilik mandi/ tandas
	Rumah-rumah mempunyai sistem kumbahan/ pembentungan bawah tanah
	Air dan kumbahan dari rumah disalurkan keluar melalui paip ke longkang-longkang yang mengalir di bawah jalan
	Longkang tidak ditutup terus untuk membolehkan kerja pembersihan dilakukan
	Bahan buangan dihantar ke pusat pembuangan di luar bandar
	Bandar dihubungkan dengan sungai yang menjadi jalan perhubungan
Organisasi Sosial	
	Terdapat golongan atasan dan bawahan
	Golongan atasan terdiri daripada pendeta dan pedagang
	Kelas atasan utama ialah pendeta
	Bilangan pendeta kecil
	Pendeta mempunyai kuasa dan pengaruh yang besar dalam mengawal aktiviti masyarakat terutama yang melibatkan kegiatan keagamaan
	Pendeta memegang tampuk pemerintahan
	Golongan bawahan terdiri daripada petani dan buruh.
	Golongan bawahan memberikan ketaatan kepada golongan pendeta
	Petani menjalankan aktiviti pertanian
	Petani menyalurkan sebahagian hasil kepada pihak berkuasa
	Golongan buruh menjalankan kerja perburuhan seperti membina terusan, menjaga kebersihan bandar, membina tembok di benteng dan membina terusan

Sistem Pemerintahan	
	Tidak pasti siapa yang memerintah negara kota Indus kerana tiada bukti tentang kewujudan raja
	Sejarahwan berpendapat tampuk pemerintahan dipegang pendeta
	Pendeta berkuasa dan berpengaruh besar dalam mengawal aktiviti rakyat khususnya keagamaan
	Golongan bawahan taat setia kepada pendeta
Pengkhususan Kerja	
	Menjalankan pelbagai kegiatan ekonomi seperti perdagangan, pertanian, pertukangan dan pembuatan
	Aktiviti perdagangan melibatkan perdagangan luar termasuk dengan tamadun Mesopotamia
	Penemuan cap mohor membuktikan kewujudan hubungan perdagangan antara tamadun Indus dengan tamadun Mesopotamia
	Hasil dagangannya ialah emas, gading gajah, manik dan hasil pertanian
	Petani menanam tanaman makanan seperti barli dan kacang
	Golongan artisan menghasilkan barangan logam dan membina barangan tembikar
Agama	
	Kewujudan agama dibuktikan dengan penemuan patung dan ukiran yang berunsurkan keagamaan seperti patung proto-Siva
	Objek proto-Siva berkaitan dengan agama Hindu
	Menyembah Tuhan Ibu
	Kepercayaan terhadap tuhan ibu dibuktikan dengan penemuan patung ibu
	Patung ibu disembah bagi melambangkan kesuburan
	Kepercayaan terhadap tuhan ibu dipercayai diwarisi daripada kebudayaan awal kerana kepercayaan ini telah wujud dalam masyarakat Mesopotamia, Asia Kecil, Syria dan Palestin
Sistem Tulisan	
	Tulisan berbentuk piktograf
	Tulisan tamadun Indus masih menjadi misteri dan masih belum dapat ditafsirkan

30. Sumbangan tamadun Indus.

Keupayaan Mengeksploitasi	
	Mengeksploitasi Sungai Indus untuk memajukan kehidupan mereka
Perancangan Bandar	
	Mewujudkan bandar terancang seperti Mohenjo-Daro dan Harappa
	Berkait rapat dengan kemajuan dalam bidang geometri dan pembinaan
	Merupakan hasil pertembungan tamadun Indus dengan tamadun Mesopotamia dan Mesir Purba
	Bandar disusun berasaskan bentuk segi empat
	Diikuti jalan raya yang lurus
	Berusaha meningkatkan mutu bahan binaan dengan tidak hanya bergantung pada panas matahari untuk membuat batu-bata daripada tanah liat tetapi menghasilkannya melalui pembakaran dengan suhu yang tinggi
Sifat keterbukaan	
	Membuat hubungan dengan tamadun lain
	Menyedari bahawa sesebuah masyarakat tidak mampu mencapai kecemerlangan tanpa membuat hubungan dan bertukar pandangan dengan pihak lain
	Hubungan dengan tamadun Mesopotamia dan Mesir Purba membawa kepada pertukaran teknologi
	Sumber-sumber Mesopotamia ada menyebut nama bandar seperti Makan dan Meluhha
	Bandar Makan dikenal pasti sebagai Makran dan Meluhhanberkemungkinan bandar Mohenjo-Daro
	Sumber Mesopotamia memaparkan kewujudan hubungan antara tamadun Indus dengan tamadun Mesopotamia
	Tamadun Indus mengajar kita bahawa kedamaian dan keamanan sebagai tunjang kepada kekuatan sesebuah bangsa untuk mencapai kemajuan dan kecemerlangan

31. Sebab masyarakat lembah Indus berjaya membina bandar terancang.

	Sumbangan Tamadun Mesopotamia dan Mesir/ pertukaran teknologi dengan kedua-dua tamadun / hasil pertembungan dengan tamadun Mesopotamia / Mesir Purba / sumbangan tamadun luar
	Pemahaman ilmu geometri/ kemahiran ilmu geometri
	Menguasai bidang kesenian/ matematik
	Pengubahsuaian pengaruh luar dengan suasana tempatan
	Kemajuan dalam bidang teknologi pembinaan/ seni bina /Kepakaran dalam pembinaan
	Mengamalkan sifat keterbukaan terhadap tamadun lain/ kesediaan bertukar pandangan dengan pihak

	lain
	Kedudukan geografi yang strategik
	Memanfaatkan sungai sebagai alat perhubungan/ pengangkutan
	(Pemerintah) pentadbir/pendeta berwibawa
	Piawai timbangan/ ukuran ditetapkan
	Penduduk mementingkan kebersihan
	Bahan binaan mudah didapati
	Peranan golongan buruh/ hamba
	Masyarakat mengamalkan hidup bekerjasama
	Pembinaan bangunan/ bentuk bangunan/ pelan/ saiz bata dikawal
	Penduduk dapat menyesuaikan diri
	Memanfaatkan alam sekitar / kelebihan yang dimiliki
	Penduduknya bijak mengeksploitasi Sungai Indus
	Masyarakat mengamalkan sikap terbuka
	Menjalin hubungan dengan tamadun lain
	Peningkatan hasil pertanian
	Keamanan / kedamaian
	Mampu mencipta pelbagai barangan
	Pemimpin yang cekap

32. Iktibar yang boleh diambil daripada kejayaan masyarakat tamadun awal dalam membina negara kota dan bandar.

	Kehidupan masyarakat yang mempunyai organisasi tersusun membantu keharmonian negara
	Pemerintahan negara perlu sentiasa dalam keadaan stabil
	Kemajuan ekonomi penting untuk mewujudkan negara yang sejahtera
	Pengkhususan kerja penting untuk mewujudkan masyarakat yang harmoni
	Penguasaan ilmu penting untuk memajukan negara
	Undang-undang penting untuk mewujudkan keamanan dalam sesebuah negara
	Masyarakat yang berinovasi dan kreatif merupakan nadi kepada kemajuan negara

33. Ciri-ciri bandar moden yang anda idamkan.

	Bandar selamat
	Kehidupan aman / sejahtera / bahagia
	Bandar bersih
	Kesihatan terjamin / rakyat sihat / tiada penyakit
	Infrastruktur / kemudahan asas lengkap
	Memudahkan pergerakan / pengangkutan
	Mempunyai komunikasi moden
	Memudahkan perhubungan
	Mempunyai pusat ibadat
	Memudahkan urusan keagamaan / membentuk akhlak baik
	Mempunyai pusat pentadbiran
	Memudahkan urusan harian rakyat
	Mempunyai sistem kumbahan terancang
	Menjamin kebersihan
	Kawasan perumahan teratur
	Mewujudkan keselesaan / sistematik
	Bandar dalam taman
	Mewujudkan keindahan / kesegaran udara
	Tiada mencemarkan alam sekitar
	Bandar yang tersusun
	Bandar dibina dengan teknologi yang canggih

34. Adakah kawasan tempat tinggal anda sebuah kawasan petempatan terancang? Berikan alasan-alasan anda.

Terancang	
	Bangunan tersusun/ sistematik
	Sistem perparitan berkesan/ berfungsi /saliran
	Kemudahan sistem pengangkutan/ jalan raya/ lapangan terbang
	Kemudahan sistem perhubungan/ telefon

	Mempunyai pusat perniagaan yang tersusun
	Keperluan asas/ harian mudah diperoleh
	Terdapat dewan orang ramai/ serbaguna
	Kemudahan riadah/ rekreasi/ taman permainan
	Ditadbir pihak berkuasa
	Persekitaran yang bersih
Tidak terancang	
	Bangunan tidak tersusun/ tidak sistematik
	Sistem perparitan gagal berfungsi
	Sistem pengangkutan tidak cekap
	Sistem perhubungan ketinggalan zaman
	Kurang tempat berniaga
	Keperluan asas/ harian sukar diperoleh
	Dewan orang ramai/ serbaguna tidak disediakan
	Tiada kemudahan untuk beriadah/ rekreasi

35. Kesan pembinaan bandar terancang terhadap kehidupan manusia.

	Kehidupan selesa/ kondusif
	Kesihatan penduduk terjamin
	Kemudahan sistem perhubungan
	Kemudahan asas tersedia
	Keamanan terjamin/ tenteram
	Keselamatan terkawal
	Aktiviti ekonomi berjalan lancar
	Taraf hidup meningkat
	Kebersihan kawasan persekitaran
	Hubungan harmoni dalam kalangan masyarakat

36. Sebab pembangunan sesebuah bandar perlu dirancang terlebih dahulu?

	Mewujudkan susun atur bangunan yang sistematik
	Mewujudkan suasana bandar yang kondusif
	Memastikan pelbagai kemudahan/ infrastruktur disediakan secara tersusun
	Mengelak banjir kilat
	Menghindarkan kesesakan jalan raya
	Memajukan ekonomi penduduk bandar

37. Amalan sikap keterbukaan tamadun Indus dapat dicontohi dalam memajukan negara kita. Berikan penjelasan.

	Hubungan dengan tamadun lain membolehkan kedua-dua pihak memperoleh manfaat
	Berlaku pertukaran pendapat dengan pihak lain
	Menerima pengaruh dari luar yang disesuaikan dengan keadaan dan suasana tempatan
	Keamanan dan kedamaian merupakan tunjang kekuatan sesebuah bangsa untuk mencapai kemajuan dan kecemerlangan
	Sesebuah masyarakat tidak akan mencapai kemajuan tanpa membuat hubungan dengan negara/ pihak luar
	Sesebuah masyarakat tidak akan mencapai kemajuan tanpa bertukar pandangan dengan pihak luar
	Meningkatkan keamanan dan keselamatan
	Menggalakkan pertukaran teknologi dan ilmu
	Meningkatkan hubungan antarabangsa
	Memajukan ekonomi negara
	Menjalin hubungan perdagangan
	Melahirkan masyarakat yang kreatif dan inovatif
	Menerima teknologi dan ilmu pengetahuan
	Meningkatkan hubungan perdagangan


38. Iktibar yang boleh diambil daripada kemajuan dan kecemerlangan tamadun Indus.

	Perlu bijak mengeksploitasi kelebihan sumber alam
--	---

	Keamanan penting untuk mewujudkan negara yang sejahtera
	Penguasaan terhadap ilmu dan kemahiran mampu menjulang negara
	Perlu bijak membuat perancangan bandar
	Kreativiti masyarakat pemacu kepada kejayaan
	Masyarakat yang matang, kreatif dan berinovasi aset kemajuan negara
	Bijak menerima unsur-unsur luar yang positif untuk manfaat negara
	Keamanan merupakan aspek penting untuk kesejahteraan negara
	Perpaduan dan keharmonian kaum mesti sentiasa dipelihara untuk kesejahteraan negara
	Pemerintah perlu sentiasa berusaha untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat
	Taraf hidup rakyat boleh ditingkatkan dengan pengamalan budaya kreatif dan inovatif
	Budaya kreatif dan inovatif berupaya menghasilkan idea atau ciptaan baharu
	Kita perlu belajar daripada kesilapan
	Ketaatan kepada pemerintah merupakan nadi pembangunan negara

LATIHAN STRUKTUR:

1. **Peta 1** berkaitan dengan Tamadun Mesir Purba



Peta 1

- a) Berdasarkan **Peta 1**, namakan bandar yang bertanda **X** dan **Y**.

i) **X** : [1 markah]

ii) **Y** : [1 markah]

- b) Mengapakan tamadun Mesir Purba dikatakan sebagai anugerah daripada Sungai Nil?

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- c) Terangkan sumbangan Tamadun Mesir Purba kepada dunia yang masih kekal hingga hari ini.

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

2. Tamadun Indus yang muncul di Sungai Indus pada sekitar tahun 2500 SM telah berjaya membina bandar terancang terawal di dunia.

- a) Namakan **dua** bandar utama yang terbentuk di lembah Sungai Indus.

[2 markah]

(i) (ii)

- b) Kepesatan penduduk di bandar (a) menyebabkan pelbagai kegiatan ekonomi dijalankan. Nyatakan kegiatan ekonomi tersebut.

.....

.....
.....
.....
[3 markah]

c) Jelaskan fungsi bandar terancang dalam Tamadun Indus

.....
.....
.....
[2 markah]

d) Sekiranya anda dilantik sebagai Datuk Bandar di tempat anda , apakah cadangan anda untuk menjadikan bandar raya tempat tinggal anda sebagai Bandar Lestari?

.....
.....
.....
[3 markah]

LATIHAN ESEI:

3. Tamadun Mesopotamia merupakan tamadun terawal dunia yang berkembang antara tahun 7000 - 5000 SM.

a) Terangkan latar belakang proses pembentukan tamadun Mesopotamia.

[4 markah]

b) Nyatakan sumbangan tamadun Mesopotamia dalam bidang perundangan.

[8 markah]

c) Sistem perundangan yang diwujudkan dalam tamadun Mesopotamia telah berjaya mengatasi pelbagai masalah. Berdasarkan pengetahuan sejarah anda mengapakah sistem perundangan penting kepada sesebuah negara?

[8 markah]

BAB 2 : PENINGKATAN TAMADUN

PEMERINTAHAN DAN PENTADBIRAN

TAMADUN ROM

1. Sistem beraja di Rom.

	Rom dikuasai secara mutlak oleh raja-raja Etruscan yang bukan berasal daripada kalangan masyarakat Latin tempatan.
	raja-raja mutlak Etruscan tidak disukai oleh masyarakat Latin
	pemberontakan oleh masyarakat Latin meletus di bawah pimpinan golongan bangsawan yang digelar patrician.
	sistem Republik dibentuk pada tahun 509

2. Sistem republik di Rom

	tidak mempunyai pemerintah berkuasa mutlak
	kuasa tertinggi dalam tangan dua orang konsul
	dilantik oleh Dewan Senat bagi tempoh tertentu.
	kewujudan dua orang konsul bererti tidak ada konsul yang lebih berkuasa
	konsul dibantu oleh Dewan Senat yang terdiri daripada golongan bangsawan.
	peranan Dewan Senat ialah membincangkan hal-hal pentadbiran negara dan menggubal perundangan
	sebelum seseorang ahli Dewan Senat dilantik menjadi konsul, beliau menjadi praeotor, iaitu pemerintah tentera.
	Dewan Perhimpunan yang diwakili oleh semua rakyat Rom berada di bawah Dewan Senat
	Semua keputusan Dewan Senat akan dihantarkan kepada Dewan Perhimpunan untuk diluluskan

3. Pemerintahan Julius Caesar

	sistem republik di Rom mengalami perubahan
	mencapai taraf empayar semasa pemerintahan Julius Caesar.
	perubahan berlaku setelah meluaskan kuasa Rom ke Macedonia, Mesir, Syam, Yunani, Perancis, Britannia (Britain) dan beberapa wilayah di Jerman.
	pemerintahan berbentuk empayar membawa kepada penubuhan sistem pentadbiran berpusat kesan penyatuan wilayah-wilayah kecil yang ditawannya.
	menamatkan sistem republik.
	menjadi diktator Rom.
	menguasai angkatan tentera dan Senat.
	menggunakan gelaran maharaja
	terkenal sebagai ketua tentera yang agung kerana kejayaan beliau dalam beberapa peperangan.
	menjadi praeotor dan menjadi konsul pada tahun 59 S.M
	mengisytiharkan diri sebagai diktator setelah mengalahkan Jeneral Pompey
	dibunuh oleh penyokong Jeneral Pompey

4. Pemerintahan Augustus

	Gelaran maharaja diteruskan oleh Augustus yang memerintah Rom (27-14 S.M.).
	berjaya membawa keamanan dan keagungan kepada empayar Rom.
	keamanan wujud selama 200 tahun.
	dikenal sebagai Pax Romana atau Keamanan Rom.
	Maharaja Augustus berjaya membawa keamanan dan kesejahteraan kepada empayar Rom yang terdiri daripada pelbagai bangsa dalam tiga benua (benua Asia, Eropah dan Afrika.)

TAMADUN INDIA

1. Bentuk kerajaan.

	dua bentuk kerajaan:
	kerajaan kecil - bersifat kepuakan dan tidak mempunyai raja
	kerajaan besar - diketuai oleh raja seperti kerajaan Kashi, Kosala, dan Magadha

2. Sistem pemerintahan dan pentadbiran.

	raja berkuasa mutlak.
	kedudukan raja diperkukuh dengan pelbagai bentuk upacara ritual yang berasaskan kepercayaan.
	raja itu adalah suci dan harus dihormati
	golongan Brahmin yang merupakan penasihat raja
	golongan Kshatriya yang menjadi pemerintah tertinggi serta menjadi golongan dominan.

3. Pemerintahan dan pentadbiran Chandragupta Maurya.

	empayar Maurya telah dibentuk oleh Chandragupta Maurya
	beliau menyatukan kerajaan-kerajaan kecil di India.
	status raja telah berubah kepada maharaja
	meliputi kawasan dari Teluk Benggala hingga ke Pergunungan Hindu Kush
	ibu negara Dinasti Maurya terletak di Pataliputra

4. Pemerintahan dan pentadbiran Maharaja Asoka.

	dinasti Maurya mencapai zaman kegemilangan
	Ketokohan Asoka. berjaya menghentikan perang saudara selepas kematian ayahnya, Bindusara. menawan negeri Kalinga yang mempunyai penduduk yang ramai.
	Perang Kalinga (261 S.M.) 100,000 orang terkorban dan 150,000 orang cedera. menyedarkan Asoka mengenai akibat peperangan yang membawa kematian dan penderitaan. perang menjadi pemula penting yang menyebabkan Asoka menganuti agama Buddha dan mengembangkan ajarannya. Kesan Perang Kalinga: menekankan kedamaian dan kemajuan sosial selepas Perang Kalinga. menjalankan penaklukan melalui penyebaran agama Buddha dan bukan lagi menerusi ketenteraan
	merupakan seorang maharaja berkuasa mutlak.
	membentuk birokrasi pentadbiran untuk menjalankan pemerintahan
	birokrasi ialah sistem pentadbiran yang melibatkan pelbagai peringkat dan mempunyai banyak peraturan

TAMADUN CHINA

1. Perluasan kuasa.

	perluasan kuasa telah mengubah pemerintahan berbentuk sistem feodal kepada pemerintahan berbentuk sistem pentadbiran berpusat.
	perluasan kuasa juga telah melahirkan empayar pada zaman Dinasti Chin
	konsep raja telah bertukar kepada maharaja

2. Pemerintahan Maharaja.

	pembentukan sebuah sistem pentadbiran atau birokrasi awam
	terdiri daripada pegawai yang dilantik oleh maharaja
	mereka yang dilantik terdiri daripada rakyat
	pelantikan tersebut dibuat oleh sebuah jawatankuasa dalam sistem perkhidmatan awam, iaitu Hon Kao Tsu
	pelantikan pegawai-pegawai berdasarkan pencapaian dalam peperiksaan awam

	sistem ini diwujudkan pada zaman Dinasti Han dan diteruskan oleh dinasti lain.
	tokoh penting yang memainkan peranan dalam hal ini ialah Shi Huang Ti.

PERUNDANGAN (YUNANI, ROM, INDIA, CHINA)

1. Faktor yang membawa kepada kewujudan sistem perundangan dalam tamadun dunia.

	Saiz masyarakat yang bertambah besar
	Mengawal segala tindakan masyarakat supaya tidak mendatangkan masalah
	Mewujudkan kehidupan yang aman dan sejahtera

2. Sistem perundangan dalam tamadun dunia.

	Yunani
	Dewan Perhimpunan berfungsi menggubal undang-undang
	Menurut Plato dalam bukunya "Republic" negara harus diperintah oleh ahli Falsafah
	Kerana mereka cekap, terbaik dan berupaya menggubal undang-undang.
	Rom
	Hukum Kanun 12 –Kod Undang-Undang Rom atau Undang-Undang Justinian
	Undang-Undang Rom yang pertama
	Undang-Undang Rom yang telah disatukan
	Dipahat pada kayu yang dikenali Papan Dua Belas
	Diletakkan ditempat awam untuk tatapan rakyat
	Undang-Undang Rom terdiri daripada tiga cabang iaitu undang-undang sivil, undang-undang rakyat dan undang-undang natural
	Prinsip Undang-Undang Rom yang menjadi asas kepada undang-undang hari ini
	Semua manusia sama di sisi undang-undang
	Seseorang tidak bersalah sehingga terbukti bersalah
	Keadilan terhadap setiap individu
	Hukuman berasaskan bukti yang cukup.
	India
	Kitab Dharma Sastra merupakan kitab undang-undang paling tua
	Raja bertanggungjawab memelihara kesucian dan kedaulatan undang-undang.
	Golongan Brahmin menjadi golongan yang dominan dalam undang-undang.
	Brahmin adalah golongan yang mahir tentang hukum-hakam terutama berkaitan dengan keagamaan.
	Zaman Dinasti Maurya undang-undang Maharaja disampaikan sebagai titah dan perintah diraja
	Perintah raja diukir pada tiang kayu yang didirikan di tepi jalan supaya undang-undang itu dapat dibaca oleh rakyat.
	Kandungan undang-undang pada Tiang Asoka ialah raja diumpamakan bapa oleh masyarakatnya.
	Larangan terhadap penyembelihan haiwan walaupun dalam upacara korban.
	China
	Sistem perundangan dalam tamadun China berasaskan dua prinsip.
	Hukuman berat dan bercorak kolektif.
	Prinsip undang-undang berasaskan falsafah legalisme
	Digubal dan diperkenalkan oleh ahli falsafah bernama Han Fei Tzu
	Undang-undang yang tegas dan kukuh dapat mengawal tingkah laku manusia
	Dalam menjalankan tugas tidak harus wujud rasa belas kasihan
	Undang-undang dan penguatkuasaan harus dipelihara tidak kira dalam apa keadaan
	Raja mesti memiliki kuasa yang utuh.
	Manakala prinsip undang-undang berteraskan ajaran Confucius pula menekankan keperluan raja mempunyai budi pekerti yang baik dan menjaga keharmonian manusia serta masyarakat.

3. Undang-undang Tamadun Rom boleh menjadi asas perundangan pada hari ini.

	Semua manusia sama di sisi undang-undang
	Bukti yang dikemukakan oleh John Crawford ialah melalui catatan China, orang Arab dan Parsi mempunyai pusat petempatan /
	perniagaan di Canton / Amoy sejak 300M
	Pedagang Arab telah menguasai perdagangan laut dari pelabuhan
	di Mesir sehingga ke China
	Pedagang Arab singgah di pelabuhan utama di Asia Tenggara sebelum
	Pelabuhan di Selat Melaka menjadi tempat menunggu pertukaran angin
	Pedagang Arab menetap di rantau ini beberapa bulan sebelum belayar ke China
	Membina perkampungan di rantau Asia Tenggara
	Perkampungan menjadi tapak untuk berdagang, mengumpul barangan, jualan
	dan membeli barang mewah dari India dan China
	Sementara menunggu pertukaran angin, pedagang Arab berinteraksi/ berbincang dengan pedagang
	tempatan tentang agama/ kepercayaan
	Orang tempatan tertarik dengan Islam kerana kemurnian Islam dan kejujuran / kebersihan / berhemah
	tinggi pedagang Islam
	Pedagang Arab berkahwin dengan gadis tempatan
	Catatan China menyatakan wujud perkampungan Arab Islam iaitu Ta Shih di Sumatera utara
	Bukti oleh Syed Muhammad Naquib Al-attas ialah terdapat Persamaan bahan penulisan dan
	kesusasteraan yang terdapat di Asia Tenggara dengan di Tanah arab
	Penggunaan tulisan Jawi yang di ambil daripada bahasa Arab
	Pengaruh adat resam seperti menghormati tetamu dalam masyarakat Melayu
	Pengaruh kebudayaan Arab seperti muzik dabus / tarian zapin
	Karya tempatan menceritakan pengislaman raja dilakukan oleh syeikh dari Arab
	Melalui Hikayat Raja-Raja Pasai, Syeikh Ismail mengislamkan Raja Pasai, Merah Silu bergelar Malik al-Salih
	Raja Pattani Phya Tu Nakpa diislamkan oleh Syeikh Said dari Arab.
	Penulisan kitab Melayu menggunakan gaya bahasa Arab.
	Pada peringkat awal ditulis dalam bahasa Arab.
	Kitab yang ditulis menggunakan rujukan dari Tanah Arab.

2. Teori dan bukti kedatangan Islam dari India

	Dikemukakan oleh Snouck Hurgronje iaitu Sejarawan Belanda
	Beliau berpendapat, Islam berkembang ke Asia Tenggara melalui Wilayah Gujerat dan Pantai Koromandel India
	Hubungan perdagangan India dengan Asia Tenggara sudah lama terjalin
	Gujarat sering dikunjungi pedagang Asia Tenggara.
	Bukti beliau ialah Makam Malik al-Salih mempunyai ciri buatan India.
	Batu marmar nisan dan makam tersebut menyamai marmar di India
	Masyarakat Asia Tenggara ada hubungan dengan India dari segi budaya.
	Wujudnya unsur kebudayaan India dalam masyarakat di Asia Tenggara

3. Teori dan bukti kedatangan Islam dari China

	Dikemukakan oleh Emanuel Gadinho Eridia
	Disokong oleh S.Q Fatimi
	Menurut beliau, Khan Fu atau Canton pernah menjadi pusat perniagaan pedagang Arab.
	Islam berkembang di kalangan peniaga Cina di Canton.
	Apabila peniaga Cina Islam berdagang ke Asia Tenggara, mereka menyebarkan Islam kepada masyarakat Asia Tenggara.
	Menurut S.Q. Fatimi, Pedagang Islam dari Canton dan Amoy berhijrah secara beramai-ramai ke Asia

	Tenggara pada tahun 876 M.
	Penemuan batu bersurat Terengganu di Kuala Berang, dan penemuan batu nisan di Pekan, Pahang menunjukkan bahawa Islam telah sampai ke kawasan pantai Timur Tanah Melayu menerusi Laut China Selatan.
	Bukti lain ialah unsur seni bina masjid di Nusantara menyamai unsur seni bina di China.
	Bumbung masjid menyamai bentuk bumbung pagoda.
	Penggunaan atap genting China, warna merah dan kuning pada kayu kepala pintu dan tingkap masjid menunjukkan ciri-ciri seni bina China.
	Penggunaan jubin pada lantai, dinding dan tangga adalah pengaruh daripada China.

PENGARUH ISLAM DALAM PENDIDIKAN

1. Pengaruh Islam dalam sistem pendidikan di Asia Tenggara.

	Seruan Islam mewajibkan setiap umat Islam menuntut ilmu
	Semua golongan masyarakat berpeluang menuntut ilmu
	Membawa kepada perkembangan pendidikan
	Wujud institusi pendidikan formal
	seperti istana, pondok, pesantren, madrasah dan surau
	Pusat pendidikan Islam formal terawal ialah dalam pemerintahan Perlak di Sumatera Utara
	Pusat pendidikan tersebut ialah pondok atau dayah
	Contohnya Dayah Bukit Ce Breek
	Dalam Kesultanan Melayu Melaka, masyarakat tempatan digalakkan menuntut ilmu di rumah ulama, masjid dan surau
	Istana ialah pusat pendidikan formal untuk bangsawan
	Acheh menggantikan Melaka sebagai pusat pendidikan Islam sehingga digelar Serambi Mekah
	Sistem pendidikan Acheh lebih sistematik berbanding kerajaan Perlak, Samudera-Pasai dan kerajaan Melayu Melaka
	Mempunyai pelbagai peringkat
	Peringkat rendah (rangkang)
	Peringkat menengah (muenasah)
	Peringkat universiti / tinggi (Jamiah Bait al-Rahman)
	Menerima ramai pelajar dari luar kerana kepesatan pendidikan di Acheh
	Wanita digalakkan belajar di dayah

2. Usaha-usaha menjadikan Malaysia pusat pendidikan di Asia Tenggara

	Menggalakkan kegiatan penterjemahan / menterjemah karya asing
	Menyediakan prasarana pendidikan lengkap/bertaraf dunia
	Meningkatkan kualiti pendidikan setanding negara maju
	Memajukan kegiatan penyelidikan
	Melahirkan tokoh pemikir / intelektual dalam pelbagai bidang
	Menerbitkan hasil kajian / penyelidikan pihak IPTA dan IPTS
	Membawa masuk pakar dari luar Negara
	Memperkasa penggunaan bahasa Inggeris untuk menyediakan pelajara ke pasaran kerja diperingkat antarabangsa
	Memajukan teknologi ICT dalam pendidikan
	Menerapkan PdPc abad ke 21 yang menggalakkan perkembangan potensi pelajar
	Menggalakkan pendidikan atas talian atau online kerana lebih mudah untuk megakses dan menyampai maklumat/ telekonferense

3. Kesan-kesan kepada negara jika rakyat tidak mendapat pendidikan yang sempurna.

	Negara kita akan mempunyai kadar buta huruf yang tinggi
	Taraf hidup rakyat rendah
	Kadar kemiskinan semakin tinggi
	Rakyat ketinggalan dalam pelbagai aspek
	Pemikiran rakyat tidak seimbang / matang
	Tidak dapat memberi sumbangan kepada Negara
	Negara akan mundur / tidak maju
	Kekayaan negara dieksploitasi oleh kuasa asing

	Pihak luar mencampuri urusan Negara
	Negara dipandang rendah
	Gejala sosial meningkat kerana tidak mampu menyara hidup
	Tidak mampu mengekalkan kedaulatan Negara

4. Sikap masyarakat Malaysia dalam melahirkan intelektual Islam

	Memantapkan jati diri supaya terhindar daripada gejala negatif
	Berfikiran positif agar dapat berusaha meneruskan cabaran pendidikan
	Bersedia menerima perubahan dalam era globalisasi
	Berusaha mendalami ilmu agama dalam pelbagai bidang
	Berusaha mencipta sesuatu idea baharu/kreatif dan inovatis
	Berani mencuba untuk kebaikan diri, agama, bangsa dan Negara
	Mempunyai semangat ingin tahu atau inkuiri yang tinggi
	Menggalakkan usaha penyelidikan dalam bidang agama
	Memantapkan akidah /pegangan agama

5. Sebab pendidikan penting dalam kehidupan manusia sepanjang zaman.

	Agama menyeru/ menegaskan umatnya bahawa menuntut ilmu adalah wajib/ menjadi tuntutan agama
	Pendidikan adalah kaedah yang penting dalam memperoleh ilmu untuk bekalan kehidupan dunia dan akhirat
	Dengan pendidikan barulah manusia mampu memimpin dan memakmurkan dunia
	Manusia yang berilmu akan dimuliakan/dipandang tinggi/dihormati
	Dengan ilmu pengetahuan manusia dapat membezakan antara yang hak dan batil/baik atau buruk
	Pendidikan dapat mengelakkan manusia daripada terjerumus dalam kancah maksiat/jenayah/lembah hina
	Dapat meningkatkan pencapaian dalam hidup/peluang pekerjaan yang baik/mengubah status sosial
	Dapat membantu membentuk masyarakat berilmu pengetahuan
	Dapat melahirkan masyarakat yang inovatif/kreatif dan berkemahiran tinggi
	Dapat mengurangkan kadar buta huruf negara

PENGARUH ISLAM DI ASIA TENGGARA - PENDIDIKAN

1. Pengaruh Islam dalam sistem pendidikan di Asia Tenggara.

	Seruan Islam mewajibkan setiap umat Islam menuntut ilmu
	Semua golongan masyarakat berpeluang menuntut ilmu
	Membawa kepada perkembangan pendidikan
	Wujud institusi pendidikan formal
	seperti istana, pondok, pesantren, madrasah dan surau
	Pusat pendidikan Islam formal terawal ialah dalam pemerintahan Perlak di Sumatera Utara
	Pusat pendidikan tersebut ialah pondok atau dayah
	Contohnya Dayah Bukit Ce Breek
	Dalam Kesultanan Melayu Melaka, masyarakat tempatan digalakkan menuntut ilmu di rumah ulama, masjid dan surau
	Istana ialah pusat pendidikan formal untuk bangsawan
	Acheh menggantikan Melaka sebagai pusat pendidikan Islam sehingga digelar Serambi Mekah

2. Sistem pendidikan formal di Aceh selepas kedatangan Islam

	Sistem pendidikan lebih sistematik berbanding kerajaan Perlak, Samudera-Pasai dan kerajaan Melayu Melaka
	Mempunyai pelbagai peringkat
	Peringkat rendah (rangkang)
	Peringkat menengah (muenasah)
	Peringkat universiti / tinggi (Jamiah Bait al-Rahman)
	Menerima ramai pelajar dari luar kerana kepesatan pendidikan di Aceh
	Pada abad ke-16 dan ke-17, Aceh dikenali sebagai Serambi Mekah
	Wanita digalakkan belajar di dayah
	Wanita juga diberi peluang memegang jawatan dalam pentadbiran

3. Usaha untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat pendidikan di Asia Tenggara

	Menggalakan kegiatan penterjemahan / menterjemah karya asing
	Menyediakan prasarana pendidikan bertaraf dunia
	Meningkatkan kualiti pendidikan standing negara maju
	Memajukan kegiatan penyelidikan
	Melahirkan tokoh pemikir / intelektual dalam pelbagai bidang
	Menerbitkan hasil kajian / penyelidikan pihak IPT

4. Kesan kepada negara jika rakyat tidak mendapat pendidikan sempurna.

	Mempunyai kadar buta huruf yang tinggi
	Taraf hidup rakyat rendah
	Kadar kemiskinan semakin tinggi
	Rakyat ketinggalan dalam pelbagai aspek
	Pemikiran rakyat tidakseimbang / matang
	Tidak dapat memberi sumbangan kepada negara
	Negara akan mundur / tidak maju
	Kekayaan negara dieksploitasi oleh kuasa asing
	Pihak luar mencampuri urusan negara

PENGARUH ISLAM DI ASIA TENGGARA - KESENIAN

1. Pengaruh Islam dalam bidang kesenian di Asia Tenggara.

	Melalui seni khat
	Dilihat pada batu nisan dan ukiran kayu
	Pada batu nisan, terdapat abjad Arab dan Jawi
	yang mengandungi ayat-ayat al-Quran dan hukum
	Batu nisan Malik Ibrahim dari Gujerat mempunyai bentuk seperti kapal terbalik yang menunjukkan ada pengaruh Parsi
	Makam Naina Hishamai-Din di Pasai mempunyai pengaruh seni Islam dari Parsi
	Iaitu tulisan syair Parsi dan dilukis pola hiasan daun yang bersamaan dengan hiasan permaidani Parsi
	Seni khat merakamkan ayatsuci al-Quran, hadis dan catatan sejarah sesebuah pemerintahan tempatan
	Seni khat diukir pada bilah mata keris
	Ayat suci al-Quran ditatahkan dengan emas, perak dan permata
	Seni khat tertua di Semenanjung terdapat pada batu bersurat di Terengganu (1303 M)
	Merupakan seni khat dalam Bahasa Melayu yang menggunakan huruf jawi
	Seni khat Islam terserlah dalam seni ukiran kayu
	Unsur seni kaligrafi ini mengambil contoh huruf Arab, ayat al-Quran dan tulisanJawi
	Dicantumkan dengan unsur tumbuh-tumbuhan
	Boleh dilihat pada bangunan masjid, surau dan rumah kediaman
	Rangkaian kalimah syahadah dijadikan sebagai hiasan utama
	Pengaruh senibina Islam
	Dilihat pada bentuk bangunan masjid, kubah, mimbar, mihrab dan menara azan
	seperti Masjid Ubaidiyah di Kuala Kangsar, Perak dan Masjid Brunei

2. Sebab unsur kesenian dan warisan di Malaysia perlu dipertahankan oleh generasi pada hari ini.

	Melambangkan ketamadunan bangsa
	Menggambarkan perkembangan / kronologi sejarah negara
	Memperlihatkan identity bangsa dalam negara kita
	Menghargai tokoh-tokoh yang terlibat
	Mendidik masyarakat menghargai khazanah negara
	Menyampaikan mesej kemasyarakatan secara tidak langsung
	Menjadi sumber maklumat kepada masyarakat
	Memberikan pengajaran kepada generasi muda
	Menjadi satu rujukan jati diri bangsa

LATIHAN STRUKTUR

1. Kedatangan Islam ke Asia Tenggara telah memberi pengaruh besar terhadap undang-undang Islam yang berasaskan perundangan syariah.

a) Namakan dua undang-undang syariah yang pernah diwujudkan di Asia Tenggara.

.....
.....

[2 markah]

b) Jelaskan kandungan undang-undang tersebut.

.....
.....
.....
.....

[4 markah]

c) Bagaimanakah undang-undang syariah dapat dimantapkan di negara kita. Berikan ulasan anda.

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

2. Penyebaran Islam ke Asia Tenggara telah melahirkan beberapa buah kerajaan Islam kuat dan kerajaan tersebut berperanan penting sebagai pusat penyebaran Islam.

a) Senaraikan dua buah kerajaan Islam di Asia Tenggara.

- i.
ii.

[2 markah]

b) Jelaskan peranan yang dimainkan oleh kerajaan tersebut sebagai pusat penyebaran Islam di Asia Tenggara.

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

c) Islam di Asia Tenggara tidak disebarkan melalui mata pedang atau peperangan. Berikan ulasan anda.

.....

.....
.....
.....
.....

[4 markah]

LATIHAN ESEI:

3

- a) Bincangkan teori kedatangan Islam ke Asia Tenggara. [6 markah]
- b) Jelaskan peranan pedagang dalam menyebarkan Islam ke Asia Tenggara. [6 markah]
- c) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, teori kedatangan Islam ke Asia Tenggara yang mana yang paling tepat. Berikan ulasan anda. [8 markah]

BAB 8: PEMBAHARUAN DAN PENGARUH ISLAM DI MALAYSIA SEBELUM KEDATANGAN BARAT**PENGARUH ISLAM TERHADAP POLITIK****1. Pengaruh Islam dalam aspek pentadbiran dan pemerintahan di Tanah Melayu.**

	Mengubah kedudukan dan corak institusi raja di Tanah Melayu.
	Golongan raja telah menitikberatkan konsep-konsep Islam.
	Misalnya istilah bagi sultan, Zillullah fil-alam dan Zillullah fil-ardh yang
	Yang bermakna bayangan Allah di muka bumi telah mula digunakan.
	Konsep ini menjadi teras institusi raja dan memberikan suatu pengesahan Berlandaskan Islam terhadap kewibawaan seseorang raja.
	Para pemerintah telah menggunakan gelaran seperti Khalifatul Mukminin yang bermakna pemimpin orang mukmin.
	Contohnya gelaran ini telah digunakan oleh Sultan Mahmud Shah di Melaka dan Sultan Ghaffur Muhyidin di Pahang.
	Selepas kedatangan Islam, institusi sultan di Tanah Melayu kekal sebagai institusi berdasarkan perwarisan.
	Sistem ini meletakkan raja atau sultan sebagai kuasa tertinggi dalam sistem pemerintahan dan pentadbiran di Tanah Melayu.
	Kehadiran Islam telah memperkembangkan undang-undang bertulis
	Seperti yang dipaparkan melalui Undang-undang Laut Melaka, Hukum Kanun Melaka, Undang-undang Pahang, Undang-undang Kedah, Undang-undang Perak dan Undang-undang Johor.
	Kesan daripada kekuatan agama Islam itu sendiri dapat dipaparkan melalui fasal-fasal yang terkandung dalam undang-undang tempatan.
	Misalnya Undang-undang Laut Melaka, misalnya menerangkan bahawa seseorang nakhoda (kapten) dalam sesebuah kapal diertikan sebagai imam dan anak buah kapal sebagai makmum.
	Undang-undang bertulis ini menjadikan perjalanan masyarakat menjadi tersusun kerana segala perlakuan, tanggungjawab, serta hukuman tentang kesalahan yang dilakukan telah ditentukan.

2. Unsur baharu dalam amalan sistem pentadbiran di Tanah Melayu setelah kedatangan Islam.

	Mengubah kedudukan dan corak institusi raja
	Menitikberatkan konsep-konsep Islam
	Menggunakan istilah bagi sultan
	Menggunakan zillullah fi-alam dan zillullah fil-ardh/bayangan Allah di muka bumi
	Konsep ini menjadi teras institusi raja
	Memberikan pengesahan terhadap kewibawaan seseorang raja
	Gelaran pemerintah
	Pemerintah menggunakan gelaran khalifatul mukminin/pemimpin orang mukmin
	Gelaran ini digunakan oleh Sultan Mahmud Syah di Melaka/Sultan Abdul Ghafur di Pahang
	Nasab keturunan sultan
	Tokoh-tokoh Islam seperti Iskandar Zulkarnain dirujuk sebagai nasab keturunan sultan
	Meninggikan kedudukan sultan
	Institusi kesultanan
	Kekal sebagai institusi berdasarkan pewarisan
	Sultan/Raja sebagai ketua tertinggi dalam pemerintahan dan pentadbiran
	Pemerintah mendapat nasihat daripada ulama
	Muncul golongan ulama terbilang Tok Pulau Manis/Tok Pulau Condong/Tuan Tabal
	Konsep daulat
	Mengukuhkan institusi kesultanan

3. Cara pemerintah menjamin kesejahteraan hidup.

	Mengutamakan kebajikan semua rakyat
	Menyediakan kemudahan infrastruktur yang lengkap

	Merancang program membasmi kemiskinan
	Memajukan sistem pendidikan
	Meningkatkan taraf hidup rakyat
	Mengukuhkan perpaduan kaum
	Memberi hak yang sama rata kepada rakyat
	Memelihara kestabilan politik
	Mewujudkan keamanan dan keharmonian kaum
	Memelihara kestabilan ekonomi
	Mempelbagaikan sumber ekonomi
	Menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan

4. Ciri-ciri kepimpinan Islam yang boleh dipraktikkan oleh pemimpin pada masa ini.

	Amanah dalam menjalankan tugas
	Tidak mengambil rasuah atau menipu
	Tabah dalam menghadapi sebarang dugaan
	Bijaksana mentadbir negara
	Dapat merancang pembangunan dengan baik
	Jujur dan telus dalam tindakan
	Adil dalam mengambil sebarang tindakan
	Berpegang teguh kepada agama
	Memastikan pembangunan negara seimbang dunia dan akhirat
	Menghormati pandangan orang lain
	Mengamalkan musyawarah dalam setiap keputusan
	Gigih berusaha membantu rakyat
	Dapat meningkatkan taraf hidup rakyat

5. Perkembangan undang-undang bertulis selepas kedatangan Islam.

	Hukum Kanun Melaka
	Terdapat 44 fasal
	Menjelaskan tanggungjawab raja dan pembesar
	Pantang larang dalam kalangan masyarakat
	Hukuman terhadap kesalahan jenayah
	Undang-undang keluarga
	Permasalahan ibadah
	Jenis-jenis hukuman terhadap kesalahan tertentu
	Undang-undang berkaitan aktiviti maritim dan perdagangan
	Undang-undang Laut Melaka
	Undang-undang Pelabuhan di Kedah
	Nakhoda diertikan sebagai imam
	Anak buah kapal sebagai makmum
	Undang-undang Pahang
	Digubal semasa pemerintahan Sultan Abdul Ghafur Muhyuddin
	Undang-undang Kedah
	Mempunyai empat bahagian
	Undang-undang Pelabuhan
	Undang-undang tentera
	Hukum Kanun Dato' Setar
	Undang-undang 1874
	Undang-undang 99 Perak
	Dibawa oleh seorang Arab/Sayyid Hussain Al-Furadz
	Undang-undang Johor
	Berdasarkan Undang-undang Laut dan Hukum Kanun Melaka

6. Kesan-kesan sekiranya sesebuah negara tidak mempunyai undang-undang.

	Negara tidak akan aman
	Kehidupan masyarakat kucar kacir
	Pentadbiran negara terbantut
	Pembangunan ekonomi negara terbantut
	Kebajikan/kesejahteraan rakyat tidak terjamin

	Pergaduhan dalam kalangan masyarakat sentiasa berlaku
	Hak kebebasan rakyat tidak terpelihara
	Tingkah laku masyarakat tidak dapat dikawal
	Rakyat tidak berdisiplin
	Sukar membentuk insan yang berakhlak mulia

PENGARUH ISLAM TERHADAP SOSIOBUDAYA

1. Pengaruh Islam dalam sistem pendidikan.

	Terdapat dua jenis pendidikan iaitu formal dan tidak formal
	Pendidikan tidak formal merupakan pendidikan awal atau asuhan dalam keluarga
	Penekanan kepada pengajaran nilai-nilai moral
	Pembelajaran melalui cara pendengaran, penglihatan dan pemerhatian
	Melalui cerita lisan seperti cerita binatang dan cerita jenaka, pantun, peribahasa dan teka-teki
	Mempelajari pantang larang dan adat istiadat melalui pergaulan sosial
	Pendidikan formal merupakan pendidikan yang berkaitan dengan keagamaan secara langsung atau melalui perantaraan institusi tertentu
	Semua golongan mula terlibat dalam pendidikan
	Istana, masjid, rumah, surau, madrasah dan pondok dijadikan tempat belajar
	Pendidikan di rumah memberi penekanan kepada pengajian al-Quran
	Istana juga menjadi tempat menyimpan buku hikayat penting seperti Hikayat Amir Hamzah dan Hikayat Muhammad Ali Hanafiah
	Pendidikan di istana juga melibatkan hal pentadbiran negara dan sistem politik
	Masjid dan surau menjadi tempat pertemuan dan perkumpulan masyarakat maka sesuai untuk mengembangkan ilmu Islam
	Kanak-kanak di ajar fikah, tajwid, cara dan bacaan dalam sembahyang
	Orang dewasa di ajar di sebelah malam tentang fikah, usuludin, hadis, tasawuf dll
	Sekolah pondok menekankan ilmu keagamaan dan menyediakan pelajar untuk bertugas sebagai guru agama atau berkhidmat kepada masyarakat
	Seperti di Kelantan (Pondok Pulau Condong dan Pondok Kutan), Terengganu (Pondok Pulau Manis) dan Kedah (Pondok Titi Gajah, Pondok Langgar)
	Pengajiannya tidak mempunyai batasan waktu
	Pendidikan di madrasah berdasarkan sukatan pelajaran
	Dilaksanakan secara kelas
	Pendidikannya mengikut tahap iaitu permulaan, pertengahan dan pengkhususan
	Diawasi oleh mudir (guru besar)
	Diselia oleh sebuah lembaga, jawatankuasa kewangan dan sebagainya

2. Pengaruh Islam dalam bahasa dan kesusasteraan.

	Huruf Arab mudah diterima oleh orang Melayu dan dibuat penyesuaian dengan tulisan Melayu membentuk tulisan jawi
	Tulisan jawi menjadi saluran utama untuk pembacaan dan penulisan
	Terdapat istilah Melayu daripada bahasa Arab seperti adat, daulat, hakim dan hukum
	Kesusasteraan rakyat disebarkan secara lisan seperti cerita asal usul, cerita binatang (Sang Kancil), cerita jenaka (Pak Kaduk), cerita pengajaran (Batu Belah Batu Bertangkup)
	Terdapat puisi, pantun, teka teki, gurindam dan seloka seperti Syair Dahulu Kala
	Terdapat cerita Hikayat Nur Muhammad dan Hikayat Bulan Berbelah
	Hikayat saduran bercorak Arab-Parsi seperti Hikayat Abu Nawas
	Perbendaharaan persuratan Melayu bertambah dengan terkarangnya karya-karya tersebut

3. Pengaruh Islam dalam kesenian.

	Bentuk kesenian seperti seni halus, seni tampak, seni persembahan, seni tekstil, busana dan sebagainya
	Seni bina masjid yang mempunyai ciri-ciri khas seperti mihrab, mimbar, telaga atau air pancur, dan bumbung yang khusus
	Contohnya Masjid Kampung Laut di Kelantan
	Masjid ini dibina dengan indah dan dilengkapi balairung, tempat persemayaman diraja, balai istiadat dll
	Motif ukiran berubah daripada motif binatang kepada tumbuhan, bunga dan geometri

	Kesenian epigrafi seperti batu bersurat dan batu nisan seperti Batu Bersurat Terengganu
	Seni tulisan dalam Islam atau kaligrafi yang menjadi hiasan di masjid, madrasah, batu nisan, barang tembikar dll
	Kesenian dalam persembahan seperti tarian, drama, muzik, nyanyian dan wayang kulit
	Mendapat pengaruh Asia Barat seperti tarian dabus di Perak
	Tarian Mak Inang di Melaka
	Nazam atau naban yang berbentuk syair
	Seni dikir dan ghazal di Johor

4. Pengaruh Islam dalam gaya hidup.

	Berlaku perubahan prinsip kepercayaan atau akidah dalam masyarakat Melayu
	Perubahan akhlak di kalangan pemerintah seperti amalan protokol (hijabah) daripada pengaruh Bani Umaiyah
	Amalan pembacaan cirri digantikan dengan lafaz ikrar oleh sultan dan pembesar yang menyerupai proses bai'ah dalam Islam
	Apabila sultan mangkat, penggantinya akan dilantik sebelum istiadat pemakaman yang ditiru daripada Bani Umaiyah
	Dalam masyarakat tradisional Melayu, hubungan antara individu dan pertalian keluarga amat rapat
	Ibu bapa dan orang yang lebih tua dihormati
	Jiran dianggap sebagai keluarga sendiri
	Terdapat panggilan tertentu untuk orang lebih tua seperti pak long, mak long dll
	Apabila bercakap dengan orang yang lebih tua mesti menggunakan suara yang rendah
	Tetamu dilayan dengan hormat dan dihidangkan makanan dan minuman
	Orang yang berziarah hendaklah memberi salam
	Tuan rumah pula wajib menjawab salam tersebut
	Apabila masuk ke rumah hendaklah bersalam-salaman
	Kanak-kanak dikehendaki mencium tangan orang yang lebih tua
	Membaca <i>bismillah</i> sebelum makan dan minum
	Majlis perkahwinan, berkhatan, berkhatam (tamat membaca al-Quran) dijalankan secara Islam
	Dijalankan secara bergotong-royong untuk mengeratkan perpaduan
	Berpegang kepada konsep <i>bersatu teguh bercerai roboh</i> dan <i>seikat seperti sirih, serumpun seperti serai dan sedecing seperti besi</i> .

PENGARUH ISLAM DALAM EKONOMI



PERDAGANGAN

1. Faktor-faktor perkembangan Melaka sebagai pusat perdagangan antarabangsa pada abad ke-15.

	Kedudukan yang sangat strategik
	Terletak dalam rangkaian perdagangan timur dan barat
	Berada di jalan perdagangan yang penting
	Kemudahan pentadbiran yang licin dan teratur
	Agar aktiviti perdagangan berjalan lancar
	Wujudkan jawatan laksamana
	Menjaga urusan kelautan
	Peranan syahbandar
	Ketua pelabuhan
	Penggubalan Undang-undang Laut Melaka
	Melicinkan urusan perdagangan Melaka
	Pelbagai bahasa yang dipertuturkan
	Terdapat lebih kurang 84 bahasa yang dipertuturkan
	Bahasa Melayu menjadi lingua franca/ Bahasa komunikasi
	Sistem timbang dan sukat diperkenalkan
	Antara barang yang ditimbang termasuklah emas, perak/bahan wangian dan batu permata
	Tumpuan pedagang asing/tempatan
	Seperti pedagang dari Arab/China/India/Pegu/Ryukyu/Ceylon/Eropah/Alam Melayu
	Melaka sebagai pelabuhan entrepot
	Menjadi pusat kegiatan manusia dari pelbagai tempat/masyarakat
	Menjadi tempat persinggahan sementara menunggu perubahan angin monsun

	Pelabuhannya menyediakan kemudahan membaiki kapal/gudang/urusan jual beli dan lain-lain.
	Urusan perdagangan menggunakan kaedah jual beli
	Menggunakan mata wang sebagai alternatif sistem barter
	Peranan orang laut sebagai penunjuk arah kepada pedagang
	Pusat penyebaran dan perkembangan agama Islam

2. Bukti pengaruh Islam dalam kegiatan ekonomi masyarakat di Tanah Melayu.

	Islam melarang amalan penindasan dan penipuan dalam perdagangan dan perniagaan
	Semua lapisan rakyat akan membeli sesuatu barangan dengan harga yang sama
	Islam juga mengharamkan amalan riba dalam perniagaan dan pinjaman
	Ini memberi keadilan kepada semua terutama rakyat bawahan
	Yang sering terbeban dengan hutang dan kadar bunga yang tinggi
	Pungutan zakat dan amalan sedekah dapat membantu golongan fakir dan miskin yang memerlukan bantuan
	Sistem timbangan dan sukatan yang seragam mengelakkan penipuan dalam urusan jual-beli.
	Penggunaan mata wang membolehkan nilai barang dibuat dengan lebih tepat berbanding sistem pertukaran barang (barter)
	Terdapat undang-undang yang khusus dalam perdagangan
	Seperti di Melaka iaitu Undang-undang laut Melaka
	Menjamin keselamatan para pedagang
	Terdapat pegawai yang khusus menjaga urusan perniagaan
	Jawatan Syahbandar di Melaka membolehkan segala masalah perniagaan diadukan kepada pegawai tersebut.
	Sistem cukai yang standard memuaskan hati kepada semua pedagang.

3. Cara-cara Malaysia dapat memajukan sektor perdagangan seperti pada zaman Kesultanan Melayu Melaka.

	Meningkatkan kemudahan pelabuhan
	Menyeragamkan mata wang
	Mengenakan cukai yang berpatutan
	Menjamin keselamatan pedagang
	Mendalamkan kawasan pelabuhan / perairan
	Meningkatkan tenaga mahir
	Memilih pemimpin yang berwibawa
	Meningkatkan kecekapan pentadbiran
	Mempelbagaikan barang dagangan
	Memperbanyakkan industri sampingan
	Meningkatkan penggunaan teknologi

PENGARUH ISLAM DALAM MATA WANG

1. Penggunaan mata wang dalam urusan perdagangan di Tanah Melayu setelah kedatangan Islam.

	Penggunaan mata wang merupakan alternatif kepada sistem pertukaran barang atau barter
	Umumnya negeri-negeri Melayu menggunakan mata wang yang diperbuat daripada timah
	Mata wang timah pada zaman Melaka, berbentuk bulat dan beratnya satu kati lapan tahlil
	Nama sultan yang memerintah serta tarikh Islam dicatat pada mata wang tersebut
	Mata wang dari Pasai, Hormuz dan Cambay juga digunakan di Melaka
	Serta boleh ditukar dengan mata wang tempatan
	Di Johor mata wang timah dikenali sebagai wang kartun.
	Berbentuk bulat atau segi enam
	Tidak mempunyai tarikh, namun mempunyai tulisan jawi atau Arab
	Seperti Malik atau Sultan al-Adil
	Di Kedah juga mengeluarkan mata wang timahnya sejak abad ke17.
	Mata wang untuk kegunaan tempatan
	Berbentuk seekor ayam jantan yang hinggap di atas beberapa cincin
	Boleh dipatahkan dan digunakan secara berasingan
	Terdapat mata wang yang diperbuat daripada emas
	Digunakan secara meluas di Kedah dan di Johor pada abad ke 16

	Mata wang emas Johor yang tertua bertarikh 1527, iaitu pada zaman pemerintahan Sultan Alaudin Riayat Syah
	Mata wang emas di Kelantan dikenali sebagai kijang
	Kerana terdapat gambar kijang pada muka wang emas tersebut
	Mata wang emas di Johor digelar kupang
	Dan mengandungi emas seberat 10 grain (0.65gram)
	Dan jenis emas yang mempunyai berat 40 grains (2.6 gram)
	Tiap-tiap mata wang emas tertera nama dan pangkat sultan yang memerintah
	Dan yang mengeluarkan mata wang tersebut
	Di bahagian belakang mata wang itu tertulis pula gelaran Islam sultan berkenaan seperti Khalifatul Muslimin
	Pedagang Eropah menggunakan wang perak
	Manakala pedagang India, China dan Arab pula menggunakan emas atau mata wang emas

PENGARUH ISLAM DALAM PERCUKAIAN

1. Sistem percukaian yang dilaksanakan di Melaka pada abad ke-15.


	Cukai merupakan bayaran yang dikenakan oleh pihak pemerintah terhadap aktiviti yang tertentu atau barang tertentu
	Di Melaka, para pedagang yang berniaga wajib membayar cukai terhadap barang dagangan sebelum boleh mengurus niaga.
	Cukai di Melaka terbahagi kepada beberapa jenis
	Cukai paling asas ialah cukai tetap(cukai import) yang jumlahnya ditetapkan oleh pemerintah
	Pedagang dari India/Ceylon/Tanah Arab/Siam/ Pegu dikenakan cukai sebanyak 6 % daripada jumlah barang yang dibawa
	Pedagang dari Jepun dan China dikenakan cukai sebanyak 5 %.
	Barang tertentu tidak dikenakan cukai seperti beras dan makanan.
	Setelah cukai dibayar, barulah urusan jual beli dapat dilakukan di bazar-bazar yang disediakan di sepanjang sungai Melaka.
	Selain itu, orang asing yang menetap di Melaka juga dikenakan cukai
	Orang asing dari kepulauan Melayu dikenakan cukai diraja sebanyak 3%
	Orang asing lain dikenakan cukai sebanyak 6 %.
	Pemerintah juga menekankan agar golongan kaya dan berkemampuan membayar zakat harta
	Kutipan zakat disimpan oleh baitulmal
	Baitulmal berfungsi untuk menyelenggara harta kerajaan
	Harta ini akan digunakan bagi kepentingan dan kemakmuran negara
	Serta sebagai sumber bantuan yang sewajarnya kepada ahli masyarakat yang memerlukan bantuan

2. Kepentingan cukai kepada sesebuah negara.

	Punca pendapatan negara
	Memajukan negara
	Membayar gaji kaki tangan awam
	Meningkatkan kebajikan / kemudahan rakyat
	Memberi bantuan / biasiswa
	Menjana ekonomi negara
	Memperbaiki perkhidmatan pengangkutan dan perhubungan
	Membantu golongan miskin
	Sumber modal / dana

LATIHAN STRUKTUR

- 1 Rajah berikut merupakan perubahan konsep dalam sistem pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka pada abad ke-15 Masihi.



- a) Nyatakan **satu** contoh daripada undang-undang berikut.

- i. Undang-undang Tidak Bertulis.

.....

[1 markah]

- ii. Undang-undang Bertulis.

.....

[1 markah]

- b) Apakah perkara yang terkandung dalam Undang-undang Kerajaan Melayu ?

.....
.....
.....
.....

[4 markah]

- c) Mengapakah undang-undang penting dalam kehidupan manusia ?

.....
.....
.....
.....

[4 markah]

- 2 Pendidikan formal telah berkembang pesat dalam kalangan masyarakat Melayu di Tanah Melayu selepas kedatangan Islam.

- a) Apakah yang anda faham tentang pendidikan formal ?

.....
.....

[2 markah]

- b) Nyatakan **dua** ilmu Islam yang diajar dalam pendidikan formal masyarakat Melayu tradisional.

i.

ii.

[2 markah]

- c) Mengapakah pendidikan formal masyarakat Melayu berkembang selepas kedatangan agama Islam ?

.....
.....
.....

[3 markah]

- d) Mengapakah pendidikan formal penting dalam kehidupan manusia sepanjang zaman ?

.....
.....
.....

[3 markah]

LATIHAN ESEI

- 3** Kerajaan Melayu Melaka muncul sebagai sebuah kuasa yang unggul pada abad ke-15.

- a) Jelaskan faktor yang membolehkan Melaka muncul sebagai sebuah kuasa perdagangan pada abad ke-15.
[4 markah]

- b) Terangkan mata wang yang digunakan di pelabuhan Melaka pada abad ke-15.

[8 markah]

- c) Jelaskan sistem percukaian yang diamalkan oleh Kerajaan Melayu Melaka.

[8 markah]

BAB 9 : PERKEMBANGAN DI EROPAH

REFORMATION (1300-1450M)

1. Maksud Reformation

	Berasal daripada perkataan <i>Reform</i>
	Bermaksud melakukan perubahan/pembaharuan
	Membentuk sesuatu yang baharu/ lebih baik
	Pembaharuan dalam agama Kristian

2. Tokoh gerakan Reformation.

	Martin Luther
	Huldreich Zwingli
	John Calvin

3. Faktor kemunculan gerakan Reformation di Eropah.

	Kritikan terhadap penguasa gereja Katolik
	Penguasa gereja mengamalkan gaya hidup bangsawan/ keduniaan
	Cara hidup tidak mencerminkan kehidupan beragama
	Tidak mengikut kitab Bible
	Kepincangan institusi gereja
	Penyelewengan pihak gereja
	Melalui penjualan sijil Indulgences (Surat Pengampunan)
	Penciptaan mesin cetak
	Mempercepat cetakan kitab Bible
	Kemunculan Martin Luther
	Mempelopori gerakan Reformation
	Memperkenalkan mazhab protestan
	Menentang amalan indulgences
	Percaya manusia bergantung kepada kekuatan rohani
	Penyebaran mazhab Protestan
	Berkembang di Sweden/ Denmark/ Norway/ England
	Switzerland, dipelopori oleh Huldreich Zwingli dan John Calvin

4. Idea yang diperjuangkan oleh Martin Luther dalam gerakan Reformation

	Menentang penjualan <i>Sijil Indulgences</i>
	Amal ibadat bergantung kepada kekuatan rohani
	Mencabar kedudukan gereja Roman Katolik dan paderi

5. Kesan gerakan Reformation kepada masyarakat Eropah

	Agama Kristian berpecah kepada 2 mazhab
	Katolik dan Protestan
	Jerman/ Norway/ Sweden/ Denmark/ England/ Switzerland amal mazhab Protestan
	Negara Eropah berpecah
	Berperang mengikut mazhab
	Perang keagamaan di Perancis
	Perang 30 tahun melibatkan Sepanyol/ Jerman/ Bohemia/ Denmark/ Sweden
	Perbalahan antara dua mazhab
	Mazhab Protestan mempersoalkan kewibawaan gereja
	Mazhab Katolik mempertahankan gereja
	Melalui Counter Reformation
	Timbul sikap toleransi antara mazhab Kristian
	Mengiatkan pendidikan
	Berusaha menyebarkan fahaman mereka
	Kuasa gereja dicabar secara terbuka

	Kuasa gereja Rom terhadap kerajaan/monarki baharu semakin kurang
	Monarki baharu membebaskan diri daripada penguasaan Paus di Rom
	Raja England, membebaskan diri dan mengisytiharkan diri sebagai ketua kerohanian Gereja Protestan Anglican

6. Kepentingan tolak ansur dalam kepelbagaian kaum di Malaysia.

	Mengekalkan keamanan negara
	Persengketaan kaum dapat dielakkan
	Seperti tema Hari Kebangsaan iaitu Sehati Sejiwa
	Mengekalkan kestabilan politik negara
	Keadaan negara tidak kucar kacir
	Seperti rakyat tidak melakukan demonstrasi
	Mengamalkan semangat muhibah
	Membudayakan amalan tolong menolong
	Seperti rakyat membudayakan semula amalan bergotong royong
	Mengelakkan isu sensitif
	Tidak mempersoalkan perkara yang terkandung dalam perlembagaan negara
	Seperti rakyat mempertikaikan kedudukan Yang Dipertuan Agong
	Menghormati perbezaan budaya/ agama/ kefahaman
	Mengikis sikap memperlekeh perbezaan budaya/ agama/ kefahaman
	Seperti rakyat digalakkan mengamalkan semangat 1 Malaysia
	Mengukuhkan ekonomi negara
	Pembangunan negara akan lebih pesat
	Seperti sikap toleransi agama masyarakat Malaysia menyakinkan pelabur asing

7. Langkah untuk mengekalkan perpaduan kaum dalam kalangan rakyat pelbagai bangsa di Malaysia.

	Tidak menimbulkan isu sensitif yang boleh menggugat perpaduan
	Menghormati budaya/adat/ bahasa kaum-kaum lain
	Memperkasakan Dasar Pendidikan Kebangsaan/ sekolah Wawasan/sekolah Kebangsaan
	Memartabatkan Akta Bahasa Kebangsaan/Bahasa Melayu bahasa kebangsaan
	Melancarkan Kebudayaan Kebangsaan
	Menjalankan aktiviti sukan/kelab/persatuan
	Pengamalan Rukun Negara
	Bekerjasama/gotong-royong tanpa mengira kaum
	Mengurangkan perasaan perkauman dalam diri masing-masing
	Menghormati dan memahami kontrak sosial sebelum merdeka

8. Iktibar yang diperoleh daripada Zaman Reformation yang berlaku di Eropah.

	Berfikiran luas
	Tidak rigid dalam menilai sesuatu pegangan atau pandangan.
	Tidak fanatik
	Agama tidak diselewengkan demi kepentingan tertentu
	Agama tidak diubah suai untuk kemahuan diri
	Berfikiran matang
	Mendalami ilmu agama
	Tidak mementingkan materialistik
	Tidak menindas
	Agama dijadikan alat untuk kepentingan diri
	Setiap agama mendapat keadilan dalam pengamalan
	Tidak mudah terpengaruh
	Agama tidak digunakan untuk cara yang salah
	Agama digunakan untuk kepentingan politik



1. Sebab-sebab Revolusi Pertanian berlaku di Britain.

	Pertambahan penduduk di Britain
	hasil pertanian perlu dipertingkatkan
	Perubahan dalam pemilikan tanah persendirian
	sebelum revolusi, di Britain sistem pemilikan tanah boleh dibahagikan kepada sistem pemilikan tanah persendirian dan sistem pemilikan tanah awam
	tanah persendirian dimiliki oleh golongan kaya / tuan tanah
	tanah awam juga dimiliki oleh orang perseorangan H2d tanah awam dibenar diguna oleh rakyat biasa di Britain untuk bercucuk tanam
	Tuan tanah mahu memanfaatkan tanah untuk pengeluaran secara besar-besaran
	berlaku pada abad ke-18 kerana harga gandum telah meningkat
	Akta Pemagaran Tanah diluluskan
	tuan tanah menggunakan parlimen bagi meluluskan Akta Pemagaran Tanah
	wujud kawasan yang luas bagi penanaman dipanggil ladang
	Wujud golongan buruh ladang
	golongan petani kecil-kecilan yang mengusahakan tanah-tanah awam kini menjadi buruh ladang
	Kaedah penanaman bergilir diperkenalkan di Britain
	diperkenalkan oleh Lord Townshend
	satu bidang tanah ditanam dengan tanaman yang berbeza mengikut musim
	tidak ada tanah yang ditinggalkan kosong
	tanaman baru diperkenalkan seperti turnip dan ubi kentang
	Berjaya menghasilkan alat-alat pertanian yang baru
	alat Tethro Tull untuk kegunaan menggali dan menugal berjaya dicipta oleh Jethro Tull
	mesin bajak berbentuk tiga segi dinamakan Rotterham direka bagi membolehkan kerja membajak lebih berkesan
	mesin memukul menggunakan kuasa wap mula diguna pada tahun 1798
	Penggunaan baja asli
	menjadikan tanaman lebih subur
	hasil pertanian dapat dipertingkatkan
	Berjaya memperkenalkan kaedah baru penternakan biri-biri dan lembu
	diperkenalkan oleh Robert Bakewell
	binatang ternakan boleh membesar dan matang dengan lebih cepat

2. Kesan Revolusi Pertanian ke atas masyarakat Eropah

	Wujud tuan tanah yang kaya
	Peladang yang menjadi kaya daripada Revolusi Pertanian melaburkan lebih modal dalam bidang perindustrian
	Peladang mempunyai sikap berani mengambil risiko melaburkan modal dalam bidang yang belum menjanjikan keuntungan
	Menyediakan bekalan makanan untuk pekerja kilang
	Lebih produk pertanian diperdagangkan di peringkat antarabangsa
	Para peladang menjadi pedagang antarabangsa
	Petani bertukar menjadi buruh ladang
	Tuan tanah menjadi tokoh yang kaya dan tokoh utama dalam masyarakat
	Membekalkan bahan mentah untuk revolusi industri
	Tuan tanah menjadi majikan kepada buruh ladang
	Hasil pertanian meningkat dengan banyak
	Pertanian dilakukan dalam skala besar-besaran
	Kumpulan petani kecil pupus
	Berlaku pengkhususan dalam pekerjaan

3. Ciptaan baru yang membawa kepada Revolusi Perindustrian di Eropah

	Penanaman secara bergilir
	Pengenalan tanaman baru seperti turnip dan ubi kentang
	Jethro Tull untuk menggali dan menugal
	Flying Shuttle untuk kerja menenun kain

	Water Frame alat pemintal benang
	Spinning Jenny mesin pemintal benang
	Penciptaan enjin berkuasa wap
	Lokomotif/kereta api

4. Langkah memajukan bidang pertanian di Malaysia.

	Kerjasama dengan Negara maju dalam pertanian.
	Mempelbagaikan hasil daripada bidang pertanian.
	Memberikan lebih peruntukan dalam meningkatkan bidang pertanian.
	Menubuhkan universiti / institusi yang berkaitan dengan pertanian
	Melahirkan petani yang berilmu pengetahuan
	Mementingkan bidang penyelidikan dan pembangunan dalam pertanian
	Mencipta kaedah pertanian yang moden
	Menggalakkan penggunaan tanah secara optimum
	Menggunakan baja kimia dan organik
	Menggunakan mesin dan robot dalam pertanian
	Menggalakkan inovasi dalam pertanian
	Menghargai dan mengiktiraf sumbangan golongan petani
	Melakukan pertanian dalam skala besar-besaran
	Melakukan aktiviti hiliran untuk setiap hasil pertanian
	Mengurangkan karenah birokrasi untuk memajukan bidang pertanian
	Mengurangkan kebergantungan kepada buruh asing

5. Langkah-langkah untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat pertanian antarabangsa.

	Menguasai ilmu pengetahuan
	Menguasai kemahiran
	Menjamin keamanan
	Mengekalkan perpaduan kaum
	Kreatif dan inovatif
	Mengalakkan pelaburan asing
	Menaik taraf infrastruktur
	Menambah tenaga mahir
	Tingkatkan kecekapan pentadbiran kerajaan
	Kurangkan karenah birokrasi
	Memberikan bantuan modal
	Mencari pasaran baru
	Melakukan penyelidikan

6. Kejayaan yang telah dicapai oleh Malaysia dalam sektor pertanian.

	Pengeluar komoditi utama dunia (koko/getah/kelapa sawit)
	Bioteknologi
	Menjadikan pertanian satu industri
	Pusat pengeluaran herba
	Peranan agensi penyelidikan seperti RISDA, MARDI
	Pengurusan pertanian: FAMA, FELDA, FELCRA
	Teknologi pertanian (hydroponic/petigasi gantung/baja)
	Pasaran luas di peringkat antarabangsa
	Pelopor hub halal
	Mengeksport ikan talapia ke Belgium

7. Isu-isu/cabaran memajukan sektor pertanian di Malaysia.

	Kewangan
	kekurangan modal
	nilai mata wang turun naik
	Pelaburan
	kejatuhan harga komoditi
	masalah menarik pelabur asing

	Teknologi
	masih rendah
	bergantung kepada teknologi luar
	Globalisasi
	persaingan dengan negara maju
	pengiktirafan oleh negara-negara maju
	Pasaran
	menembusi pasaran antarabangsa
	pasaran terhad
	tekanan negara maju
	Tenaga kerja
	kurang mahir
	bergantung kepada negara luar
	ramai tenaga mahir berkhidmat di negara luar
	Cuaca
	bencana alam
	perubahan iklim

REVOLUSI PERINDUSTRIAN (1725M)

1. Maksud Revolusi Perindustrian

	Produk atau barangan dihasilkan menggunakan mesin menggantikan tenaga manusia
	Pengeluaran barangan secara besar-besaran melebihi paras keperluan
	Lebih produk telah diperdagangkan/dikomersialkan
	Perubahan dalam teknik pengeluaran, skala pengeluaran dan aktiviti mengkomersialkan barangan yang dihasilkan

2. Faktor yang menyebabkan berlakunya Revolusi Perindustrian di Britain.

	Penyediaan modal
	Para pedagang kaya melaburkan lebih modal dalam bidang perindustrian
	Revolusi Pertanian menyediakan bekalan makanan
	Britain tidak perlu mengimport bekalan makanan
	Dana yang disimpan dapat disalurkan kepada bidang perindustrian
	Semangat dan kegiatan keusahawanan
	James Watt memperbaiki enjin rekaan Thomas Newcomen
	Watt menubuhkan syarikat bernama Matthew Boulton
	Berjaya mengeluarkan enjin kuasa wap yang lebih baik
	Pengkhususan pengeluaran
	Pelabur modal mengkhususkan dalam satu bidang sahaja
	Kuantiti dan kualiti barang dapat dipertingkatkan
	Produk dapat dipasarkan secara meluas dalam negeri dan luar negara
	Penggunaan teknologi
	Penggunaan tenaga wap yang menggunakan pembakaran arang batu
	Mesin berkuasa wap digunakan untuk memacu kenderaan
	Pada tahun 1702, Thomas Newcomen telah mencipta enjin berkuasa wap
	Enjin ini digunakan secara meluas dalam bidang perlombongan arang batu
	Enjin berkuasa wap Thomas Newcomen (1712) dapat mengepam dan mengeringkan air di dalam lombong arang batu
	Lombong boleh dikorek lebih dalam dan lebih banyak arang batu boleh dikeluarkan
	Sistem pengangkutan
	Penggunaan kuasa wap memanfaatkan sistem pengangkutan
	Enjin yang mengendalikan kereta api dan kapal laut menggunakan kuasa wap
	Perkembangan industri lain
	Enjin berkuasa wap ciptaan Newcomen menggunakan pembakaran arang batu
	Penggunaan arang batu membawa kepada perkembangan perusahaan lain
	Seperti bidang pembuatan, perusahaan besi dan keluli serta pengangkutan

3. Kesan Revolusi Perindustrian membawa perubahan kepada masyarakat Britain.

	Kemajuan Pertanian
	Kegiatan pembuatan dan pengilangan menggantikan kegiatan pertanian sebagai bidang utama ekonomi negara
	Kedudukan tuan-tuan tanah sebagai tokoh utama dalam masyarakat telah digantikan oleh pengusaha dan pemilik kilang
	Peningkatan perdagangan antarabangsa
	Lebih produk diperdagangkan di peringkat antarabangsa
	Perdagangan import dan eksport
	Sistem pengangkutan dimajukan
	Britain mengeksport modal ke seberang laut
	Kemajuan bidang pengangkutan
	Penciptaan dan penggunaan kereta api dan enjin berkuasa wap
	Rel kereta api diperbuat daripada keluli
	Sistem pengangkutan laut dimajukan
	Penggunaan kapal laut yang dikemudikan oleh jentera berkuasa wap
	Kemunculan golongan buruh dan majikan
	Kemunculan rakyat yang bekerja sebagai buruh kilang untuk mengendalikan mesin-mesin
	Sistem perkilangan diperkenalkan
	Banyak kilang tekstil
	Berlakunya Pergerakan Luddite
	Terdapat penindasan majikan terhadap buruh
	Akta Antipenggabungan melarang para pekerja daripada penggabungan untuk meminta gaji atau layanan yang lebih baik
	Kanak-kanak di bawah umur 10 tahun dieksploitasi di kilang tekstil dan lombong arang batu
	Masa bekerja melebihi 10 jam sehari
	Kesedaran wujud tentang keadaan perburuhan
	Parlimen British telah membela nasib pekerja dengan adanya beberapa akta
	Akta Antipenggabungan dimansuhkan pada tahun 1824
	Penubuhan Kesatuan Sekerja diadakan
	Akta Kilang (1833) diadakan untuk melarang kanak-kanak di bawah umur sembilan tahun bekerja
	Akta Lombong(1842) diadakan untuk melarang penglibatan kanak-kanak perempuan dan wanita dalam perusahaan arang batu
	Akta Sepuluh Jam (1847) melarang wanita dalam perusahaan tekstil bekerja lebih daripada sepuluh jam sehari

4. Kesan Revolusi Pertindustrian terhadap negara luar Eropah.

	Imperialis Barat menguasai tanah jajahan baru
	British menjajah Tanah Melayu, Burma dan India
	Perancis menjajah IndoChina
	Sepanyol berada di Filipina
	Pengenalan Sistem Pemerintahan dan Pentadbiran Barat
	Pemerintah dan pembesar tempatan terpaksa menerima penasihat Barat
	Sistem perundangan tradisional diubah
	Sistem ekonomi distruktur semula
	Di Tanah Melayu, penanaman getah dan perusahaan bijih timah dikomersialkan
	Perubahan dalam sistem pendidikan
	Di Tanah Melayu dan Burma, sistem pendidikan Inggeris telah diperkenalkan
	Pendidikan hanya untuk golongan elit
	Hanya terdapat di kawasan bandar
	Melatih golongan pentadbir rendah bagi memenuhi keperluan pentadbiran British
	Perubahan demografi
	Kuasa Barat mengimport buruh dari luar
	Di Tanah Melayu, buruh diimport dari China dan India untuk bekerja di ladang getah dan lombong bijih timah
	Ti adanya usaha perpaduan antara kaum

5. Aspek-aspek yang perlu dititikberatkan dalam memacu kejayaan sesebuah negara.

	Mengutamakan sektor perindustrian
	Industri berat seperti HICOM
	Barangan dagangan antarabangsa
	Membawa kepada perkembangan sektor perkilangan
	Kemajuan fizikal dan bersepadu
	Perpaduan rakyat
	Asas kekuatan dan kemajuan negara
	Mewujudkan rakyat yang beridentitikan Malaysia
	Bangsa Malaysia membawa kemajuan negara
	Kestabilan politik
	Kekukuhan sistem kerajaan
	Amalan sistem demokrasi berparlimen
	Menjamin keamanan dan kesejahteraan hidup
	Keharmonian negara
	Membangunkan ekonomi
	Meningkatkan taraf hidup
	Menjamin masyarakat yang adil dan saksama ekonominya
	Mewujudkan peluang kepada semua rakyat menceburi bidang-bidang tertentu
	Meningkatkan dan memodenkan sistem pendidikan
	Kekukuhan nilai moral dan etika
	Masyarakat yang tinggi nilai moral dan etika
	Tiada gejala sosial
	Budaya penyayang
	Masyarakat yang tidak individualistik
	Ketinggian maruah bangsa
	Hubungan diplomatik yang berkesan
	Keadaan politik yang stabil
	Pengekalan kemerdekaan

PENJELAJAHAN DAN PENEROKAAN

1. Negara-negara Eropah yang unggul dalam kegiatan penjelajahan dan penerokaan.

	Portugal
	Sepanyol
	England

2. Sebab-sebab berlakunya penerokaan dan penjelajahan.

	Desakan ekonomi/ kekayaan
	Mendapatkan barangan dari Timur
	Seperti emas/ rempah ratus
	Perdagangan
	Membawa keuntungan besar
	Memecah monopoli perdagangan Islam
	Sukar mendapat barangan dagangan
	Mencari laluan perdagangan baru
	Semangat keagamaan
	Menyebarkan agama Kristian
	Galakan pemerintah
	Ratu isabella/ ferdinand aragon/ putera henry
	Kemunculan monarki baharu
	Di England/ Perancis/ Belanda
	Menggalakkan penerokaan seberang laut
	Kestabilan politik Eropah
	Semangat kebangsaan bangsa

	Meninggikan martabat bangsa Eropah
	Persaingan kuasa Eropah
	Mendapatkan tanah jajahan antara Sepanyol dan Portugal
	Kejayaan Renaissance
	Melahirkan semangat inkuiri
	Perkembangan sains dan teknologi
	Peranan tokoh pelayaran
	Christopher Columbus/ Ferdinand Magellan/ Vasco da Gama
	Perjanjian Tordesillas
	Menggalakkan pelayaran

3. Kesan-kesan penjelajahan orang Eropah terhadap masyarakat setempat.

	Politik
	Banyak perjanjian dibuat
	Antara penguasa tempatan dengan kuasa Eropah
	Menandakan pengiktirafan kekuatan kuasa Eropah
	Wakil Eropah seperti Syarikat Hindia Timur Belanda (VOC)/ Syarikat Hindia Timur Inggeris (EIC)
	Berdagang sehingga ke Afrika/ Latin Amerika/ Asia Tenggara/ Asia Timur
	Ekonomi
	Kawasan luar menjadi pembekal kepada Eropah
	Seperti Melaka dikuasai oleh Portugis
	Jalan pelayaran perdagangan di Lautan Hindi dan Asia dikuasai pedagang Arab
	Telah diambil alih oleh pedagang Eropah seperti Portugis
	Sosial
	Gaya hidup masyarakat tempatan terpengaruh dengan masyarakat Eropah
	Terdapat masyarakat tempatan memeluk agama Kristian
	Perang antara orang tempatan dengan kuasa Eropah
	Seperti Sepanyol berperang dan menguasai tamadun Aztec/ tamadun Inca
	Penjajah menguasai emas/ perak di Latin Amerika
	Mengeksploitasi buruh peribumi di lombong/ ladang
	Golongan gereja beranggapan masa untuk menyebarkan agama Kristian
	Di Timur, Sepanyol menguasai Filipina/ Portugis menguasai Melaka/ Goa

4. Aktiviti penjelajahan dan penerokaan dapat menjadikan seseorang itu menjadi insan yang cemerlang.

	Meneroka pelbagai ilmu pengetahuan
	Mengetahui budaya negara luar
	Menguasai pelbagai bahasa dunia
	Mengatur strategi dengan berkesan
	Memperoleh pelbagai pengalaman
	Mengambil peluang untuk bertukar-tukar idea
	Meluaskan wilayah/ kawasan
	Mewujudkan hubungan diplomatik
	Menjamin kepentingan ekonomi
	Mengiatkan aktiviti perdagangan
	Melihat negara luar
	Mematangkan diri
	Berdikari dalam hidup
	Mempunyai keyakinan diri
	Berjiwa bebas
	Mendapatkan pengalaman
	Memahami budaya luar

5. Iktibar yang boleh anda contohi daripada kegiatan penjelajahan dan penerokaan masyarakat Eropah.

	Berusaha mengembangkan agama
	Memartabatkan nama negara
	Bersikap berani
	Bersedia menghadapi cabaran
	Berpandangan jauh
	Berani menanggung risiko

	Berusaha mengembangkan ekonomi
	Mendapatkan pengalaman
	Menuntut ilmu baharu
	Melahirkan bangsa yang berani

6. Sebab seseorang harus bersikap terbuka dalam menerima sesuatu pembaharuan

	Mudah menyesuaikan diri dalam dunia yang kerap bertukar teknologi.
	Menggalakkan perkongsian ilmu
	Dapat memacu kemajuan/kecemerlangan
	Membolehkan berlaku pertukaran/perpindahan teknologi
	Menghindari penjajahan asing
	Mengelakkan kemunduran/ketinggalan daripada arus kemajuan
	Bersedia menghadapi cabaran
	Dapat bertukar-tukar fikiran dan pendapat

IMPERIALISME BARAT DI ASIA

1. Maksud imperialisme

	Penguasaan sesebuah negara yang kuat terhadap negara yang lemah / penjajahan / penaklukan
	Dasar meluaskan pengaruh / wilayah
	Bertujuan mendapatkan keuntungan daripada segi politik dan ekonomi
	Contohnya Sepanyol dan Portugal menakluk Asia dan Amerika Latin
	Berminat mendapatkan bahan mentah seperti rempah-ratus, emas dan perak
	Tujuan lain untuk meluaskan pasaran.

2. Faktor-faktor yang mendorong kedatangan kuasa Barat ke Asia Tenggara.

	Mendapatkan bahan mentah
	Mendapatkan pasaran
	Revolusi Perindustrian di Eropah
	Perkembangan sistem pengangkutan / kereta api / kapal wap / mempercepatkan perjalanan
	Menyebarkan tamadun dan agama
	Sikap saling berlumba dalam kalangan negara Barat
	Misi 3G – <i>Gold, Glory dan Gospel</i>

3. Penjajahan bentuk baharu yang dihadapi oleh Malaysia kini.

	Penjajahan minda
	Penjajahan budaya/ hedoisme
	Penjajahan ekonomi
	Penjajahan informasi
	Penjajahan ideologi politik
	Penjajahan pendidikan

4. Cabaran Malaysia dalam menghadapi penjajahan bentuk baharu.

	Isu perkauman yang menebal
	Pencerobohan dan ancaman lanun di perairan
	Rakyat berminda kelas ketiga
	Perbalahan politik
	Gejala sosial / keruntuhan akhlak
	Masalah dadah
	Kemasukan pendatang tanpa izin yang berleluasa
	Masalah rasuah

5. Usaha-usaha yang perlu dilakukan oleh rakyat negara ini untuk mengekalkan kedaulatan negara.

	Memantapkan perpaduan antara kaum
	Menanamkan semangat cinta terhadap raja dan negara
	Mengekalkan keamanan negara

	Menghargai keharmonian antara kaum
	Mengutamakan permuafakatan / rundingan / diplomasi dalam menyelesaikan masalah
	Mewujudkan pentadbiran yang cekap
	Memantapkan kestabilan politik
	Tanggungjawab bersama membangunkan ekonomi negara demi kesejahteraan rakyat
	Meningkatkan penguasaan ilmu pengetahuan / teknologi moden
	Meningkatkan kerjasama antara rakyat dengan pemimpin negara

6. Pengaruh imperialisme Barat terhadap sistem pentadbiran Malaysia pada masa ini.

	Amalan demokrasi berparlimen
	Pelaksanaan pilihan raya
	Wujud badan pelaksana / kabinet
	Wujud badan perundangan
	Wujud badan kehakiman
	Terdapat pembahagian kuasa antara kerajaan persekutuan dengan kerajaan negeri
	Terdapat mahkamah
	Raja Berperlembagaan
	Kemunculan parti politik

7. Iktibar daripada penjajahan Barat.

	Tidak mudah percaya kepada pihak luar.
	Mempertahankan maruah negara
	Taat setia kepada pemimpin
	Semangat patriotik dalam diri setiap rakyat
	Semangat jati diri yang utuh
	Berwawasan dalam menjana kemajuan negara
	Bijak bertindak dalam menangani masalah
	Memelihara keamanan negara
	Memelihara kedaulatan negara

8. Sikap yang perlu ada dalam menangani imperialisme pada hari ini.

	Berilmu pengetahuan
	Kerjasama dengan negara maju lain.
	Mencipta teknologi moden
	Berpandangan jauh / Berwawasan
	Membuang sikap malu dalam mencari ilmu baru.
	Mengamalkan dasar pintu terbuka
	Membuang nilai negatif yang ada dalam diri dan masyarakat.

9. Kejayaan masyarakat Eropah yang boleh dicontohi untuk memajukan bangsa dan negara.

	Kegiatan perdagangan antarabangsa
	Pengeluaran secara besar-besaran
	Revolusi Pertanian
	Penciptaan kaedah baru dalam tanaman
	Penciptaan teknologi moden/mesin/peralatan
	Revolusi Perindustrian
	Melakukan kegiatan keusahawanan
	Penggunaan enjin berkuasa wap
	Memajukan sistem pengangkutan dan perhubungan
	Penjelajahan dan penerokaan
	Penjajahan/penaklukan ke atas negara-negara lain

LATIHAN STRUKTUR

1. Gambar berikut berkaitan dengan gerakan *Reformation* di Eropah Barat



Martin Luther

- a) Jelaskan maksud *Reformation* ?

.....
.....

[2 markah]

- b) Apakah sumbangan tokoh di atas ?

.....
.....

[2 markah]

- c) Apakah kesan gerakan *Reformation* di Eropah ?

.....
.....

[2 markah]

- d) Jelaskan iktibar yang dapat anda pelajari daripada gerakan *Reformation* yang berlaku di Eropah ?

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

2. Revolusi Pertanian dianggap satu revolusi yang telah menyediakan asas bagi Revolusi Perindustrian.

- a) Nyatakan **dua** faktor peningkatan pengeluaran makanan ketika Revolusi Pertanian.

- i.
ii.

[2 markah]

- b) Mengapakah tuan tanah mendesak Parlimen Britain meluluskan Akta Pemagaran Tanah?

.....

.....
[2 markah]

c) Mengapakah sektor pertanian semakin penting pada masa kini?

.....
.....
.....
.....
[3 markah]

d) Berikan cadangan anda untuk memajukan sektor pertanian di negara kita.

.....
.....
.....
.....
[3 markah]

LATIHAN ESEI:

3..

a) Terangkan faktor yang mendorong kuasa Eropah menjalankan kegiatan penjelajahan dan penerokaan.

[4 Markah]

b) Sejauh manakah penjelajahan dan penerokaan Barat membawa perubahan kepada masyarakat di Timur.

[4 Markah]

c)

i. Semangat yang dipamerkan oleh penjelajah dan peneroka lampau wajar dicontohi oleh generasi masa kini. Berikan alasan untuk menyokong pandangan tersebut.

[6 Markah]

ii. Sebagai generasi muda, apakah tindakan yang perlu anda lakukan dalam usaha meneroka bidang baru masa kini.

[6 Markah]

BAB 10: DASAR BRITISH DAN KESANNYA TERHADAP EKONOMI NEGARA**EKONOMI TRADISIONAL:****1. Maksud ekonomi tradisional**

	Kegiatan ekonomi yang dijalankan dalam ekonomi tradisional ialah bercucuk tanam, memungut hasil hutan, menternak binatang, melombong dan menangkap ikan secara kecil-kecilan
	Kegiatan mereka ini dikenali sebagai ekonomi sara diri
	Ekonomi sara diri bermaksud aktiviti ekonomi yang tidak menghasilkan lebihan produk untuk tujuan pemasaran

2. Ciri-ciri ekonomi sara diri

	Contoh ekonomi sara diri iaitu melombong, cucuk tanam, memungut hasil hutan, menangkap ikan.
	Pengeluaran skala kecil, teknologi mudah, modal yang kecil, buruh yang terhad dan pasaran kecil
	Lebihan pengeluaran – untuk tujuan kenduri, zakat, sedekah, hadiah
	Padi pula disimpan untuk bekalan hingga musim berikutnya
	Tanaman lain seperti ubi, pisang, kelapa
	Ternakan seperti ayam, itik, lembu untuk keluarga
	Teknologi mudah bagi penanaman padi seperti tajak, cangkul, tugal, tenggala
	Sistem pengairan mudah iaitu sumber daripada sungai dan hujan
	Menangkap ikan dengan menggunakan kaedah mengail, bubu, dan jala

EKONOMI DAGANGAN:**1. Maksud ekonomi dagangan.**

	Ekonomi dagangan adalah aktiviti pertanian atau perlombongan yang melibatkan lebihan pengeluaran untuk tujuan pemasaran
--	---

2. Ciri-ciri ekonomi dagangan.

	Pengeluaran dalam skala yang besar, buruh yang ramai, modal besar, pemasaran lebih luas
	Penggunaan sumber tenaga buruh yang banyak
	Penggunaan modal yang besar
	Penggunaan teknologi yang lebih tinggi seperti kapal korek
	Melibatkan pasaran yang lebih luas

3. Perkembangan perusahaan perlombongan di Tanah Melayu pada pertengahan abad ke-19 dan awal abad ke-20.

	Perlombongan telah lama dijalankan oleh orang Melayu dan menjadi kegiatan ekonomi yang penting
	Tanah Melayu kaya dengan hasil galian seperti bijih timah, emas, arang batu, bauksit, antimoni dan bijih besi
	Sehingga digelar Suvarnabhumi yang bermaksud bumi emas oleh pedagang India pada zaman silam
	Bijih timah dan emas ialah galian terawal diperdagangkan yang diusahakan secara kecil-kecilan oleh orang Melayu
	Bijih timah mendapat permintaan antarabangsa yang besar sehingga muncul pengusaha Eropah mengambil alih peranan pembesar-pembesar Melayu
	Mulai abad ke -19 kedatangan pengusaha China pada awalnya dipantau oleh pembesar Melayu
	Pengusaha dari China perlu mendapat kebenaran melombong dan menjual semula hasil timah ini kepada pembesar Melayu
	Harga timah ini ditentukan oleh pembesar Melayu itu sendiri
	Kedatangan pemodal Eropah pada awal abad ke-20 telah menghentikan penguasaan pembesar Melayu
	Kedatangan pemodal Eropah berjaya menyaingi pengusaha China kerana mereka menguasai kapal korek menghasilkan pengeluaran secara besar-besaran
	Pemodal Eropah berintensifkan modal manakala orang China berintensifkan buruh
	British meluluskan enakmen dan undang-undang yang mewujudkan penguasaan pengusaha Eropah

	Terdapat pembesar Melayu yang mengambil mudah mencari keuntungan dengan memajukan lombong mereka kepada saudagar China dari Negeri-negeri Selat kerana ketiadaan modal
	Dengan pengenalan kapal korek, sebagai teknologi baru, penguasaan pemodal China dalam sektor perlombongan bijih timah merosot pada abad ke-20
	Tanah Melayu terus menjadi pengeluar utama bijih timah dunia pada Perang Dunia Kedua

4. Cara-cara pengusaha Eropah menguasai sektor perlombongan bijih timah di Tanah Melayu.

	Menghentikan penguasaan pembesar Melayu
	Menyaingi pengusaha China
	Menggunakan kapal korek
	Pengeluaran secara besar-besaran
	Modal besar
	Buruh ramai
	Meluluskan enakmen dan undang-undang yang mewujudkan penguasaan pengusaha Eropah.

5. Sumbangan buruh luar dalam sektor ekonomi di Tanah Melayu

	Memajukan sektor perlombongan bijih timah
	Memajukan sektor perladangan getah
	Membantu menambah pendapatan negara
	Memajukan sistem pengangkutan / perhubungan
	Membawa kemunculan bandar-bandar
	Memperkenalkan sistem kewangan
	Membawa kepada penubuhan bank
	Memperkenalkan insurans

6. Langkah-langkah orang Melayu untuk mengekalkan penguasaan dalam perlombongan bijih timah

	Modal yang besar
	Meningkatkan kemahiran
	Memodenkan teknologi / kaedah perlombongan
	Menguasai / memantapkan penguasaan ilmu berkaitan bidang perlombongan
	Sanggup menanggung risiko / sifat berani mencuba / berdaya saing
	Menambah pelaburan asing
	Meluaskan pasaran ke peringkat antarabangsa

7. Cara-cara rakyat Malaysia memastikan kekayaan negara tidak dieksploitasi kuasa asing

	Meningkatkan penguasaan teknologi moden
	Memiliki ilmu pengetahuan tentang ekonomi moden
	Memantapkan kestabilan politik
	Mengekalkan keamanan negara/mengelakkan huru hara
	Berfikiran terbuka untuk menerima teknologi baru / kaedah baru untuk meningkatkan pengeluaran
	Membentuk budaya daya saing
	Membentuk masyarakat yang bersatu padu / perpaduan kaum
	Bersifat kreatif / inovatif / produktif
	Menyokong dasar kerajaan untuk membangunkan negara
	Mengutamakan tenaga kerja tempatan

KEMASUKAN BURUH CHINA DAN INDIA KE TANAH MELAYU

1. Faktor-faktor yang mendorong kemasukan buruh China dan India ke Tanah Melayu

	Galakkan daripada penjajah British malah penghijrahan mereka tidak ditentang oleh orang Melayu
	Wujud hubungan tradisi antara Tanah Melayu dengan India telah mendorong mereka berhijrah ke Tanah Melayu
	Kemakmuran Tanah Melayu yang sedang pesat membangun dari segi ekonomi menerusi perusahaan bijih timah dan getah telah membuka banyak peluang pekerjaan kepada kaum imigran
	Pemerintahan British telah mewujudkan kestabilan politik di Tanah Melayu yang bukan sahaja telah menarik pemodal tetapi juga buruh asing untuk ke sini

2. Cara-cara kedatangan buruh China ke Tanah Melayu

	Sistem Tiket Kredit
	Bakal imigran dikumpul oleh khee-tau(ketua)
	Ketua ini dibayar sejumlah wang bagi setiap imigran China yang dibawa
	Bakal imigran dikenali sebagai sin keh
	Imigran diletakkan dibawah pengawasan nakhoda kapal atau agensi buruh yang dibayar oleh majikan
	golongan sin khee membuat perjanjian untuk menjelaskan hutang mereka secara bekerja dengan majikan untuk tempoh tertentu
	Mereka dibekalkan dengan tiket ke pelabuhan yang dituju
	Tiba di pelabuhan mereka diambil oleh pemborong buruh yang akan mendapatkan majikan untuk mereka
	Sistem Pengambilan Kakitangan
	Majikan akan menghantar pegawai ke China untuk mendapatkan buruh
	Segala perbelanjaan dan tambang dibiayai oleh majikan
	Pegawai yang dihantar mengiringi buruh tersebut hingga mereka sampai ke tempat majikan
	Sistem Pengambilan Rumah Kongsi
	pengambilan buruh dilakukan oleh pegawai di Negara China yang dilantik oleh sesebuah rumah kongsi
	Pegawai tersebut membiayai perbelanjaan buruh sehingga mereka sampai di rumah kongsi
	Apabila buruh itu diserahkan kepada tuan punya rumah kongsi, pembawa buruh akan dibayar dengan kadar tertentu seperti yang telah dipersetujui bagi setiap buruh yang dibawanya
	Secara Berkumpulan
	Cara kedatangan imigran berubah ekoran wujudnya tajaan oleh Charles Brooke melalui syarikatnya yang beribu pejabat di Singapura
	Kemasukan imigran Cina berketurunan Foochow di Sarawak secara berkumpulan dengan persetujuan antara Ketua Foochow di Sibu dengan Charles Brooke
	Imigran Foochow diperlukan untuk mengusahakan tanah dan membangunkan sektor pertanian gambir dan lada hitam

3. Cara kedatangan buruh India ke Tanah Melayu

	Sistem Buruh Bebas
	Mereka datang sendiri dengan biaya masing-masing
	Kedatangan mereka diaturkan oleh orang atau kumpulan tertentu kerana kepentingan ekonomi
	Setelah tiba di Tanah Melayu bebas memilih tempat dan pekerjaan yang dikehendaki
	Sistem Kontrak
	Majikan akan membiayai tambang mereka ke Tanah Melayu
	Buruh akan bekerja dengan majikan untuk jangka masa tertentu dengan bayaran minimum
	Keadaan ini menyebabkan sering berlaku pemerasan dan penindasan terhadap buruh dan sistem ini pernah disifatkan sebagai satu bentuk perhambaan yang tidak ketara
	Sistem Kangani
	Seorang kangani akan diberi lesen dan dihantar pulang ke India untuk mencari buruh
	Kangani akan diberikan wang pendahuluan untuk membiayai perbelanjaan buruh sehingga tiba di Tanah Melayu
	Seorang Kangani adalah seperti pengurus agensi yang membawa masuk pekerja asing

4. Kesan-kesan daripada peningkatan jumlah kemasukan Imigran India dan Cina ke Tanah Melayu

	Pembentukan masyarakat majmuk
	Wujud petempatan yang berbeza-beza mengikut kaum
	Jenis pekerjaan yang berbeza mengikut kaum
	Penggunaan bahasa yang berbeza dalam pertuturan
	Tidak terdapat interaksi antara kaum
	Tidak ada perpaduan antara kaum

DASAR BRITISH TERHADAP PERTANIAN

1. Dasar-dasar pertanian British di Tanah Melayu

	Orang melayu diperkenalkan oleh British dengan tanaman yang mempunyai pasaran seperti kopi,
--	---

	tembakau, getah.
	British telah mengkomersialkan tanaman tradisional seperti gambir dan lada hitam
	Tenaga buruh China dan India digunakan untuk memajukan lagi sektor perladangan.
	Undang – undang pemilikan tanah telah diperkenalkan oleh British, bertujuan untuk melindungi tanah orang Melayu daripada dicerooboh oleh pemodal asing. Tetapi beberapa daripada aspek undang – undang ada yang menindas orang Melayu

2. Pengenalan undang-undang British berhubung dengan tanah

	Sebelum kedatangan British persoalan tanah tidak menjadi masalah kepada orang Melayu kerana tanah yang luas, penduduk rendah, urusan cukai dan kebenaran mengusahakan tanah hanya dengan pembesar Melayu. Pemilikan tanah amat mudah iaitu pemilik tanah ialah sesiapa yang meneroka dan mengerjakan tanah tersebut
	Rekod bertulis adalah elemen penting dalam mengesahkan pemilikan tanah pada masa British
	Rekod ini juga digunakan dalam urusan tanah seperti cukai, pajakan, sewa beli, jual dan beli tanah
	Tanah juga dilihat sebagai cagaran untuk mendapatkan modal
	Undang- undangan tanah pertama ialah Peraturan Tanah Perak. Seterusnya Kanun Tanah Selangor, Peraturan Tanah Sungai Ujong
	Tanah dibahagikan mengikut nilai komersial seperti tanah ladang, pribumi dan perlombongan
	Kadar cukai tanah bergantung kepada jenis tanah dimiliki

3. Undang – undang melindungi tanah bumiputera

	Akta Tanah Simpanan Melayu (TSM) diperkenalkan oleh British bagi mengelakkan tanah milik Melayu berpindah kepada orang asing
	Residen berhak mengisytiharkan mana – mana tanah orang Melayu sebagai TSM untuk mengelak TSM daripada dijual, dipajak gadai, atau ditukar milik
	TSM juga ingin melindungi ekonomi penjajajh, contohnya TSM tidak boleh diusahakan tanaman komersial. TSM tidak subur dan tidak sesuai untuk tanaman perladangan
	Land Order di Sarawak diperkenalkan bagi melindungi tanah peribumi daripada diceroobohi oleh pengusaha China
	Di sini juga diperkenalkan Land Settlement Order bagi melindungi tanah peribumi daripada dicerooboh
	Di Sarawak pemindahan hak milik tanah hanya boleh dilakukan melalui perwarisan, bagi mengelakkan pemajakan, pemecahan dan penjualan tanah kepada orang luar
	Land Order Sarawak seterusnya membahagikan tanah kepada 3 kawasan iaitu tanah campuran, tanah simpanan dan tanah pedalaman
	Imigran hanya dibenarkan memiliki tanah campuran sahaja, manakala tanah simpanan dan pedalaman dilindungi
	Di Sabah pula, Proklamasi III Perlindungan Hak Peribumi yang melindungi kepentingan peribumi diwartakan oleh British. Peraturan ini menetapkan hak milik peribumi di bawah kuasa Pegawai Daerah
	Segala urusan jual beli tanah di Sabah dengan orang Eropah pula perlu dimaklumkan kepada ketua peribumi. Penduduk peribumi juga berhak menuntut ganti rugi ke atas tanah yang dijual kepada orang asing

4. Kesan pengenalan undang – undang tanah British

	Permohonan kebenaran mendapatkan tanah sama ada syarikat atau individu didapati daripada Pejabat Tanah dan bukan dari pembesar Melayu lagi
	Kebijakan Pejabat Tanah juga diperlukan untuk mengutip hasil hutan seperti nipah, damar, rotan
	Bermakna kuasa residen negeri amat besar untuk menentukan tanah yang boleh diberikan kepada pemodal
	Kelulusan tanah pula bergantung kepada modal, teknologi dan bilangan buruh yang akan digunakan
	Dasar tanah British juga membawa kepada perkembangan ekonomi wang. Di mana cukai, jual, beli, sewa ke atas tanah perlu menggunakan wang. Malah orang Melayu perlu membayar cukai hasil hutan dalam bentuk wang
	Kesannya orang Melayu yang tiada wang meminjam daripada orang tengah dan kemudiannya menyelesaikan menjual tanah untuk menyelesaikan hutang mereka

5. Dasar British terhadap pekebun kecil

	Minat orang Melayu kepada getah berbanding padi membimbangkan British kerana Tanah Melayu terpaksa mengimport beras dari Thailand, Myanmar, Indo-China.
--	---

	Bekalan import beras ini tidak terjamin, contohnya ketika berlaku kekurangan pengeluaran beras di Myanmar
	Maka petani tidak dibenarkan menanam getah di tanah sawah
	British menubuhkan Jabatan Parit, dan Tali Air bagi memperbaiki sistem peparitan dan membantu tanaman padi.
	Ini membuktikan bahawa British tidak memberi perhatian kepada kemajuan ekonomi orang Melayu
	Kerajaan penjajah hanya mengutamakan ekonomi mereka sendiri dan ekonomi peladang besar atau komprador yang sama-sama mengaut keuntungan negara daripada nasib rakyat tempatan
	Intensif kewangan dan bantuan teknikal tidak pernah ditawarkan kepada golongan pekebun kecil terdiri daripada orang Melayu
	Kesannya pekebun kecil jauh ketinggalan berbanding golongan yang mendapat bantuan kerajaan penjajah
	Dasar dan polisi

INSTITUSI KEWANGAN DAN INSURANS

1. Peranan Lembaga Pesuruhjaya Wang yang ditubuhkan oleh British di Tanah Melayu pada tahun 1897

	Mengeluarkan wang kertas bagi Negeri-negeri Selat di bawah Ordinan XIII
	Menguatkuasakan penggunaan wang kertas Negeri-negeri Selat
	Mengesahkan mata wang tersebut dalam urusan perdagangan di Negeri-negeri Selat

2. Kesan pengenalan wang kertas Negeri-negeri Selat terhadap Tanah Melayu

	Mempercepatkan / melicinkan urusan kewangan
	Meningkatkan kepesatan ekonomi Tanah Melayu
	Mata wang kerajaan Melayu terhapus
	Memudahkan penduduk Tanah Melayu membuat urus niaga
	Taraf hidup orang Melayu semakin tertekan kerana kekurangan wang

3. Sebab penubuhan institusi kewangan oleh British kurang memberi manfaat kepada orang Melayu

	Dasar kerajaan British meminggirkan orang Melayu
	Orang Melayu kurang mempunyai ilmu dalam bidang kewangan
	Perkhidmatan bank Eropah hanya melibatkan ekonomi dagangan
	Majoriti orang Melayu terlibat dalam sektor ekonomi tradisional
	Bank Eropah tertumpu di bandar-bandar besar
	Orang Melayu dikenakan kadar bunga yang tinggi
	Urusan perkhidmatan memerlukan komprador / orang tengah
	Kesulitan berbahasa Inggeris / kekangan dari segi faktor bahasa
	Prosedur tatacara yang rumit / sukar difahami

4. Kepentingan institusi kewangan kepada negara kita

	Menjana pertumbuhan ekonomi negara
	Menyediakan pinjaman kepada pelabur
	Memajukan industri negara
	Pengenalan sistem kewangan moden yang berorientasikan kadar faedah yang tinggi
	Mempercepatkan kemasukan dana asing
	Menggalakkan pelaburan asing
	Mempercepatkan bayaran kepada pengimport dan pengeksport
	Melicinkan urusan perdagangan antarabangsa
	Meningkatkan keinginan untuk menabung
	Mendorong pembinaan kilang-kilang

DASAR BRITISH TERHADAP PEKEBUN KECIL

1. Dasar British terhadap pekebun kecil di Tanah Melayu

	Mengekalkan orang Melayu sebagai pekebun kecil
	Mengekalkan orang Melayu sebagai golongan petani
	Memperkenalkan Enakmen Tanah Padi 1917 yang melarang penanaman getah di kawasan

	penanaman padi
	Mengurangkan jumlah penyertaan pekebun kecil getah terutamanya daripada kalangan orang Melayu dalam sektor perusahaan getah.
	Menaikkan premium untuk permohonan tanah baru untuk tujuan penanaman getah
	Pembukaan tanah-tanah baru untuk tujuan penanaman getah telah dilarang

2. Sebab-sebab orang Melayu kurang melibatkan diri dalam bidang ekonomi komersial semasa pentadbiran British

	Kekurangan modal
	Tidak mendapat galakan British
	Kurang berkemahiran
	Ketiadaan teknologi
	Saiz tanah yang kecil
	Tanah yang tidak subur

3. Iktibar yang diperoleh daripada dasar British terhadap tanah sebagai panduan untuk kemajuan Malaysia.

	Wariskan tanah kepada pemilik yang sah
	Menyimpan segala dokumen berkaitan hak pemilikan tanah dengan baik
	Mengusahakan tanah secara komersial
	Membayar cukai tanah
	Menjalankan pertanian moden
	Mengetahui hak sebagai pemilik tanah
	Mendapatkan khidmat nasihat daripada pihak berwajib

4. Bagaimanakah langkah British mengurangkan kebergantungan terhadap beras import

	Pekebun kecil tidak dibenarkan di tanah sawah
	Kerajaan British telah menubuhkan Jabatan Parit dan Tali Air tahun 1930
	Bagi memperbaiki sistem perparitan dan tali air demi membantu kegiatan penanaman padi

KESAN-KESAN DASAR EKONOMI:

PEMBANDARAN



1. Berikan maksud pembandaran

	Perubahan daripada pekan kecil atau kampung kepada sebuah bandar
	Hasil daripada pertambahan fungsi atau kegiatan ekonominya

Huraikan faktor/sebab kemunculan bandar

	Perkembangan pusat kegiatan ekonomi perlombongan bijih timah
	Pekan akan mengalami pertambahan penduduk serta berfungsi sebagai tempat mengumpul hasil lombong
	Kawasan tersebut menjadi pusat untuk mendapatkan keperluan harian
	Perkembangan perusahaan perlombongan telah menambah fungsi bandar
	Pekan akan berkembang menjadi bandar
	Bandar pula akan menjadi pusat bagi pentadbiran, perbankan
	Bandar yang wujud kerana perkembangan perlombongan bijih timah seperti Kuala Lumpur, Taiping dan Seremban
	Bandar Miri pula muncul kerana perkembangan perlombongan petroleum

2. Terangkan kesan-kesan pembandaran.

	Pusat kegiatan dan aktiviti tertumpu dibandar
	Fungsi bandar bertambah sebagai pusat perniagaan, pentadbiran, perbankan
	Bandar-bandar baru wujud dan dihuni oleh orang Cina
	Ketidakseimbangan pembangunan antara kawasan di pantai Barat Tanah Melayu dengan Pantai Timur Tanah Melayu
	Bandar didominasi oleh orang bukan Melayu
	Orang Melayu mendapatkan pendidikan di bandar

	Jurang ekonomi antara kaum semakin luas
	Orang Melayu masih kekal tinggal di bandar
	Orang Melayu amat sedikit terlibat dalam aktiviti perdagangan

3. Sebab-sebab British lebih memberi tumpuan membangunkan pembandaran di Pantai Barat berbanding di Pantai Timur Tanah Melayu.

	Tempat tumpuan aktiviti ekonomi British
	Banyak mengeluarkan bijih timah
	Banyak ladang getah dibuka
	Pusat pentadbiran utama British
	Mempunyai kemudahan pengangkutan darat
	Kewujudan pelabuhan semula jadi yang maju
	Tiada gangguan angin monson
	Kawasan tumpuan imigran dari China dan India
	Pusat perdagangan yang penting
	Kawasan mula-mula British meluaskan kuasa/ NNS
	Terletak di laluan perdagangan antarabangsa

4. Faktor-faktor bandar mati wujud di negara kita.

	Kemerosotan aktiviti ekonomi
	Bahan mentah semula jadi semakin pupus
	Kegiatan perdagangan sudah tidak lagi menguntungkan
	Orang ramai kehilangan pekerjaan
	Berlaku migrasi beramai-ramai keluar
	Kemerosotan sistem pengangkutan
	Taraf hidup semakin merosot
	Syarikat pemodal menghentikan pengeluaran
	Muncul bandar baru yang memberikan persaingan
	Terpisah daripada jaringan utama pengangkutan dan perhubungan

5. Cara-cara sesebuah bandar mati boleh dimajukan

	Dirikan kawasan perindustrian
	Tubuhkan institusi pengajian tinggi awam dan swasta
	Menjadikannya sebagai pusat pentadbiran negeri atau daerah
	Memastikan bekalan makanan mencukupi
	Menjadikannya kawasan bebas cukai
	Menubuhkan pusat kebudayaan
	Membangunkan prasarana ICT
	Memberi insentif kepada pemodal yang melabur modal di sana
	Mendirikan kawasan perumahan mampu milik
	Memastikan jaringan jalan raya dan kereta api melaluinya

6. Kewajaran konsep bandar bestari diperluas di Malaysia.

	Wajar
	Mengikuti trend semasa
	Menjadikan bandar setanding dengan bandar di negara maju
	Memenuhi keperluan penduduk
	Memudahkan urusan harian penduduk
	Memastikan kehidupan pembandaran yang unggul/ sistematik
	Menjamin keselamatan
	Mengurangi kesesakan lalu lintas
	Memudahkan urusan perdagangan/ perniagaan
	Menaikkan imej negara
	Tidak wajar
	Memerlukan perbelanjaan yang besar
	Memerlukan banyak perancangan yang teliti
	Memerlukan banyak kepakaran
	Kawasan yang dibangunkan perlulah besar

	Perlu mengambil buruh dari negara asing untuk membinanya
	Menyebabkan pengaliran mata wang negara ke luar negara
	Ramai rakyat yang tidak mampu memiliki rumah
	Kos hidup tinggi
	Jurang pendapatan antara kawasan bandar bestari dengan kawasan bandar atau luar bandar semakin melebar

7. Kesan/impak sekiranya perbandaran dilaksanakan tanpa perancangan yang rapi.

	Kemusnahan alam sekitar
	Penerokaan kawasan hutan yang tidak terancang
	Masalah banjir kilat / sistem perparitan tersumbat
	Kesesakan jalan raya
	Perkhidmatan sistem pengangkutan tidak lancar
	Keindahan bandar terjejas
	Penyediaan kemudahan asas sukar dirancang
	Kos perbelanjaan pentadbiran / penyelenggaraan meningkat
	Bebanan pengurusan kepada pihak berkuasa tempatan (PBT)
	Petempatan perumahan yang tidak tersusun

PEMBENTUKAN MASYARAKAT BERBILANG KAUM

1. Latar belakang kemasukan imigran ke Tanah Melayu

	Kekayaan sumber alam, kemakmuran ekonomi dan kestabilan politik telah menarik minat lebih ramai imigran China dan India datang ke Tanah Melayu.
	Penjajah menggalakkan penghijrahan buruh asing untuk menampung keperluan sumber tenaga buruh di Tanah Melayu
	Telah menyumbang kepada peningkatan jumlah kedatangan imigran China dan India
	Imigran China di NNMB telah bertambah dua kali ganda daripada 163,000 pada tahun 1891 kepada 300,000 pada 1901
	Imigran China di NNS turut meningkat iaitu daripada 228,000 orang kepada 280,000
	Hal ini membawa kepada kemunculan dan pembentukan masyarakat berbilang kaum di Tanah Melayu

2. Faktor/sebab yang mendorong kemasukan imigran ke Tanah Melayu

	Kekayaan sumber alam
	Kemakmuran ekonomi seperti bijih timah, emas dan lain-lain
	Kestabilan politik menarik minat imigran
	Dasar penjajah British yang menggalakkan penghijrahan buruh asing untuk menampung kekurangan sumber tenaga manusia
	Hubungan tradisi antara Tanah Melayu dengan China dan India
	Tiada tentangan penduduk tempatan
	Ketidakstabilan politik negara asal
	Kebuluran di negara asal
	Peperangan di negara asal
	Bencana alam di negara asal

3. Ciri-ciri masyarakat majmuk

	Petempatan dan pekerjaan masyarakat majmuk berbeza mengikut kaum
	Orang Melayu tinggal di kampung dan bekerja sebagai petani
	Orang Cina tinggal di bandar dan bekerja sebagai peniaga dan pelombong
	Orang India pula tinggal di ladang/estet dan bekerja sebagai penoreh getah
	Bahasa yang digunakan dalam kerangka sosial juga berbeza antara satu sama lain

4. Kesan kewujudan masyarakat berbilang kaum di Tanah Melayu.

	Petempatan berbeza mengikut kaum
	Orang Melayu di kawasan luar bandar, buruh India di kawasan estet dan orang Cina di kawasan lombong dan kawasan bandar

	Perbezaan bidang pekerjaan
	Orang Melayu bertani secara kecil-kecilan, Orang India sebagai penoreh getah dan orang Cina sebagai buruh lombong dan perniaga
	Perbezaan budaya dan bahasa juga menyumbang kelahiran masyarakat majmuk
	Penggunaan bahasa ibunda menyukarkan pergaulan antara kaum
	Kesukaran interaksi menyukarkan kesepaduan antara kaum
	Dasar British yang mengamalkan dasar pecah dan perintah turut menyumbang pembentukan masyarakat majmuk
	Amalan agama yang berbeza seperti Islam bagi orang Melayu, Hindu bagi orang India dan Buddha bagi orang Cina turut melahirkan masyarakat majmuk
	Pengenalan pendidikan mengikut kaum melalui sekolah vernakular
	Kemunculan parti politik mengikut kaum akibat perbezaan ideologi
	Jurang ekonomi antara kaum

5. Faktor-faktor Malaysia kekal harmoni walaupun hidup dalam kepelbagaian kaum.

	Pemimpin pelbagai kaum yang mengutamakan pendekatan musyawarah / diplomasi dalam menyelesaikan masalah
	Sifat toleransi rakyat dalam kehidupan
	Rakyat saling menghormati terhadap agama dan kepercayaan kaum lain
	Dasar pentadbiran negara yang menekankan perpaduan kaum
	Rukun Negara menjadi panduan hidup masyarakat
	Perayaan setiap kaum utama disambut dengan meriah
	Kemakmuran dan kekayaan negara dinikmati bersama
	Falsafah Pendidikan Kebangsaan / Dasar Kebudayaan Kebangsaan Berjaya menyatukan rakyat

PENDIDIKAN VERNAKULAR

1. Maksud sistem pendidikan vernakular.

	Sistem pendidikan yang menggunakan bahasa ibunda masing-masing
	Dijadikan sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah

2. Sekolah vernakular Melayu terawal di Tanah Melayu sebelum abad ke-20.

	Sekolah Melayu di Teluk Belanga, Singapura 1856
	Sekolah Melayu di Seberang Prai 1871
	Sekolah Melayu di Kuala Kangsar 1884
	Sekolah Melayu di Batu Gajah 1885
	Sekolah Melayu perempuan di Negeri-negeri Selat 1885

3. Ciri-ciri pendidikan vernakular.

	Berorientasikan kaum
	Menggunakan bahasa pengantar bahasa ibunda
	Kurikulum yang digunakan adalah mengikut keperluan kaum masing-masing
	Sukatan pelajaran dibawa dari negara asal
	Guru-guru juga diambil dari negara asal
	Buku teks dibawa dari negara asal

4. Kesan pelaksanaan pendidikan vernakular di Tanah Melayu.

	Menggunakan bahasa ibunda masing-masing sebagai bahasa pengantar
	Kurikulum tidak seragam dan mengikut keperluan kaum masing-masing
	Gagal memupuk perpaduan kebangsaan
	Murid-murid daripada pelbagai kaum dipisahkan
	Mereka tidak dapat melalui sistem pendidikan yang sama
	British mengubah sistem pendidikan Melayu
	Kurikulum terbatas sehingga peringkat rendah sahaja
	Tidak semua lapisan rakyat mendapat pendidikan
	Pendidikan hanya untuk golongan elit dan terletak di bandar

	Lepasan aliran sekolah vernakular Melayu terus terpinggir
--	---

5. Sistem pendidikan vernakular di negara kita tidak berjaya mencapai matlamat perpaduan kaum. Buktikan

	Murid-murid terpisah mengikut persekolahan/tidak berinteraksi bersama
	Perkauman menebal/tidak berkongsi budaya
	Taraf hidup berbeza
	Menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar
	Kurikulum yang digunakan mengikut keperluan kaum/kurikulum berbeza
	Sukatan pelajaran dari negara asal.
	Guru-guru dibawa dari negara asal
	Sistem pendidikan tidak melibatkan ke peringkat tinggi/peringkat persekolahan tidak seragam
	Mewujudkan jurang ekonomi antara kaum
	Mewujudkan jurang sosial antara kaum

6. Faktor yang membawa kepada kemunculan sistem pendidikan vernakular di negara kita.

	Dasar British yang membawa masuk imigran Cina dan India
	Untuk bekerja dalam sektor perlombongan dan perladangan
	Penduduk Tanah Melayu terdiri daripada tiga kaum terbesar iaitu Melayu, Cina dan India
	Tiga kaum ini menuturkan bahasa ibunda yang berbeza-beza
	Orang Melayu bertutur bahasa Melayu, orang Cina bertutur Bahasa Mandarin manakala orang India bertutur dalam Bahasa Tamil
	Pendidikan yang berorientasikan negara asal
	Supaya para imigran mengingati negara asal masing-masing
	Keadaan lokasi petempatan yang berbeza
	Telah mengelompokkan suku kaum berdasarkan lokasi petempatan
	Contohnya orang Melayu di kampung, orang Cina di bandar dan orang India di estet
	Dasar pecah perintah British
	Yang mengelaskan kaum mengikut fungsi ekonomi

7. Sistem pendidikan negara kita mampu memupuk perpaduan dalam kalangan rakyat berbilang kaum.

	Menggunakan sistem persekolahan yang sama/sekolah kebangsaan
	Menggunakan Bahasa Melayu / Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar
	Menggunakan kurikulum yang seragam
	Penglibatan dalam kokurikulum/persatuan/kelab/unit beruniform
	Penglibatan dalam aktiviti sukan/sukantara/merentas desa
	Mempelajari mata pelajaran wajib/teras
	Sistem peperiksaan/pentaksiran yang seragam
	Penggunaan buku teks yang seragam/Sejarah/Pendidikan moral
	Pengenalan mata pelajaran Sivik dan Kewarganegaraan
	Tenaga pengajar terdiri dari pelbagai kaum

8. Sebab kita perlu mempertahankan sistem pendidikan kebangsaan hari ini.

	Asas perpaduan negara
	Membentuk jati diri negara bangsa
	Memupuk semangat cinta akan negara / sikap patriotik
	Menyalurkan aspirasi kerajaan / negara
	Memupuk sikap toleransi antara kaum
	Pendidikan yang selaras kepada semua kaum
	Melalui sukatan dan modul pembelajaran yang sama

9. Sebab-sebab pendidikan penting dalam menghadapi arus globalisasi.

	Membentuk masyarakat berilmu pengetahuan/berfikir global
	Membentuk masyarakat yang inovatif dan kreatif
	Melahirkan insan yang berakhlak
	Mewujudkan masyarakat yang berkemahiran tinggi
	Melahirkan generasi berdaya saing

SEKTOR PERKILANGAN

1. Sektor perkilangan di Tanah Melayu sebelum abad ke- 20.

Aktiviti ekonomi British di Tanah Melayu lebih tertumpu terhadap pengeluaran bahan mentah
Hampir semua barangan perkilangan yang diperlukan telah diimport
Hal ini memperlambatkan perkembangan perusahaan perkilangan
Barangan perkilangan yang diimport telah mewujudkan persaingan dengan barangan perkilangan tempatan

2. Perkembangan sektor perkilangan sekitar tahun 1920-an.

Sektor perkilangan di Tanah Melayu telah dimajukan seperti sektor perlombongan dan pertanian
Pada tahun 1923, Syarikat Shum Yip Leong telah mendirikan dua buah kilang kasut getah untuk dieksport ke China
Di Setapak, Selangor/ Tapah, Perak
Syarikat Kasut Bata turut menubuhkan sebuah kilang di Klang, Selangor
Syarikat Fung Keong di Selangor
Kinta Rubber Works di Ipoh, Perak
Syarikat ini menghasilkan barangan berasaskan getah
Syarikat United Engineers pula mendirikan kilang membina kapal korek, kapal kecil dan mesin memproses getah
Perusahaan mengetin nenas diasaskan oleh seorang berbangsa Perancis yang berpusat di Johor dan telah menghasilkan nanas dalam tin untuk tujuan eksport

3. Sebab-sebab kerajaan mengambil langkah untuk memperbanyakkan penglibatan orang Melayu dalam sektor perindustrian dan perniagaan mulai tahun 1970-an

Masyarakat Melayu tercicir dalam bidang perindustrian dan perniagaan
Untuk mengimbangi kedudukan ekonomi antara kaum di negara ini
Mengelakkan perasaan tidak senang hati yang boleh mendatangkan unsur ketidakstabilan
Masyarakat Melayu masih kekal dalam ekonomi tradisional
Masyarakat Melayu terpinggir daripada arus pembangunan ekonomi perdana
Untuk mengimbangi pembangunan ekonomi antara wilayah

4. Kesan kemajuan sektor perkilangan

Mengurangkan import barangan dari negara luar
Seperti barangan elektrik dan elektronik
Mengurangkan kadar aliran wang ke luar negara
Meningkatkan permintaan terhadap bahan mentah negara
Seperti petroleum dan kelapa sawit
Menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat
Pelbagai peringkat pekerjaan seperti peringkat pengeluaran, pemprosesan, pemasangan
Meningkatkan taraf hidup rakyat
Menyediakan pelbagai kemudahan untuk rakyat seperti pendidikan, kesihatan dan pengangkutan

SISTEM PENGANGKUTAN



1. Faktor kemajuan sistem pengangkutan di Tanah Melayu

Kemajuan sistem pengangkutan kerana perkembangan pesat kegiatan perlombongan dan pertanian
Jalan kereta api dibina untuk mempercepatkan pengangkutan bijih timah dari kawasan perlombongan ke kawasan pelabuhan
Jalan kereta api pertama dibina pada tahun 1885 untuk menghubungkan Taiping dan Port Well

	Jalan keretapi lain dibina untuk menghubungkan kawasan perlombongan di Kuala Lumpur dengan Port Swettenham (1889)
	kawasan perlombongan di Seremban dengan Port Dickson (1891)
	kawasan perlombongan di Ipoh dan Tapah Road dengan Telok Anson) (1895)
	1904, semua kawasan perlombongan bijih timah di Perak, Selangor, dan Negeri Sembilan telah mempunyai perkhidmatan kereta api
	1918, jalan keretapi yang menghubungkan Seberang Perai dengan sempadan Siam telah disiapkan
	1931, jalan kereta api di bahagian timur yang menghubungkan Gemas, Pahang dan Kelantan ke sempadan Siam telah siap dibina
	1923, jalan kereta api di Tanah Melayu telah disambung hingga ke Singapura
	Jalan raya berkembang menjelang 1895, Selangor dan Perak mempunyai rangkaian jalan raya sepanjang 2400km
	Kegunaan jalan raya semakin popular selepas pengenalan kenderaan bermotor
	Pada tahun 1911, jalan raya dari Seberang Prai ke Melaka telah disiapkan.
	Antara tahun 1911 hingga tahun 1928, jalan raya menghubungkan Perlis dan Singapura telah dibina
	Jalan raya di antara Kuala Lumpur dan Kuantan turut dibuka bagi memudahkan perhubungan Pantai Barat dengan Pantai Timur.

2. Kesan kemajuan sistem pengangkutan di Tanah Melayu.

	Membantu perkembangan pesat kegiatan perlombongan dan pertanian
	Mempercepat pengangkutan bijih timah dari kawasan perlombongan ke pelabuhan untuk dieksport melalui jalan kereta api
	Menggalakkan pembukaan tanah-tanah baru di kawasan pedalaman untuk penanaman getah dengan pembinaan jalan kereta api
	Menggalakkan aktiviti pelaburan orang Eropah dalam perusahaan getah selepas terdapatnya pembinaan jalan kereta api.
	Mempercepat pengangkutan dan membawa muatan yang banyak melalui pengangkutan kereta api.
	Jalan denai dan kereta lembu telah digantikan dengan jalan raya berturap dan tanah merah

PERKHIDMATAN KESIHATAN

1. Faktor-faktor British meningkatkan perkhidmatan kesihatan di Tanah Melayu pada akhir abad ke-19.

	Kemasukan ramai buruh-buruh luar
	Pertambahan jumlah penduduk di Tanah Melayu
	Tempat tinggal dan tempat kerja yang padat
	Memudahkan pengurusan lokasi petempatan dan bandar
	Kekurangan air bersih
	Penyakit berjangkit mudah merebak

2. Perkembangan perkhidmatan kesihatan di negara kita semasa pemerintahan British.

	Menubuhkan hospital kerajaan di Kuala Lumpur dan Taiping 1898
	1895, terdapat 29 buah pusat perubatan dibina di Perak dan Kuala Lumpur
	Pembinaan hospital di Tanjung Malim, Batu Gajah, Gopeng, Krian dan Kuala Kangsar, Perak
	Membina pusat kesihatan kecil perseorangan
	14 buah pusat kesihatan di Selangor, 2 di Pahang dan 3 di Negeri Sembilan
	Pada tahun 1913, beberapa buah hospital dibina di Jesselton, Sandakan, Beaufort, Kudat dan Tawau, Sabah
	Di Sarawak pusat kesihatan tertumpu di bandar Kuching
	Selepas 1921, pusat perubatan kecil dibina di Sri Aman dan Sibul
	Membina hospital atas sumbangan orang perseorangan seperti Hospital Tung Shin di Kuala Lumpur
	Mendirikan Institut Penyelidikan Perubatan pada tahun 1900 di Kuala Lumpur
	Institut ini membuat kajian punca penyakit dan langkah mencegah
	Menitikberatkan kebersihan dan kesihatan di bandar-bandar
	Menubuhkan Sanitary Board untuk menjaga kebersihan bandar Kuala Lumpur dan bandar-bandar di Perak
	Menubuhkan Jabatan Kesihatan untuk mengambil alih tugas Sanitary Board menjaga kesihatan

3. Faktor-faktor British telah memajukan perkhidmatan kesihatan lebih awal di Semenanjung Tanah Melayu berbanding Sabah dan Sarawak.

	Kepadatan penduduk di Semenanjung lebih tinggi berbanding Sabah dan Sarawak
	Kepesatan pembangunan ekonomi di Semenanjung menyebabkan British membina lebih banyak pusat kesihatan berbanding di Sabah dan Sarawak.
	Semenanjung Tanah Melayu telah diperintah oleh British manakala Sarawak masih diperintah oleh keluarga Brooke sehingga 1946
	Kawasan petempatan yang banyak dan berpusat di Semenanjung memerlukan pusat kesihatan berbanding Sabah dan Sarawak yang berselerak
	Wabak penyakit cepat menular di kawasan padat penduduk dan petempatan
	Masyarakat di Semenanjung lebih terdedah dengan wabak penyakit berbanding di Sabah dan Sarawak

4. Kepentingan perkhidmatan kesihatan terhadap kemajuan negara.

	Melahirkan modal insan dan guna tenaga yang sihat
	Menjana industri pelancongan kesihatan
	Meningkatkan imej Malaysia sebagai hub kesihatan / teknologi kesihatan
	Meningkatkan mutu sukan negara
	Melahirkan insan yang seimbang rohani dan jasmani
	Melahirkan golongan yang berpendidikan hasil dari amalan gaya hidup sihat
	Memajukan bidang penyelidikan kesihatan
	Melahirkan lebih ramai tenaga profesional
	Memberi peluang pekerjaan dalam bidang kesihatan

LATIHAN STRUKTUR:

1. Dasar-dasar pentadbiran British di Tanah Melayu telah menggalakkan kemunculan bandar- bandar baru. Proses pembandaran ini berkembang dengan pesatnya pada abad ke-20.

a) Apakah maksud pembandaran?

.....
[1 markah]

b) Namakan **dua** buah bandar baru yang muncul kesan daripada proses pembandaran.

.....
.....
[2 markah]

c) Pada pandangan anda, mengapakah proses pembandaran lebih pesat di pantai barat Semenanjung Tanah Melayu?

.....
.....
.....
.....
[3 markah]

d) Sebagai seorang pemimpin, apakah langkah-langkah yang akan anda ambil untuk mengatasi masalah kepadatan penduduk di bandar-bandar utama di Malaysia.

.....
.....
.....
.....
[4 markah]

2. Perkembangan pesat kegiatan perlombongan menyebabkan berkembangnya sistem pengangkutan dan perhubungan di Tanah Melayu.

a) Namakan **dua** kawasan bijih timah di Tanah Melayu ?

i.
ii.
[2 markah]

b) Jelaskan sumbangan sistem pengangkutan dan perhubungan kepada ekonomi Tanah Melayu pada awal abad ke-20 ?

.....
.....
.....

.....
[4 markah]


- c) Berdasarkan kajian anda, jelaskan kesan perkembangan ekonomi moden terhadap masyarakat Melayu.

.....
.....
.....
.....

[4 markah]

LATIHAN ESEI:

3. Rajah berikut menunjukkan kesan dasar ekonomi yang dilaksanakan oleh British di Tanah Melayu.



- a) Jelaskan faktor yang menyebabkan berlakunya proses perbandaran di Tanah Melayu.

[4 markah]

- b) Terangkan usaha kerajaan British mempertingkatkan taraf kesihatan di Tanah Melayu pada akhir abad ke-19.

[8 markah]

- c) Apakah langkah-langkah yang patut diambil untuk mengurangkan penularan wabak penyakit dalam negara kita.

[8 markah]

BAB 1 : KEMUNCULAN DAN PERKEMBANGAN NASIONALISME DI ASIA TENGGARA

IMPERIALISME BARAT DI ASIA TENGGARA

1. Maksud imperialisme

	Dasar sesebuah negara meluaskan pengaruh dan wilayahnya
	Dengan menjajah negara lain untuk kepentingan negaranya.
	Penguasaan sesebuah negara yang lebih kuat terhadap negara lain yang lebih lemah

2. Kuasa-kuasa imperialisme Barat yang terlibat dengan imperialisme di Asia Tenggara

	Portugis menjajah Tanah Melayu
	Spanyol menjajah Filipina
	Belanda menjajah Indonesia
	Britain menjajah Burma / Tanah Melayu
	Perancis menjajah Indo China
	Amerika Syarikat Menjajah Filipina

3. Faktor imperialisme Barat di Asia Tenggara.

	Kedudukan Asia Tenggara yang begitu strategik
	Terletak antara China dan India
	Menjamin pasaran yang luas
	Kekayaan bahan mentah..
	Memilik tanah subur
	Kepesatan Revolusi Perindustrian di Eropah
	Membolehkan mereka mengeluarkan hasil perkilangan secara besar-besaran
	Memerlukan kawasan pasaran baru
	Mendorong perluasan imperialisme yang lebih pesat terutamanya di Timur, India dan Asia Tenggara
	China dan India menjadi sasaran kerana berpotensi untuk menjadi pasaran yang luas bagi barangannya
	Manakala negara Asia Tenggara menjadi sasaran kerana kekayaan bahan mentah
	Sistem Pengangkutan dan Perhubungan
	Pembukaan terusan Suez
	Memendekkan perjalanan antara Barat dengan Timur
	Penggunaan kapal berkuasa wap membolehkan muatan yang lebih banyak dan mempercepatkan perjalanan antara Timur dan Barat
	Penciptaan telegraf memudahkan perhubungan Timur dan Barat.
	Persaingan kuasa-kuasa Barat untuk dapatkan tanah jajahan
	Semakin luas tanah jajahan semakin tinggi sanjungan yang diperolehi kuasa-kuasa Barat
	Keluasan tanah jajahan melambangkan kekuatan dan kekayaan kuasa Barat tersebut
	Beban Orang Putih dan Tugas Menyebarkan Tamadun
	Slogan Beban Orang Putih digunakan oleh British dan Belanda
	Tugas menyebarkan tamadun digunakan oleh Perancis
	Tugas menyebarkan agama Kristian

PERUBAHAN SISTEM POLITIK



Pengenalan Sistem Birokrasi Barat

1. Ciri-ciri umum sistem birokrasi Barat di Asia Tenggara

	Penubuhan kerajaan pusat. Hasil penyatuan wilayah
	Pelantikan Gabenor Jeneral sebagai ketua pentadbir
	Pelaksanaan pentadbiran melalui biro.
	Pegawai Barat menjadi ketua Biro.
	Pemerintah tempatan dipaksa menerima penasihat dari Barat
	Pengenalan undang-undang Barat.
	Penubuhan jabatan kerajaan contohnya Jabatan Pelajaran

FILIPINA

1. Ciri-ciri sistem pemerintahan di Filipina sebelum dikuasai oleh Sepanyol

	Terdiri dari daerah-daerah kecil dikenali sebagai Barangay
	Diperintah oleh Datu.
	Di selatan Filipina wujud kerajaan Islam

2. Ciri-ciri sistem pemerintahan di Filipina semasa dikuasai oleh Sepanyol

	Memperkenalkan sistem pemerintahan berpusat.
	Penyatuan barangay menyebabkan kemerosotan pemerintahan tradisional
	Gabenor Jeneral pemerintah tertinggi..
	Peringkat tempatan dilaksanakan di bawah Sistem Encomienda yang diketuai oleh Encomiendero

3. Tugas Encomiendero

	Menjaga keamanan.
	Mengutip cukai.
	Mengkristian penduduk barangay
	Kerahan tenaga penduduk

BURMA

1. Ciri-ciri sistem pemerintahan di Burma sebelum dikuasai oleh British

	Mengamalkan sistem pemerintahan beraja
	Di bawah dinasti Konbaung.
	Raja menjadi penaung kepada sami Buddha

2. Ciri-ciri sistem pemerintahan di Burma semasa dikuasai oleh British

	Dinasti Konbaung berakhir
	Institusi raja tersingkir.
	Jawatan pembesar tradisional diperingkat pusat terhapus.
	Pesuruhjaya Tinggi British menjadi pemerintah tertinggi.
	Pengenalan Akta Kampung Ulu Burma 1887 dan Akta Perkampungan Burma 1889.
	Pentadbiran daerah diambil oleh Myo-ok (pegawai bandaran).
	Pengenalan undang-undang Barat.
	Pengaruh golongan agama merosot.
	Majlis perundangan telah diperkenalkan.
	Penubuhan beberapa jabatan seperti kesihatan / perhutanan / pelajaran

THAILAND

1. Cara Thailand mengekalkan kemerdekaan

	Pembaharuan oleh Raja Mongkut
	Baginda melantik 80 penasihat Barat untuk mengetuai pelbagai Jabatan.
	Melatih pegawai-pegawai tempatan.
	Penasihat kewangan dibawa dari Britain..
	Penasihat Kastam dan ketenteraan dari AS dan Perancis
	Pembaharuan yang dilaksanakan oleh Raja Chulalongkorn
	Memperkenalkan Majlis Penasihat Rendah.
	Memperkenalkan Majlis Mesyuarat Tertinggi.
	Memperkenalkan Kabinet Menteri.
	Juruaudit dari Britain dilantik berkhidmat dalam perbendaharaan negara.

2. Kesan pembaharuan Raja Mongkut dan Chulalongkorn

	Muncul golongan pentadbir kedudukannya berasaskan tahap pendidikan
	Sistem raja berpelembagaan menggantikan sistem raja berkuasa mutlak
	Mengurangkan pengaruh pembesar tradisional
	Dapat mengekalkan kemerdekaan Thailand

NASIONALISME DI ASIA TENGGARA

1. Maksud Nasionalisme

	Perasaan cinta akan bangsa dan negara
	Membawa kepada gerakan membebaskan tanah air
	Pembebasan kuasa politik, cengkaman ekonomi dan kebudayaan asing
	Menentang apa sahaja bentuk tekanan dari luar

2. Matlamat/tujuan nasionalisme

	Untuk membebaskan tanah air daripada penjajahan
	Untuk mewujudkan negara yang berdaulat/ negara merdeka
	Menanam semangat cintakan negara

3. Faktor/ sebab kemunculan nasionalisme di Asia Tenggara

	Dasar penjajah Barat
	Sistem birokrasi Barat tidak memberi peluang sewajarnya kepada rakyat tempatan dalam sistem pentadbiran moden
	Rakyat tempatan terus kekal dalam ekonomi tradisional
	Tanaman Paksa di Indonesia / Sistem Polo di Filipina menindas penduduk peribumi
	Penjajah menganggap mereka berada dalam kelas tersendiri
	Mereka hanya bergaul dengan golongan elit tempatan
	Dasar menggalakan kesusukan imigran melahirkan perasaan tidak puashati rakyat
	Pengaruh agama
	Agama berjaya menyatukan rakyat tempatan
	Menghadapi penindasan / pengaruh kebudayaan Barat dan agama Kristian
	Peranan agama sebagai alat perpaduan
	Contohnya Gerakan Islah / Persatuan Belia Buddha di Burma
	Golongan agama sebagai pencetus nasionalisme
	Gerakan Islah memperjuangkan Pan-Islamisme (penyatuan dunia Islam menentang penjajah)
	Agama Kristian di Filipina menyatukan penduduk peribumi menentang Sepanyol
	Sebabnya penganut agama Kristian tempatan dianggap kelas dua
	Karya kesusasteraan
	Membangkitkan nasionalisme di Asia Tenggara
	Karya terlibat menyampaikan mesej kesengsaraan / kekecewaan terhadap penindasan penjajah
	Akhirnya membangkitkan kesedaran bangsa / kecintaan terhadap tanah air
	Di Filipina, novel Noli Me Tangere karya Jose Rizal mencetuskan gerakan nasionalisme di Filipina dan Asia Tenggara
	Di Indonesia, cerpen Kerikil-kerikil Tajam dan Ke makam Bonda karya Chairil Anuar begitu berpengaruh
	Di Tanah Melayu, Putera Gunung Tahan karya Pak Sako sangat terkenal
	Peranan sistem pendidikan
	Sikap penjajah yang mengamalkan pilih kasih dalam menyediakan kemudahan pendidikan.
	Mengutamakan sekolah yang menggunakan bahasa penjajah sebagai bahasa pengantar
	Penjajah hanya memberikan pendidikan pada peringkat rendah.
	Pendidikan terhad kepada golongan elit dan penduduk bandar.
	Di Burma, pendidikan sekular dan pendidikan mubaligh menjadi ancaman kepada sekolah Buddha.
	Di Tanah Melayu lepasan sekolah vernakular sukar mendapat pekerjaan.
	Kemunculan golongan intelektual
	Golongan ini berpeluang melanjutkan pelajaran di Barat dan Asia Barat.
	Mereka didedahkan dengan idea falsafah Barat dan Islam.
	Pengalaman mereka di Barat dan Asia Barat menyedarkan golongan ini bahawa penjajah tidak mentadbir tanah jajahan dengan baik
	Golongan ini memimpin gerakan nasionalisme setelah kembali ke tanah air.
	Peringkat awal mereka hanya menuntut taraf hidup bangsa mereka dibela.
	Pada peringkat lanjutan mereka meminta penjajah membebaskan negara mereka.
	Pengaruh media massa
	Menyemarakkan semangat nasionalisme di Asia Tenggara

	Menyebarkan idea-idea nasionalis
	Menanam perasaan anti penjajah kepada rakyat jelata
	Di Vietnam, Tribune Indigene dan Cloche Felee merupakan akhbar berpengaruh.
	Di Tanah Melayu Al Ikhwan / Saudara / Warta Malaya / Majlis adalah akhbar utama.
	Peranan sistem pengangkutan dan perhubungan
	Telefon dan telegraf memudahkan perhubungan di kalangan nasionalis.
	Pembinaan jalan raya / kereta api dapat menghubungkan kawasan-kawasan yang sebelumnya terpisah.
	Memudahkan pemimpin dan rakyat bertemu dan berbincang idea-idea.
	Pengaruh luar
	Kejayaan Jepun dalam Perang China-Jepun 1895
	Kejayaan Jepun dalam Perang Rusia-Jepun 1905
	Perjuangan Jose Rizal di Filipina
	Membuka mata para nasionalis keupayaan negara kecil menewaskan negara besar
	Perjuangan Mahatma Gandhi di India
	Memberi inspirasi kepada nasionalis Asia Tenggara
	Revolusi Inggeris
	Revolusi Perancis
	Revolusi Amerika Syarikat
	Revolusi Bolshevik
	Perjuangan Kuomintang

GERAKAN/ PERKEMBANGAN NASIONALISME DI ASIA TENGGARA

1. Ciri-ciri gerakan nasionalisme tahap pertama di Filipina.

	Gerakan dakyah yang dipimpin oleh Jose Rizal.
	Disokong oleh golongan pertengahan yang berpendidikan Barat.
	Menuntut Filipina dijadikan wilayah Sepanyol
	Bangsa Filipina diberi hak yang sama seperti Sepanyol.
	Bangsa Filipina diberikan kebebasan bersuara
	Jose Rizal menubuhkan Liga Filipina pada tahun 1892
	Bertujuan mendesak kerajaan Sepanyol melakukan pembaharuan politik, ekonomi dan sosial.
	Kerajaan Sepanyol berasa terancam
	Jose Rizal ditangkap dan dibuang negeri ke Dapitan di Mindanao dan dibunuh atas tuduhan terlibat dalam pemberontakan.
	Gerakan dakyah berakhir

2. Ciri-ciri gerakan nasionalisme tahap kedua di Filipina.

	Bermula apabila Katipunan ditubuhkan oleh Andres Bonifacio.
	Katipunan memulakan penentangan secara radikal terhadap Sepanyol
	Matlamat perjuangannya adalah untuk menyatukan bangsa Filipina dan mencapai kemerdekaan melalui revolusi.
	Katipunan menggunakan menyediakan media cetak untuk menyebarkan ahaman revolusi kepada rakyat.
	<i>Kalayan</i> merupakan akhbar rasmi Katipunan.
	Jose Rizal menubuhkan Liga Filipina pada tahun 1892
	Tahun 1896 – Katipunan melancarkan revolusi bersenjata untuk menggulingkan pemerintahan Sepanyol tetapi gagal.
	Katipunan semakin lemah selepas Bonifacio dihukum mati oleh Emilio Aguinaldo (1897)
	Emilio Aguinaldo ialah anggota Katipunan dan dilantik sebagai Datuk Bandar Cavite pada tahun 1895.
	Beliau bersama-sama Bonifacio melancarkan pemberontakan(1896).
	Emilio Aguinaldo dilantik sebagai Presiden Revolusi (1897).
	Beliau bekerjasama dengan Amerika Syarikat.
	Kesannya Amerika Syarikat menguasai Filipina
	Pengisytiharan kemerdekaan Filipina oleh Aguinaldo (1899) tidak disahkan oleh Amerika Syarikat
	Revolusi diteruskan sehingga Aguinaldo ditangkap (1901)
	Amerika Syarikat membenarkan penubuhan parti-parti politik sederhana
	Sergio Osmena dilantik mengetuai Dewan Perhimpunan

	Parti Nasional memenangi pilihan raya (1907)
	1930-an - Nasionalis Filipina menuntut kemerdekaan melalui perlembagaan setelah pucuk pimpinan di Amerika Syarikat bertukar kepada yang lebih liberal.

3. Iktibar daripada gerakan nasionalisme di Filipina.

	Pemimpin berwibawa penentu kejayaan perjuangan
	Pemimpin dan rakyat perlu bersatu
	Perlu senjata yang canggih
	Elakkan daripada bergantung kepada kuasa luar
	Keberanian yang tinggi
	Perlu pengetahuan yang tinggi
	Strategi yang baik
	Pertubuhan politik yang mantap
	Media-massa berkesan dalam mencetuskan nasionalisme
	Berwaspada dengan kuasa asing

4. Ciri-ciri gerakan nasionalisme tahap pertama di Indochina

	Tertumpu di Vietnam
	Dipelopori golongan bangsawan dan pegawai daripada golongan Mandarin
	Pemulihan sistem pemerintahan beraja
	Golongan menengah perjuang pendidikan Barat dalam kalangan rakyat
	Phan Boi Chau memimpin satu gerakan revolusi, tetapi gagal
	Menubuhkan Viet Nam QuangPhu Hoi dan melancarkan beberapa pemberontakan di Tongkin dan melancarkan gerakan dakyah di Vietnam
	Phan Boi Chau telah dipenjarakan dan VNQPH diharamkan oleh Perancis

5. Ciri-ciri gerakan nasionalisme tahap kedua di Indochina

	Kegagalan parti-parti politik sederhana untuk mendapatkan kerjasama Perancis
	Melahirkan gerakan nasionalis lebih radikal
	Perjuangan Viet Nam Quoc Dang dan Parti Komunis Vietnam
	Perancis bertindak balas menangkap pemimpin VNQDD termasuklah menghukum bunuh Nguyen Thai Hoc.
	Ho Chi Minh pemimpin PKV terpaksa melarikan diri ke Hong Kong
	Sikap keras Perancis menyebabkan gerakan nasionalisme kembali bercorak sederhana di bawah pimpinan Maharaja Bao Dai
	Usaha pembaharuan Maharaja Bao Dai disekat dan baginda dilarang melibatkan diri dalam gerakan nasionalisme

6. Ciri-ciri gerakan nasionalisme tahap pertama di Indonesia.

	Memberikan sepenuh tumpuan terhadap isu-isu pendidikan
	Bagi mereka hanya pendidikan yang akan dapat mengubah nasib rakyat Indonesia
	Raden Adjeng Kartini berusaha memajukan pendidikan untuk kaum wanita.
	Karyanya <i>Habis Gelap Terbitlah Terang</i> dan <i>Penulisan Seorang Puteri Jawa</i> dan <i>Penulisan Seorang Puteri Jawa</i> telah mendedahkan kemunduran rakyat Indonesia dan penindasan oleh penjajah Belanda
	Perjuangannya telah memberikan inspirasi kepada pejuang-pejuang selepasnya untuk menubuhkan pertubuhan yang lebih tersusun.
	Muhammadiyah merupakan pertubuhan terpenting pada tahap ini
	Matlamat pertubuhan ini adalah untuk menyebarkan Islam yang sebenar dan menghindari ancaman sekularisme Barat serta agama Kristian.
	Pertubuhan ini banyak banyak membina sekolah, klinik dan masjid

7. Ciri-ciri gerakan nasionalisme tahap kedua di Indonesia.

	Memperlihatkan perjuangan parti-parti politik radikal seperti Sarekat Islam (SI), Parti Komunis Indonesia (PKI) dan Parti Nasional Indonesia (PNI)
	Parti-parti politik begitu lantang menuntut kemerdekaan Indonesia sekalipun dengan cara kekerasan.
	PNI di bawah pimpinan Soekarno begitu popular kerana perjuangannya dapat mempengaruhi rakyat Indonesia.
	Belanda yang semakin terdesak telah bertindak balas dengan menangkap pemimpin yang radikal termasuklah Soekarno dan mengharamkan PNI.

8. Gerakan nasionalisme tahap pertama di Burma

	Ianya dipelopori oleh golongan sami Buddha / golongan elit berpendidikan Barat.
	Golongan sami Buddha telah menubuhkan Persatuan Belia Buddha pada tahun 1906.
	Penubuhannya adalah bertujuan untuk mengekalkan tradisi Buddha.
	Tujuan lain memajukan pendidikan di kalangan rakyat Burma.
	Pertubuhan ini menggunakan isu kasut untuk membangkitkan semangat nasionalisme rakyat.
	Persatuan Belia Buddha telah dipimpin oleh nasionalis yang lebih radikal iaitu U Ba Pe
	Pemimpin persatuan Belia Buddha telah menubuhkan Majlis Persatuan Am Kesatuan-kesatuan Burma pada tahun 1920 yang lebih radikal

9. Gerakan nasionalisme tahap kedua di Burma

	Gerakan muncul apabila laporan Montagu-Chelmsford yang menyatakan bahawa Burma masih belum bersedia untuk memerintah sendiri.
	Tercetus Revolusi Pelajar yang menuntut penubuhan sebuah universiti untuk mereka
	Gerakan seterusnya adalah merupakan gerakan golongan sami Buddha.
	Melalui Majlis Am Sangha Sametggi yang mencetuskan pemberontakan Saya San
	Muncul Liga Antipemisahan yang menganggap pemisahan dengan India akan melewati kemerdekaan.
	Pengenalan Perlembagaan Burma 1935 memberi peluang ke arah berkerajaan sendiri.
	Golongan Thakin (siswazah universiti) telah menubuhkan Parti Dobama Asiayone pada tahun 1935 untuk menuntut kemerdekaan.
	Para pemimpin terdiri daripada Aung San, Kyaw Nein dan U Nu yang menggelarkan diri mereka 'Tuan'.
	Tuan Ba Maw yang memenangi pilihanraya pada tahun 1937 dilantik menjadi PM yang pertama

10. Ciri-ciri gerakan nasionalisme tahap pertama di Thailand

	Kegelisahan rakyat terhadap penguasaan politik oleh kerabat diraja
	Penentangan terhadap raja berkuasa mutlak
	Penentangan sistem pendidikan Barat menyebabkan pendedahan terhadap fahaman liberal, sistem demokrasi dan sistem raja berperlembagaan kepada golongan intelektual Thailand.
	Rakyat tidak berpuas hati kerana kelemahan sistem pentadbiran dan sikap boros Raja Vajiravudh
	Kesannya penubuhan Parti Rakyat (1932) oleh Nai Pridi Panomyong dan Ield Marshall Phibul Songram
	Parti Rakyat melancarkan Revolusi Thai 1932 yang menamatkan sistem raja berkuasa mutlak

11. Ciri-ciri gerakan nasionalisme tahap kedua di Thailand.

	Berpunca daripada perasaan tidak puas hati rakyat terhadap cengkaman ekonomi oleh kapitalis Barat dan orang Cina
	Semasa Phibul Songram menjadi Perdana Menteri beliau meluluskan undang-undang untuk menyekat kebebasan dan penguasaan ekonomi oleh orang Cina.
	Sekolah Cina dan akhbar Cina dibubarkan.
	Penduduk peribumi digalakkan dilibatkan diri dalam aktiviti ekonomi
	Jawatan tertinggi kerajaan hanya untuk penganut agama Buddha
	Tahun 1939 – Phibul Songram menukarkan nama negara Siam kepada Thailand yang bermaksud Tanah Bebas
	Hasil daripada bekerjasama dengan Jepun Thailand berjaya mendapatkan semula wilayah-wilayah di IndoChina dan di Tanah Melayu.

12. Pengajaran yang perlu dicontohi oleh generasi hari ini daripada sejarah pemodenan pentadbiran di Thailand.

	Berani meneroka bidang baru
	Menguasai ilmu pengetahuan dan kemahiran
	Bersikap terbuka dan menerima pembaharuan
	Pentadbiran yang sistematik
	Berusaha untuk kecemerlangan diri
	Pemimpin negara perlu bijaksana/berwawasan/berwibawa
	Melaksanakan pemodenan pentadbiran

13. Sebab-sebab Thailand dianggap unik dan istimewa

	Tidak pernah dijajah oleh mana-mana kuasa Barat/Jepun
	Mongkut/ Chulalongkorn telah memodenkan pentadbiran Siam
	Mengamalkan sistem raja berperlembagaan
	Selepas Revolusi 1932 penguasaan kapitalis Barat dan Cina dikurangkan
	Pembelaan peribumi Thai / budaya dan tradisi Siam dijaga

14. Cara menzahirkan/menunjukkan semangat nasionalisme terhadap negara

	Berilmu dan berkemahiran tinggi menjadi masyarakat Malaysia berminda kelas pertama
	Hidup bersatu padu dalam kalangan masyarakat berbilang kaum agar negara harmoni
	Menyokong dasar-dasar ekonomi negara agar pembangunan negara terus mapan/maju
	Menghayati dan mengamalkan Rukun Negara bagi menjamin kestabilan politik dan keamanan negara
	Mematuhi undang-undang negara
	Menyanyikan lagu Negaraku dengan penuh semangat dan rasa bangga.
	Kesetiaan kepada Raja dan negara
	Meraikan sambutan Bulan Kemerdekaan

15. Usaha bagi menghadapi cabaran mengekalkan Malaysia sebagai negara berdaulat

	Mematuhi undang-undang
	Menghayati Rukun Negara
	Mengukuhkan kestabilan politik
	Mengamalkan nilai-nilai murni
	Mencipta kejayaan dalam pelbagai bidang
	Mempertahankan kepelbagaian budaya
	Memelihara keamanan negara
	Memelihara perpaduan kaum
	Mengambil iktibar peristiwa lalu
	Berani berjuang/rela berkorban
	Memanfaatkan aset negara
	Mengukuhkan ekonomi negara

16. Cara merealisasikan hasrat pemupukan semangat nasionalisme yang berterusan dalam kalangan masyarakat kita pada hari ini.

	Mengadakan pameran berkaitan sejarah negara
	Menerbitkan buku tentang tokoh nasionalis negara
	Iklan patriotik dalam media massa / elektronik
	Kempen mencintai negara
	Sambutan Hari Kemerdekaan
	Mengadakan pertandingan menulis esei tokoh pemimpin negara
	Memperbanyak lagu-lagu patriotisme
	Memperkasakan mata pelajaran Sejarah di sekolah
	Lawatan ke Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan
	Penyertaan program sukarelawan

17. Semangat nasionalisme masih utuh dalam kalangan rakyat di Malaysia masa kini . Berikan alasan/ hujah/ komentar

	TIDAK SETUJU
	Kurang berminat mempelajari mata pelajaran Sejarah
	Kibaran Jalur Gemilang tidak meriah
	Tidak bersemangat apabila nyanyian lagu kebangsaan
	Kurang berminat menyertai pertandingan yang berkait kemerdekaan
	Para belia kurang berminat menyertai pasukan keselamatan

	SETUJU
	Masih ramai para remaja terlibat semasa sambutan bulan kemerdekaan di peringkat kebangsaan
	Sambutan ambang kemerdekaan masih meriah
	Masih terdapat aktiviti menggantung Jalur Gemilang

	Golongan muda masih bersemangat menyanyikan lagu-lagu patriotik
--	---

18. Tindakan negara bagi menghadapi ancaman keganasan.

	Bersatu padu mempertahankan kedaulatan negara
	Menganggotai pasukan sukarela
	Sanggup berkorban demi negara
	Memberi maklumat kehadiran musuh
	Menyokong tindakan kerajaan
	Tidak bersekongkol dengan pihak pengganas
	Tidak mudah terpengaruh dengan dakwah luar

19. Kesan sekiranya mengabaikan/tiada semangat nasionalisme

	Rakyat tidak bersatu padu.
	Berlaku perpecahan kaum.
	Kestabilan politik tergugat.
	Kedaulatan negara terjejas.
	Negara menjadi huru-hara.
	Pergaduhan / Perbalahan.
	Ekonomi Negara terjejas.
	Memberi peluang kuasa asing campur tangan dalam pentadbiran.

20. Perasaan ketika menyambut hari kemerdekaan di negara kita

	Bangga dengan pencapaian negara
	Memupuk semangat untuk berjuang
	Mensyukuri nikmat kedamaian
	Semangat perpaduan
	Semangat bekerjasama
	Menghargai jasa pemimpin negara
	Melahirkan rasa kekitaan

21. Cara menyemai semangat cinta akan negara melalui sambutan hari kemerdekaan

	Melalui acara-acara yang dilaksanakan
	Contohnya perarakan badan beruniform seperti polis, tentera
	Perarakan yang melibatkan semua kaum dari pelbagai golongan
	Melalui ucapan pemimpin semasa perhimpunan menyambut kemerdekaan
	Kandungan ucapan menceritakan pahit getir perjuangan mendapatkan kemerdekaan
	Melalui filem-filem Sejarah yang ditayangkan sempena Hari Kemerdekaan
	Contohnya filem Kanang anak Langkau dan Bukit Kepong
	Melalui media massa.
	Contohnya iklan yang disiarkan di televisyen
	Melalui kehadiran rakyat yang keluar menyambut Hari Kemerdekaan yang datang dari pelbagai bangsa

22. Cara merealisasikan hasrat pemupukan semangat nasionalisme yang berterusan dalam kalangan masyarakat

	Mengadakan pameran berkaitan sejarah negara
	Menerbitkan buku tentang tokoh nasionalis negara
	Iklan patriotik dalam media massa / elektronik
	Kempen mencintai negara
	Sambutan Hari Kemerdekaan
	Mengadakan pertandingan menulis esei tokoh pemimpin negara
	Memperbanyak lagu-lagu patriotisme
	Memperkasakan mata pelajaran Sejarah di sekolah
	Lawatan ke Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan
	Penyertaan program sukarelawan

LATIHAN STRUKTUR

1. Filipina merupakan negara yang pernah dijajah oleh Sepanyol dan Amerika Syarikat.

a) Siapakah tokoh pejuang nasionalisme di Filipina ?

.....
.....
[2 markah]

b) Huraikan Sistem Birokrasi Barat yang dijalankan oleh Sepanyol di Filipina.

.....
.....
.....
.....
[4 markah]

c) Sistem Birokrasi Barat di Filipina menyebabkan rakyat ditindas
Berikan ulasan anda.

.....
.....
.....
.....
[4 markah]

2. Gerakan nasionalisme di Thailand berbeza dengan negara-negara di Asia Tenggara

a) Namakan **dua** orang tokoh yang telah membangkitkan gerakan nasionalisme di Thailand

i.
ii.
[2 markah]

b) Jelaskan nasionalisme tahap pertama di Thailand.

.....
.....
.....
.....
[4 markah]

- c) Semangat nasionalisme generasi muda pada hari ini semakin luntur.
Bincangkan.

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

LATIHAN ESEI

3. Nasionalisme di Asia Tenggara pada umumnya dapat dibahagikan kepada dua tahap.

- a) Jelaskan ciri kedua-dua tahap tersebut.

[4 markah]

- b) Bagaimanakah kuasa Barat menangani gerakan nasionalis di Asia Tenggara?

[8 markah]

- c) Perjuangan para nasionalis Asia Tenggara memperlihatkan keilmuan, semangat juang yang kental dan pengorbanan
Beri ulasan anda.

[8 markah]

BAB 2 : NASIONALISME DI MALAYSIA SEHINGGA PERANG DUNIA KEDUA

PERJUANGAN PEMIMPIN TEMPATAN MENENTANG BRITISH

1. Sebab-Sebab Penentangan pemimpin-pemimpin tempatan

	Dasar Penaklukan British
	Penentangan terhadap British oleh masyarakat tempatan adalah disebabkan dasar penaklukan British terhadap daerah mereka seperti di Naning, Pahang, Kelantan, Terengganu, Sarawak dan Sabah.
	Dasar penaklukan British terhadap Negeri-Negeri Melayu bertujuan untuk mengukuhkan kedudukan politiknya.
	Dengan itu, penguatkuasaan politiknya menjadi luas dan kawasan itu akan terikat dengan perintah dan peraturannya.
	Misalnya, apabila British mendapat Melaka daripada Belanda, Naning dipaksa menjadi jajahan takluk British dan membayar ufti.
	Penghulu Dol Said menentang kehendak British itu dan ini menyebabkan berlakunya peperangan.
	Eksplotasi terhadap Ekonomi Tempatan
	Pihak British juga ditentang kerana hasrat mereka untuk menguasai ekonomi tempatan bagi kepentingan mereka.
	Perkara ini dilakukan melalui perjanjian yang dimeterai oleh mereka dengan pemimpin tempatan.
	Menerusi perjanjian ini, saudagar dari Negeri-Negeri Selat dibenarkan menjalankan perlombongan dan perdagangan bijih timah.
	Hal ini menimbulkan kemarahan penduduk tempatan.
	Pelaksanaan Pentadbiran Barat terhadap Masyarakat Tempatan
	Selain itu, penentangan oleh pemimpin tempatan adalah kerana British memaksakan sistem pentadbiran Barat kepada penduduk tempatan.
	British telah memperkenalkan sistem cukai, undang-undang dan peraturan-peraturan tanah untuk mendapatkan hasil yang maksimum.
	Contohnya di Terengganu, penentangan berlaku kerana British telah menetapkan bahawa setiap tanah yang hendak dibuka oleh penduduk tempatan mestilah mendapat keizinan British dan dikenakan cukai tanah.
	Peraturan ini sangat bertentangan dengan amalan tradisi masyarakat tempatan yang membolehkan mereka membuka tanah mengikut keperluan mereka tanpa membayar cukai.
	Campur Tangan British dalam Adat Resam Tempatan
	Penentangan juga berlaku kerana campur tangan British dalam adat resam tempatan .
	Sebagai penjajah, British memaksa mereka menerima nilai-nilai British yang bertentangan dengan budaya masyarakat tempatan.
	Misalnya di Perak, J.W.W Birch telah campur tangan dalam adat resam masyarakat Melayu yang diamalkan selama ini, iaitu amalan menggunakan orang suruhan.
	Tindakan beliau ini ditentang oleh pemimpin dan masyarakat tempatan.
	Pembesar Tempatan Kehilangan Kuasa dan Pengaruh
	Pemimpin tempatan juga kehilangan kuasa dan pengaruh pentadbiran terhadap kawasan dan anak buah mereka apabila British menjajah kawasan mereka.
	Kebanyakan pemimpin tempatan itu telah dilantik oleh sultan ataupun oleh masyarakatnya untuk mentadbir kawasan tersebut.
	Dengan pelantikan itu, mereka berkuasa untuk menjaga hal ehwal daerahnya seperti soal pentadbiran, perundangan, ekonomi dan sosial.
	Namun, penjajahan British terhadap daerah mereka menyebabkan pemimpin tempatan kehilangan kuasa.
	Keadaan ini telah menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan pemimpin tempatan dan mendorong mereka menentang British.
	Kesulitan Penduduk Tempatan
	Penentangan pemimpin tempatan ini mendapat sokongan anak buah mereka yang tertekan dengan pelaksanaan undang-undang British yang menyulitkan kehidupan mereka.
	Kesetiaan kepada pembesar tempatan sebagai ketua juga telah mendorong mereka memberikan kerjasama untuk menentang British.

2. Peristiwa perjuangan pemimpin-pemimpin tempatan menentang British

i. Naning (Dol Said)

	Tidak setuju tindakan British meletakkan Naning sebagai wilayah British
--	---

	Enggan mematuhi arahan British memaksa Naning menghantar satu per sepuluh hasil sebagai upeti kepada Melaka
	British menghantar tentera untuk menakluki Naning pada tahun 1831
	Penghulu Dol Said menentang kemaraan tentera British
	Dol Said mendapat bantuan ketenteraan daripada Yam Tuan Ali dari Rembau, Syed Shaban dan Dato` Kelana Sungai Ujong serta Penghulu Remai
	Dol Said berjaya mengalahkan tentera British seramai 150 orang di bawah pimpinan Kapten Wyllie yang berusaha menawan Tabuh dalam Daerah Naning
	Pada tahun 1832, British menghantar tentera seramai 1200 orang untuk menawan Naning
	Tentera Penghulu Dol Said kalah
	Punca kekalahan Dol Said kerana tiada bantuan daripada pembesar Negeri Sembilan.
	Kesannya Penghulu Dol Said menyerah diri dan dibawa ke Melaka.

ii. Sarawak

Linggir

	Linggir, pemimpin kaum Iban di Saribas menentang penaklukan James Brooke pada tahun 1849 dengan menyerang kapal Nemesis dekat Batang Lupa.
	Serangan ini merupakan tindak balas terhadap langkah James Brooke dan Kapten Farquhar menghalang pelayaran mereka di Sungai Saribas.
	Bagaimana pun, Linggir dan pengikutnya tewas dalam pertempuran tersebut.

Rentap

	Pada tahun 1853, Rentap pemimpin kaum Iban menentang James Brooke kerana tindakan Brooke yang cuba menghapuskan orang Iban di Sungai Skrang yang dianggap sebagai lanun.
	Rentap telah menyerang pasukan James Brooke di kubu Nanga Skrang bagi menghalang kezaliman James Brooke di daerah tersebut.
	Rentap dan pengikutnya berjaya mengusir James Brooke tetapi tentera James Brooke telah bertindak balas dengan membakar kampung mereka.
	Rentap dan pengikutnya berundur ke Bukit Sadok.
	Namun sekali lagi mereka diserang oleh James Brooke.
	Tentera James Brooke berjaya mengalahkan Rentap pada tahun 1861.
	Rentap terpaksa berundur ke Ulu Sungai Entabai dan serangannya semakin lemah.

Syarif Masahor dan Datu Patinggi Abdul Gapur

	Penentangan oleh orang Melayu di bawah pimpinan Syarif Masahor dan Datu Patinggi Abdul Gapur berlaku kerana mereka menolak penguasaan James Brooke di wilayah mereka iaitu di Sungai Rajang pada tahun 1857.
	Hal ini disebabkan mereka kehilangan kuasa memungut cukai dan pengaruh terhadap penduduk tempatan.
	Pada tahun 1858, James Brooke membina sebuah kubu di Kanowit.
	Syarif Masahor telah menyerang kubu tersebut.
	Beliau dan Datu Patinggi Abdul Gapur kemudian menyerang James Brooke di Kuching.
	Walau bagaimanapun, tentangan mereka gagal.
	Syarif Masahor melarikan diri ke Brunei tetapi beliau telah diserahkan oleh Sultan Brunei kepada British di Singapura.
	Datu Patinggi Abdul Gapur pula melarikan diri ke Betawi tetapi ditahan Belanda dan diserahkan kepada James Brooke.

iii. Sabah (Mat Salleh)

	Di Sabah, terdapat beberapa penentangan yang dilakukan oleh pemimpin tempatan terhadap Syarikat Borneo Utara British (SBUB).
	Penentangan yang terbesar dilakukan oleh Mat Salleh.
	Mat Salleh merupakan pemerintah daerah Tambunan dan Sungai Sugut.
	Namun, pihak SBUB tidak menghiraukan kedudukan Mat Salleh.
	SBUB bukan sahaja menduduki kawasan pengaruh Mat Salleh tetapi SBUB turut melaksanakan sistem cukai kepala dan surat perahu.
	Pegawai-pegawai syarikat juga bersikap kasar kepada penduduk tempatan.
	Mat Salleh telah ke Sandakan untuk berbincang dengan SBUB pada tahun 1895 tetapi tidak dilayan.
	Sebaliknya, Gabenor Beaufort telah menyerang dan membakar kampung Mat Salleh.
	Mat Salleh terpaksa melarikan diri.
	Pada 1897, Mat Salleh dan pengikutnya telah melakukan serangan mengejut terhadap kubu SBUB di

	Pulau Gaya.
	SBUB telah menawarkan pelan damai kepada Mat Salleh iaitu menyerahkan Tambunan kepadanya.
	Namun, SBUB mungkir janji dan hal ini menyebabkan Mat Salleh sekali lagi menyerang kubu SBUB.
	Serangan ini dibalas oleh pasukan tentera SBUB dengan menyerang kubu Mat Salleh.
	Beliau akhirnya tewas dan meninggal dunia pada 31 Januari 1900.

iv. Negeri Sembilan

Dato Syahbandar

	Dato' Syahbandar Sungai Ujong enggan menandatangani perjanjian dengan British pada 21 April 1874.
	Dato' Syahbandar juga menentang Dato' Kelana Sungai Ujong, iaitu Syed Abdul Rahman yang mempelawa British untuk campur tangan dalam pertikaian mereka.
	Dato' Syahbandar dan Dato' Kelana Sungai Ujong berebut kawasan sempadan untuk mengenakan cukai kepada pedagang bijih timah dari Negeri-Negeri Selat.
	Dengan kerjasama British, Dato' Kelana Syed Abdul Rahman berjaya mengalahkan Dato' Syahbandar Abdullah Tunggal untuk menguasai Sungai Ujong.
	Dato' Syahbandar Abdullah Tunggal terpaksa berundur ke Selangor.
	Dato' Syahbandar kembali semula ke Sungai Ujong untuk menandatangani perjanjian dengan British 10 November 1874.
	Dato' Syahbandar bersetuju meletakkan jawatan dan berhijrah ke Singapura.
	Dato' Kelana Syed Abdul Rahman dapat menguasai seluruh Sungai Ujong tetapi tertakluk di bawah penguasaan British.

Yam Tuan Antah

	Penentangan Yam Tuan Antah di sebabkan British menduduki Sungai Ujong.
	Selain itu, British juga menyokong Dato Kelana menduduki Terachi dan Paroi.
	British juga telah menawan Bukit Putus, Jempul dan Terachi.
	Pada tahun 1888, Yam Tuan Antah menandatangani perjanjian damai dengan British.

v. Pahang (Dato Bahaman)

	Dato Bahaman menolak pelaksanaan undang-undang British yang bertentangan dengan adat resam dan sistem politik tempatan seperti sistem kehakiman / pemungutan hasil tanah / sistem cukai / penubuhan pasukan polis luar
	British menghakis kuasa Dato' Bahaman sebagai Orang Kaya Setia Perkasa Pahlawan Semantan.
	Dato' Bahaman dan pembesar lain iaitu Tok Gajah dan Iman Rasul menentang British selama lima tahun.
	Dato' Bahaman menentang pembinaan balai polis di Lubuk Terua.
	Dato' Bahaman menyerang British kerana menangkap anak buahnya.
	Dato' Bahaman menyerang dan menawan semula Lubuk Terua.
	Dato' Bahaman menyerang dan menguasai Kuala Tembeling dan Jeram Ampai.
	Akibat tekanan British, Dato' Bahaman berundur ke Kelantan pada 1895.
	Dato' Bahaman mendapat perlindungan daripada pembesar Terengganu dan Kelantan.
	Dato' Bahaman menetap di Hulu Kelantan.
	Tok Gajah menetap di Hulu Terengganu.
	Pada 1896, Dato' Bahaman berpindah ke Bangkok
	Dato' Bahaman mendapat perlindungan oleh Raja Chulalongkorn.
	Dato' Bahaman menetap di Chiang Mai
	Dato' Bahaman diberi sara hidup 1000 Bhat
	Dato' Bahaman meninggal dunia di sana

vi. Kelantan (Tok Janggut)

	Di Kelantan, penentangan terhadap penjajahan British berlaku di Pasir Puteh apabila British memperkenalkan Sistem Penasihat British pada tahun 1910.
	British memaksa penduduk tempatan menerima pakai sistem cukai yang diperkenalkannya.
	Tok Janggut membantah perlaksanaan sistem ini dan bertindak enggan membayar cukai
	Bantahan Tok Janggut tidak dilayan Pegawai Daerah Pasir Puteh .
	Sebaliknya, pihak polis telah diarahkan untuk menangkap Tok Janggut tetapi mereka gagal.
	Pada tahun 1915, Engku Besar Jeram, Tuan Ahmad, Penghulu Adam, Haji Said, Che Ishak dan rakyat

	tempatan bersetuju menyerang Pasir Puteh dan berjaya mendudukinya .
	Sebuah kerajaan telah dibentuk dengan Engku Besar Jeram sebagai Raja, Tok Janggut sebagai Perdana Menteri dan Che Ishak sebagai Pegawai Daerah.
	Dengan menggunakan nama Sultan Kelantan, British telah membawa masuk tentera dari Negeri Selat dengan Kapal Perang HMS Cadmus yang mendarat di Tumpat.
	Pada Mei 1915, British memulakan serangan di Saring.
	Serangan British yang tersusun dan penggunaan senjata yang lebih moden telah melumpuhkan perjuangan Tok Janggut dan pengikutnya.
	Tok Janggut terkorban dalam serangan itu dan mayatnya diarak ke seluruh pekan Kota Bharu sebelum digantung di pasar dalam keadaan kepala ke bawah dan kaki ke atas sebagai amaran kepada masyarakat tempatan yang berani menentang British.

vii. Terengganu (Haji Abdul Rahman Limbong)

	Di Terengganu, Haji Abdul Rahman Limbong yang merupakan seorang ulama telah menentang British kerana tidak berpuas hati dengan sistem cukai dan undang-undang tanah yang diperkenalkan kepada orang tempatan.
	Pada bulan Julai dan Ogos 1922, Haji Abdul Rahman Limbong mengetuai penduduk kampung membersihkan tanah di Kuala Telemonong tanpa menghiraukan peraturan tanah British.
	Pada bulan Mei 1925, kira-kira 300 orang penduduk kampung membuka tanah milik Tengku Nik Maimunah ibn Sultan Zainal Abidin III.
	Tanah ini meliputi kawasan dari Lubuk Batu hingga Kampung Pelam.
	Hal ini membimbangkan British, tetapi dengan jasa baik Tengku Nik Maimunah, mereka dapat disuraikan.
	Kemarahan penduduk tempatan terhadap dasar British menyebabkan mereka melancarkan penentangan bersenjata pada bulan Mei 1928.
	Kumpulan yang menyerang bangunan kerajaan di Kuala Berang telah berjaya mendudukinya.
	Kumpulan di Kuala Telemonong pula bersiap sedia menunggu arahan untuk menentang British.
	Dengan menggunakan kuasa dan nama Sultan Terengganu, British telah menghantar tiga orang pembesar yang membawa perintah sultan untuk menawan semula Kuala Berang serta menangkap dan membunuh sesiapa sahaja yang menghalangnya.
	Cara ini memudahkan British kerana rakyat Melayu tidak akan menderhaka kepada sultan.
	Sepasukan polis dengan seramai 25 orang telah menyerang Kuala Telemonong dan berjaya menumpaskan kebangkitan penduduk tempatan dengan mengorbankan 11 orang.
	Haji Abdul Rahman Limbong pula telah diserang oleh 50 orang polis yang dibawa dari Singapura.
	Beliau berjaya ditahan dan dibuang negeri ke Makkah.

3. Bentuk perjuangan pemimpin tempatan

	Pemimpin tempatan bekerjasama dengan pembesar lain
	Dol Said mendapat bantuan ketenteraan daripada Yam Tuan Ali, Syed Shaban, Pengulu Remai dan Rechat, Dato Kelana Sungai Ujong dan Penghulu Gemenceh
	Datuk Maharaja Lela bekerjasama dengan Sultan Abdullah dan pembesar Perak untuk membunuh JWW Birch
	Tok Janggut bekerjasama dengan Engku Besar Jeram, Tuan Ahmad, Penghulu Adam, Haji Said dan Che Ishak menyerang Pasir Puteh dan berjaya menduduki Pasir Puteh
	Pembesar tempatan melancarkan serangan
	Linggir menyerang kapal Nemesis di Batang Lupar
	Rentap menyerang tentera James Brooke di kubu Nanga Skrang
	Syarif Masahor menyerang kubu James Brooke di Kanowit dan Kuching
	Mat Salleh menyerang kubu SBUB di Pulau Gaya
	Dato Bahaman menyerang British di Lubuk Terua, Kuala Tembeling dan Jeram Ampai
	Haji Abdul Rahman Limbong menyerang bangunan kerajaan di Kuala Berang
	Pembesar tempatan membunuh wakil British
	Datuk Maharaja Lela dan pengikutnya di Perak telah membunuh JWW Birch
	Pengikut Datuk Maharaja Lela telah membunuh orang suruhan British, Mat Arshad
	Pembesar tempatan berunding dengan British
	Mat Salleh telah pergi ke Sandakan untuk berunding dengan SBUB tetapi tidak dilayan
	Pembesar tempatan membantah dasar British
	Dol Said membantah pembayaran ufti kepada British di Melaka
	Linggir membantah pencerobohan James Brooke di Saribas
	Rentap membantah penguasaan James Brooke di Sungai Skrang yang menanggapi orang Iban

	sebagai lanun
	Syarif Masahor dan Datu Patinggi Abdul Gapur membantah kerana menolak penguasaan James Brooke di Sungai Rajang
	Mat Salleh membantah pelaksanaan sistem cukai kepada dan surat perahu di Tambunan
	Datuk Maharaja Lela, sultan dan pembesar Perak membantah pelaksanaan sistem cukai oleh British di Pasir Salak
	Datuk Maharaja Lela, sultan dan pembesar Perak membantah penguasaan British di kawasan mereka
	Datuk Maharaja Lela, sultan dan pembesar Perak membantah campur tangan British dalam adat resam dan hal ehwal tempatan
	Datuk Syahbandar Sungai Ujong membantah campur tangan British di Sungai Ujong
	Dato Bahaman membantah pembinaan balai polis di Lubuk Terua
	Tok Janggut membantah pelaksanaan sistem cukai di Pasir Puteh
	Haji Abdul Rahman Limbong membantah kerana tidak berpuas hati dengan sistem cukai dan undang-undang tanah British

4. Cara British menangani penentangan pembesar tempatan

	Menakluk kawasan pemimpin.
	Menakluk kawasan Dol Said di Naning pada 1831.
	150 orang tentera menawan Taboh .
	di bawah Kapten Willie.
	Menyerang pemimpin.
	Serangan ke atas Rentap / Syarif Masahor / Linggir.
	James Brooke menyerang Rentap di Bukit Sadok.
	Serangan 500 askar British ke atas Dato' Maharaja Lela di Pasir Salak .
	Serangan pasukan tentera Negeri Selat dengan kapal perang H.M.S. Cadmus ke atas Tok Janggut di Saring.
	50 orang polis dari Singapura menyerang Haji Abdul Rahman Limbong.
	Menghalang pelayaran pemimpin.
	James Brooke menghalang pelayaran kaum Iban di sungai Saribas, Sarawak.
	Menghapuskan keturunan / suku kaum.
	James Brooke bertindak menghapuskan orang Iban di Sungai Skrang.
	James Brook menganggap orang Iban sebagai lanun.
	Pembinaan kubu.
	James Brooke telah membina kubu di Kanowit untuk mempertahankan kedudukannya.
	SBUB telah membina kubu di Pulau Gaya.
	Membakar perkampungan.
	Gabenor Beaufort telah menyerang dan membakar perkampungan Mat Salleh.
	Membicarakan pembesar tempatan
	Dato' Maharaja Lela, Dato' Sagor, Pandak Lam, Pandak Indut dan Seputum dibicara.
	Raja Idris sebagai Hakim.
	Frank Swetanham sebagai penasihat.
	Menghukum gantung.
	Dato' Maharaja Lela, Dato' Sagor, Pandak Lam, Pandak Indut dan Seputum dihukum gantung akibat penentangan mereka ke atas JWW Birch.
	Hukuman buang negeri.
	Sultan Abdullah, Menteri Ngah Ibrahim, Syahbandar dan Laksamana dibuang negeri ke Pulau Seychelles.
	Raja Ismail dibuang negeri ke Johor.
	Hj. Abdul Rahman Limbong dibuang negeri ke Mekah.
	Kerjasama dengan pemimpin tempatan.
	British telah bekerjasama dengan Dato' Kelana Sungai Ujong Syed Abdul Rahman untuk menentang Dato' Syahbandar Abdullah Tunggal untuk menguasai kawasan bijih Timah di Sungai Ujong.
	Menggantung mayat
	Mayat Tok janggut diigantung di pasar secara terbalik sebagai amaran kepada penduduk yang menentang.
	Mengarak mayat.
	Mayat Tok Janggut di arak ke seluruh pekan Kota Bharu.
	Menangkap / Memburu pemimpin.
	Haji Abdul Rahman Limbong/ Tok Janggut/ Dato Bahaman
	Diberi pencen.
	Dol Said diberi pencen dan rumah.

	Menggunakan nama sultan
	menentang Tok Janggut di Kelantan dan Haji Abdul Rahman Limbong di Terengganu
	menghantar 3 orang pembesar untuk membawa perintah sultan untuk menawan semula Kuala Berang
	rakyat tidak menderhaka kepada perintah sultan
	Menandatangani perjanjian/ pelan damai
	SBUB telah menawarkan pelan damai kepada Mat Salleh untuk menyerahkan Tambunan

5. Kesan penentangan pembesar tempatan terhadap British ?

	Pegawai British dibunuh
	JWW Birch dibunuh oleh Datuk Maharaja Lela dan pengikutnya.
	Orang suruhan British, Mat Arshad telah dibunuh semasa menampal poster cukai di Pasir Salak
	Tentera British tewas/ terkorban
	Tentera British pemimpin Kapten Wyllie ditewaskan oleh Dol Said dan pengikutnya di Naning
	Tentera James Brooke berjaya diusir oleh Rentap di kubu Nanga Skrang
	British diserang
	Linggir menyerang kapal Nemesis di Batang Lupa
	Rentap menyerang pasukan James Brooke di kubu Nanga Skrang
	Syarif Masahor dan Datuk Patinggi Abdul Gapur menyerang James Brooke di Kuching
	Mat Salleh menyerang secara mengejut terhadap kubu SBUB di Pulau Gaya
	Dato Bahaman menyerang British kerana menangkap anak buahnya.
	Dato Bahaman menyerang dan menawan semula Lubuk Terua.
	Dato Bahaman menyerang dan menguasai Kuala Tembeling dan Jeram Ampai
	British ditentang
	Dato Bahaman menentang pembinaan balai polis di Lubuk Terua
	Tok Janggut membantah pelaksanaan sistem cukai di Pasir Puteh
	Dol Said enggan membayar ufti kepada British di Melaka
	Haji Abdul Rahman Limbong dan penduduk tempatan melancarkan penentangan bersenjata terhadap British di Kuala Telemong
	British terpaksa menanggung kos peperangan
	British menanggung kos yang tinggi semasa menyerang Naning
	British terpaksa meminta bantuan tentera Negeri-negeri Selat semasa menentang Naning dan Pasir Puteh
	British terpaksa menggunakan kapal perang HMS Cadmus di Tumpat, Kelantan
	British terpaksa membayar pencen kepada Dol Said
	British terpaksa membuat perjanjian
	SBUB mengadakan perjanjian dengan Mat Salleh untuk menyerahkan Tambunan

6. Kesan tindak balas British terhadap pembesar tempatan

	Pembesar tempatan menyerah diri
	Dol Said terpaksa menyerah diri kepada British dan dibawa ke Melaka.
	Pembesar tempatan tewas/ terkorban
	Linggir dan pengikutnya tewas di Batang Lupa
	Mat Salleh tewas di Tambunan
	Tok Janggut di Pasir Puteh tewas dan terkorban dalam serangan
	Pembesar tempatan berundur
	Rentap terpaksa berundur ke Ulu Sungai Entabai dan serangan semakin lemah
	Dato Bahaman berundur ke Hulu Kelantan dan berpindah ke Bangkok
	Tok Gajah berundur ke Hulu Terengganu
	Syarif Masahor berundur ke Brunei
	Datu Patinggi Abdul Gapur berundur ke Betawi
	Datuk Maharaja Lela dan Datuk Sagor melarikan diri ke Kota Lama
	Datuk Syahbandar di Sungai Ujong berundur ke Selangor
	Mayat pembesar tempatan digantung
	Mayat Tok Janggut digantung di pekan Kota Bahru dalam keadaan kepala ke bawah dan kaki ke atas sebagai amaran kepada masyarakat.
	Perkampungan pembesar tempatan dibakar
	Kampung Rentap dibakar oleh tentera James Brooke
	Kampung Mat Salleh diserang dan dibakar oleh Gabenor Beauford
	Pembesar tempatan ditangkap dan diserahkan kepada British
	Syarif Masahor diserahkan oleh Sultan Brunei kepada British di Singapura

	Datu Patinggi Abdul Gapur berjaya ditahan oleh Belanda dan diserahkan kepada James Brooke
	Pembesar tempatan dibuang daerah/ negeri
	Sultan Ismail di Perak telah dibuang negeri ke Johor
	Sultan Abdullah, Menteri Ngah Ibrahim, Syahbandar dan Laksamana di Perak dibuang negeri ke Pulau Seychelles
	Haji Abdul Rahman Limbong di Terengganu dibuang negeri ke Mekah
	Pembesar tempatan dibicarakan
	Pembesar-pembesar Perak dibicarakan di Matang, Perak
	Haji Abdul Rahman Limbong dibicarakan di Kuala Terengganu
	Pembesar kehilangan kuasa mengutip cukai/ sumber pendapatan
	Datuk Maharaja Lela kehilangan kuasa mengutip cukai di Pasir Salak
	Pembesar tempatan kehilangan pengaruh/kuasa
	Mat Salleh kehilangan pengaruh di Tambunan
	Pembesar tidak boleh memiliki hamba
	Datuk Maharaja Lela tidak dibenarkan memiliki hamba oleh JWW Birch di Perak

7. Iktibar yang dapat diambil daripada perjuangan pemimpin tempatan menentang British.

	Menunjukkan semangat kesetiaan kepada negara
	Sanggup bertaruh nyawa / berkorban untuk bangsa dan negara
	Bekerjasama / tolong-menolong antara pemimpin dan rakyat
	Berusaha melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan
	Mengekalkan kedaulatan negara
	Gigih menentang musuh negara
	Berani mempertahankan negara
	Mengutamakan kepentingan bangsa dan negara
	Berwawasan
	Berfikiran strategik

8. Sebab-sebab perlu mencontohi perjuangan pemimpin tempatan

	Semangat setia negara yang tinggi
	Sanggup berkorban untuk negara
	Sedia mempertahankan tanah air
	Menunjukkan sikap bekerjasama
	Memiliki sifat berani
	Tabah menghadapi cabaran
	Tidak mudah menerima pengaruh luar
	Berusaha menentang penjajah asing
	Bersatupadu membela bangsa
	Meningkatkan jati diri bangsa

9. Bandingkan corak perjuangan pemimpin sebelum dan selepas merdeka.

	Pemimpin dahulu memperjuangkan hak-hak dan kepentingan penduduk tempatan akibat penindasan penjajah. Pemimpin hari ini, perjuangan lebih kepada usaha mempertingkatkan taraf hidup penduduk. Contohnya pendidikan dan ekonomi
	Perjuangan pemimpin dahulu banyak menyentuh isu-isu seperti penjajah tidak menghormati adat resam, pengenalan sistem cukai dan undang-undang barat Dasar penaklukan. Pemimpin hari ini banyak menyentuh isu-isu kemasyarakatan seperti kos sara hidup, peluang pekerjaan, perpaduan, agama dan hak-hak sesuatu kaum.
	Perjuangan pemimpin dahulu lebih radikal seperti mengangkat senjata. Pemimpin hari ini lebih menekankan cara rundingan, diplomasi dan musyawarah
	Perjuangan pemimpin dahulu lebih kepada usaha membebaskan tanah air daripada penjajahan kuasa asing. Pemimpin hari ini berusaha untuk mengekalkan kedaulatan negara dari pencerobohan kuasa asing dan usaha ke arah pembebasan penjajahan akal fikiran
	Pemimpin dahulu hanya bergantung kepada media cetak seperti akhbar, majalah dan karya kesusasteraan. Pemimpin hari ini, menggunakan pelbagai medium untuk menyalurkan maklumat kepada orang ramai, contohnya, internet dan media sosial

10. Langkah-langkah untuk mempertahankan kedaulatan negara

	Menguatkan semangat perpaduan
--	-------------------------------

	Tidak mencetuskan huru-hara
	Menganggotai pasukan keselamatan negara
	Berusaha mengharumkan nama negara
	Tidak terpengaruh dengan gejala negatif
	Mengamalkan budaya hidup Timur dalam kehidupan
	Tidak menimbulkan atau memperkatakan tentang isu sensitif sehingga boleh mengganggu ketenteraman
	Mengukuh dan mempertingkatkan ekonomi negara
	Menjalin hubungan baik dengan semua negara di dunia
	Memerintah dengan adil dan saksama
	Sentiasa berwaspada dengan ancaman kuasa asing
	Meningkatkan teknologi ketenteraan
	Menanam kesedaran tentang pentingnya keamanan
	Mematuhi matlamat Piagam PBB

11. Usaha-usaha untuk menyemai rasa cinta terhadap negara dalam kalangan generasi muda

	Mewajibkan pembelajaran subjek Sivik dan Kewarganegaraan
	Mewajibkan subjek Sejarah sebagai subjek wajib lulus dalam peperiksaan awam
	Kem bina semangat/ jati diri
	Sambutan Bulan Kemerdekaan di sekolah
	Lawatan ke tempat bersejarah
	Menganjurkan pertandingan seperti penulisan esei tokoh/ peristiwa sejarah
	Melaksanakan kempen kesedaran
	Mewujudkan galeri sejarah di sekolah

12. Ciri-ciri warganegara yang patriotik

	Mengamalkan semangat cintakan negara
	Menghormati pemimpin
	Mematuhi undang-undang
	Menjadi warga berilmu
	Mengamalkan prinsip Rukun Negara
	Mengutamakan perpaduan kaum
	Mengukuhkan jati diri
	Menghayati sejarah negara
	Menghormati lagu kebangsaan

GERAKAN NASIONALISME SEHINGGA PERANG DUNIA KEDUA

13. Faktor-Faktor Pemangkin Nasionalisme

	Pengenalan Sistem Politik Barat
	Penjajahan British pada tahun 1874 melalui Sir Andrew Clarke telah memperkenalkan sistem politik Barat yang memusnahkan sistem politik tradisional tempatan
	British meletakkan seorang Residen yang mengambil alih pentadbiran negeri daripada pembesar tempatan
	Para pembesar diberikan pencen dan tempat mereka digantikan oleh pegawai British
	Bagi orang Melayu sistem atau amalan tradisi mereka dan juga menjatuhkan maruah mereka
	Hal ini membangkitkan kebencian penduduk tempatan terhadap British
	Perkembangan Sistem Pendidikan
	Sistem Pendidikan Inggeris dan sekolah vernakular Melayu yang diperkenalkan pada akhir abad ke-19, telah melahirkan golongan intelek Melayu yang mampu berfikir tentang kemajuan bangsanya
	Mereka menyedari perlunya memberi sumbangan tenaga dan fikiran mereka untuk menyedarkan bangsa Melayu
	Mereka menggunakan idea baru untuk memajukan diri dan menolak penjajahan British
	Dasar British
	Dasar British dan mentadbir Tanah Melayu telah menggalakkan sesiapa sahaja datang untuk melabur, berniaga, berdagang, bekerja dan menetap di Tanah Melayu
	Dengan itu, ramai orang asing telah datang ke Tanah Melayu dan menetap di sini
	Kemasukan orang asing yang berterusan telah meningkatkan jumlah imigran di Tanah Melayu dan menimbulkan persaingan kepada penduduk tempatan
	Mereka menguasai ekonomi Tanah Melayu dalam bidang perlombongan bijih timah, perladangan getah dan perniagaan
	Orang Melayu pula terus kekal dalam pertanian padi yang tidak dimajukan oleh British

	British juga telah membuka bandar baru sebagai pusat pentadbirannya sedangkan orang Melayu tetap tinggal di kampung-kampung dengan segala kekurangan
	Kemajuan ekonomi seperti perniagaan serta kewujudan prasarana contohnya elektrik, perkhidmatan pos, telefon, sekolah dan hospital telah meningkatkan taraf hidup di bandar
	Keadaan ini menjarakkan lagi jurang taraf hidup antara orang tempatan di luar bandar dengan imigran dan penduduk lain di bandar
	Dasar British telah memundurkan lagi taraf hidup orang Melayu
	Golongan intelek Melayu menyedari keadaan ini dan menjadikannya sebagai isu dalam gerakan nasionalisme Melayu
	Pendudukan Jepun
	Pendudukan Jepun juga menjadi pemangkin terhadap gerakan nasionalisme di Tanah Melayu
	Pihak Jepun dengan konsep Kawasan Kesemakmuran Asia telah menekankan kebebasan negara-negara Asia untuk menentukan kemajuan masing-masing dan meningkatkan persaudaraan di kalangan negara tersebut
	Dengan konsep ini, Jepun menggalakkan orang tempatan bekerjasama dengannya dan berjanji akan memerdekakan mereka
	Bagaimana pun, kesengsaraan hidup akibat kekurangan makanan dan ubat-ubatan serta kekejaman pentadbiran Jepun menyebabkan sebilangan besar penduduk Tanah Melayu membenci penjajahan sama ada kuasa Barat atau Timur
	Lantaran semangat itu, apabila British memperkenalkan Malayan Union pada tahun 1946, penentangan orang Melayu amat jelas
	Mereka tidak mahu dijajah oleh sesiapa pun
	Penguasaan Parti Komunis Malaya
	Penguasaan Parti Komunis Malaya (PKM) selama 14 hari pada tahun 1945 juga telah membangkitkan semangat menentang penjajahan dan memulakan penyebaran ideologi komunis
	Dalam tempoh itu, PKM telah menguasai balai-balai polis dan memerintah dengan kejam
	Mereka membunuh dan menangkap sesiapa sahaja yang dianggap sebagai penyokong Jepun
	Gerakan ini telah mencetuskan konflik perkauman
	Banyak orang Melayu terbunuh dan rumah mereka dibakar oleh anggota PKM
	Serangan mereka telah dibalas oleh orang Melayu di Perak, Negeri Sembilan dan Pahang
	Kemunculan Mesin Cetak
	Kemunculan mesin cetak telah memberikan kesan kepada penyebaran ilmu pengetahuan dan mendorong kepada penentangan terhadap British
	Perkara ini berlaku kerana melalui buku, akhbar, majalah dan kitab agama, idea menentang penjajah itu dapat disebarkan
	Gerakan Pan-Islamisme Sedunia
	Gerakan Pan-Islamisme sedunia telah memberikan kesan kepada kesedaran semangat kebangsaan di Tanah Melayu
	Gerakan Pan-Islamisme merupakan gerakan intelektual Islam seluruh dunia untuk membangkitkan pemahaman yang lebih progresif terhadap Islam bagi menentang penjajahan Barat ke atas negara-negara Islam
	Gerakan ini didokong oleh pelajar Islam dari seluruh dunia
	Gerakan reformis Islam yang dimulakan oleh Syeikh Muhammad Abduh, pensyarah di Universiti al-Azhar, Mesir telah tersebar luas
	Dalam tulisannya, Syeikh Muhammad Abduh telah memberikan kupasan bahawa Islam ialah cara hidup yang menekankan kepentingan dunia dan akhirat di samping mendorong umatnya menuju kejayaan
	Tulisan Syeikh Muhammad Abduh ini disebarkan dalam majalah al-Manar
	Selain itu, gerakan Wahabi yang berlaku di Arab Saudi juga mendesak matlamat yang sama
	Kesedaran Politik Serantau
	Kesedaran politik yang berlaku di sekitar Asia Tenggara terutamanya di Indonesia turut mendorong kebangkitan nasionalisme di Tanah Melayu
	Indonesia yang amat rapat dengan Tanah Melayu dari segi geografi dan budaya telah mempengaruhi gerakan nasionalisme di Tanah Melayu
	Kesedaran politik dan pendidikan Indonesia yang lebih matang telah melahirkan ramai golongan intelektual
	Antaranya ada yang menjadi penulis besar dan karya mereka ini telah menjadi bahan bacaan masyarakat di Tanah Melayu, terutama mereka yang berpendidikan vernakular Melayu
	Idea kebebasan politik dan penentangan terhadap penjajahan dalam tulisan mereka yang tersebar luas di sini dapat dihayati oleh masyarakat tempatan
	Kemasukan orang Indonesia ke Tanah Melayu memudahkan penerimaan unsur kegiatan nasionalisme Indonesia di Tanah Melayu

14. Akhbar majalah dan novel penggerak kesedaran kebangsaan/ Akhbar-akhbar yang membangkitkan kesedaran semangat kebangsaan pada tahun 1930-an.

	Warta Malaya
	Lembaga Malaya
	Majlis
	Utusan Melayu
	Warta Negara
	Fajar Sarawak

15. Isu-isu yang diketengahkan oleh akhbar-akhbar Melayu pada tahun 1930-an

	Sosial
	Memajukan pendidikan tinggi orang Melayu
	Menggalakkan pendidikan untuk anak perempuan
	Menyeru orang Melayu supaya meninggalkan sikap negatif seperti memilih pekerjaan dan tidak mahu berusaha
	Menggalakkan tabungan di kalangan orang Melayu untuk pendidikan anak-anak
	Mementingkan kemahiran tradisional orang Melayu seperti pertukangan dan kerja tangan
	Mementingkan pendidikan bahasa Inggeris untuk memajukan orang Melayu
	Meminta taraf sekolah Melayu dibaiki dengan memberikannya nilai ekonomi
	Memartabatkan bahasa Melayu seperti bahasa rasmi dalam pentadbiran British
	Menyeru orang Melayu supaya tidak meninggalkan pendidikan Islam
	Mengekalkan nilai-nilai baik masyarakat Melayu
	Ekonomi
	Menggalakkan syarikat kerjasama
	Meminta British mengurangkan kemasukan orang dagang kerana hal ini mengancam ekonomi ekonomi tempatan
	Menggalakkan perniagaan di kalangan orang Melayu
	Malarang orang Melayu daripada menjual tanah mereka
	Menyeru orang Melayu supaya berjimat cermat
	Meminta British mengadakan kampung khas Melayu di Kuala Lumpur
	Politik
	Mengkritik British kerana mengurangkan kuasa Raja-raja Melayu
	Mengkritik para pembesar dan Raja-raja Melayu kerana tidak melaksanakan kepimpinan yang sewajarnya untuk rakyat
	Menolak dasar pilih kasih British dalam pentadbiran kerajaan
	Menuntut diadakan Malay Administrative Service (M.A.S) untuk melindungi orang Melayu dalam perkhidmatan
	Menyeru orang Melayu di seluruh Tanah Melayu supaya bersatu dalam sebuah pertubuhan kebangsaan
	Menentang tuntutan orang dagang terhadap politik tempatan

16. Cara akhbar memainkan peranan meningkatkan semangat patriotik dalam kalangan rakyat Malaysia pada hari ini.

	Meningkatkan minat membaca khasnya akhbar dikalangan masyarakat pelbagai kaum
	Memperbanyakkan berita-berita yang memaparkan kejayaan negara
	Mengelakkan berita-berita yang bersifat perkauman
	Sentiasa menggalakkan rakyat mencintai negara
	Tidak membincangkan isu-isu yang kurang baik yang dilakukan oleh pemimpin-pemimpin negara
	Mengawal harga akhbar supaya mampu dibeli oleh semua lapisan rakyat
	Kemudahan rakyat mendapatkan akhbar
	Memperbanyakkan akhbar-akhbar percuma ditempat awam

17. Peranan akhbar bagi melahirkan politik yang stabil di Malaysia pada hari ini

	Menyiarkan berita yang benar/ sahih
	Memupuk perasaan cinta akan bangsa dan negara
	Mewujudkan perpaduan antara kaum
	Tidak membangkitkan isu perkauman
	Tidak membincangkan perkara sensitif
	Tidak mempertikaikan agama Islam sebagai agama Persekutuan

	Tidak mempertikaikan kedudukan raja-raja Melayu
	Tidak mempertikaikan hak keistimewaan orang Melayu dan bumiputera
	Tidak mempertikaikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan
	Menggalakkan kerjasama dalam masyarakat

18. Isu-isu yang diketengahkan dalam majalah antara tahun 1920- an hingga 1940-an

	Majalah Guru
	Pendidikan anak-anak Melayu
	Menyeru perpaduan di kalangan orang Melayu
	Meniupkan semangat cinta akan negara dan menentang penjajahan
	Membaiki taraf hidup orang Melayu
	Memajukan bahasa dan sastera Melayu
	Menggalakan perpaduan di kalangan guru sebagai pemimpin bahasa
	Pengasuh
	Membincangkan soal pentafsiran Islam yang progresif bagi kemajuan ummah
	Menggalakkan pendidikan di kalangan orang Melayu
	Memperluas ilmu dalam semua bidang
	Memberikan pentafsiran kepada persoalan orang Islam
	Menggesa orang Melayu menjauhkan diri daripada sifat buruk
	Bulan Melayu
	Menggalakkan perpaduan di kalangan guru perempuan Melayu Johor
	Menggalakkan wanita mendapatkan pendidikan untuk kemajuan diri
	Mendorong wanita menjaga kesopanan dengan nilai-nilai Islam dan budaya Timur
	Menggalakkan wanita menjadi obor untuk memajukan bangsa

19. Kerelevanan akhbar dan majalah sebagai penyalur maklumat kepada masyarakat pada masa kini

	Relevan/Ya
	Mudah didapati diseluruh negara
	Harga murah/ berpatutan
	Boleh/mudah dibawa kemana-mana sahaja
	Boleh dibaca melalui online
	Perkembangan akhbar melalui aplikasi ICT
	Dapat mengetahui perkembangan semasa/terkini dengan cepat
	Banyak pilihan akhbar
	Tidak Relevan/Tidak
	Generasi muda kurang minat ,membaca bahan dalam bentuk bertulis
	Kandungan akhbar hari ini lebih banyak fokus kepada hiburan
	Perkembangan pelbagai aplikasi ICT seperti facebook, whatsaaps,telegram menjadi pilihan ramai
	Sumber maklumat yang pelbagai pada masa kini
	Artikel mengenai kesedaran bangsa kurang diselitkan
	Kurangnya pengarang-pengarang akhbar yang mempunyai semangat kebangsaan sejati
	Ilustrasi / grafik akhbar kurang menarik
	Tarikh kemerdekaan diberikan pada 31 Ogos 1957
	Pembentukan suruhanjaya bebas untuk mengkaji perlembagaan
	Tanah Melayu akan menjalankan ekonomi bebas
	British akan melindungi keselamatan dan pertahanan Tanah Melayu

4. Kepentingan Rombongan Kemerdekaan kepada Tanah Melayu

	Tunku Abdul Rahman mengisytiharkan tarikh kemerdekaan di Bandar Hilir, Melaka
	Membentuk Suruhanjaya Reid untuk menggubal perlembagaan kemerdekaan
	Mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957
	Pelaksanaan sistem ekonomi bebas
	Pembentukan kerajaan demokrasi berparlimen
	Konsep Raja Berperlembagaan dibentuk
	Memberikan hak mutlak kepada penduduk tempatan untuk mentadbir negara yang berdaulat
	Mentadbir mengikut acuan sendiri
	Kedudukan istimewa orang Melayu dipelihara
	Pembentukan negara persekutuan
	Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua negara

5. Ciri-ciri kepimpinan yang boleh dicontohi daripada pemimpin Rombongan Kemerdekaan

	Kebijaksanaan
	Kewibawaan
	Bertolak ansur
	Kesabaran
	Kepimpinan
	Mengutamakan rundingan
	Mementingkan hak raja dan rakyat
	Berilmu pengetahuan
	Memelihara kedaulatan negara



1. Anggota / ahli Suruhanjaya Reid.

	Lord Reid sebagai Pengerusi
	Sir Ivor Jennings (England)
	Sir William McKell (Australia)
	Tuan B. Malik (India)
	Tuan Abdul Hamid (Pakistan)

2. Sebab-sebab anggota/ahli tersebut dipilih bagi menyediakan perlembagaan Kemerdekaan Tanah Melayu 1957

	Tokoh peguam yang terkemuka
	Berpengalaman dalam bidang guaman
	Datang dari Negara Komanwel
	Tidak bersifat bias
	Mengelakkan rasa tidak puas hati rakyat Tanah Melayu

3. Peranan/Tugas Suruhanjaya Reid dalam usaha memberikan kemerdekaan kepada Persekutuan Tanah Melayu (PTM)

	Membincangkan perlembagaan PTM yang merdeka
	Menyusun perlembagaan PTM yang merdeka
	Merangka perlembagaan bagi PTM yang akan merdeka
	Mengkaji isu-isu sebagai panduan untuk merangka perlembagaan
	Menerima memorandum daripada pelbagai pihak
	Menerbitkan cadangan perlembagaan
	Menghantar cadangan perlembagaan kepada Parlimen British
	Menghantar cadangan perlembagaan kepada Majlis Mesyuarat Perundangan Persekutuan untuk disahkan

4. Isu yang menjadi panduan Suruhanjaya Reid dalam merangka Perlembagaan PTM

	Pembentukan sebuah kerajaan persekutuan yang kuat dan berkesan
	Pemberian kuasa autonomi kepada kerajaan negeri dalam bidang tertentu
	Kedudukan Raja-Raja Melayu
	Hak istimewa orang Melayu
	Pewujudan satu bangsa Persekutuan Tanah Melayu
	Kerakyatan <i>jus soli</i>

	Agama Islam sebagai agama rasmi PTM
	Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan

5. Sebab-sebab isu panduan Suruhanjaya Reid perlu ditangani dengan berkesan

	Mewujudkan kerajaan Persekutuan yang berkesan
	Memuaskan hati semua pihak
	Mengelakkan peperangan
	Mengurangkan pengaruh komunis

6. Manfaat/ Kepentingan Suruhanjaya Reid demi kesejahteraan Malaysia

	Pembentukan sebuah kerajaan persekutuan yang kuat dan berkesan
	Pentadbiran negara bersifat demokrasi berparlimen, iaitu Dewan Rakyat dan Dewan Negara terletak di bawah kuasa parlimen.
	Pemisahan antara kuasa persekutuan dengan kuasa negeri melalui Senarai Persekutuan dan Senarai Negeri.
	Kedudukan Raja-Raja Melayu terpelihara
	Institusi Raja dijadikan Raja Berperlembagaan pada peringkat negeri dan negara.
	Yang di-Pertuan Agong menjadi ketua negara.
	Hak istimewa orang Melayu dikekalkan.
	Pewujudan satu bangsa Persekutuan Tanah Melayu
	Tiga jenis kerakyatan diwujudkan iaitu secara Kuat Kuasa Undang-undang, Permohonan dan Naturalisasi. Prinsip <i>jus soli</i> diterima.
	Agama Islam sebagai agama rasmi negara
	Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan
	Tanah Simpanan Melayu dikekalkan.

7. Kesan daripada sikap tolak ansur yang diamalkan oleh jawatankuasa Suruhanjaya Reid

	Pembentukan sebuah kerajaan persekutuan yang kuat dan berkesan
	Pemberian kuasa autonomi kepada kerajaan negeri dalam bidang tertentu
	Kedudukan Raja-Raja Melayu
	Hak istimewa orang Melayu
	Pewujudan satu bangsa Persekutuan Tanah Melayu
	Kerakyatan <i>jus soli</i>
	Agama Islam sebagai agama rasmi PTM
	Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan

PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1957

1. Bukti Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 memberikan hak mutlak mentadbir negara kepada penduduk tempatan.

	Pelaksanaan Kerajaan Persekutuan
	Pemisahan kuasa Persekutuan dan negeri/ Senarai Persekutuan dan Senarai Negeri
	Institusi Raja Berperlembagaan
	YDPA dipilih dalam kalangan sultan negeri-negeri Melayu
	Kedudukan istimewa orang Melayu dan bukan Melayu dipelihara
	Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan
	Tanah Simpanan Melayu

2. Sebab-sebab peristiwa kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 penting dalam sejarah pembinaan negara dan bangsa Malaysia

	Negara merdeka dibentuk melalui perundingan
	Tanpa pertumpahan darah
	Mewujudkan perpaduan kaum
	Pemerintahan secara demokrasi berparlimen
	Rakyat memilih pemimpin melalui pilihan raya
	Pemerintahan mengikut acuan sendiri
	Semua kaum mempunyai hak masing-masing
	Bebas mengamalkan agama/ kepercayaan/ kebudayaan masing-masing

3. Sebab-sebab jus soli menjadi isu hangat dalam merangka Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957

	Kerakyatan yang dituntut oleh orang dagang tidak dapat diterima oleh orang Melayu
	Memberi hak sama rata kepada semua kaum
	Melemahkan kedudukan orang Melayu
	Raja Melayu menerima jus soli selepas diadakan rundingan
	Syaratnya orang bukan Melayu mengiktiraf kedudukan istimewa orang Melayu
	Penduduk Melayu tidak lagi menjadi majoriti

4. Isi kandungan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957.

	Pembentukan sebuah Kerajaan Persekutuan
	Pemisahan kuasa persekutuan dan negeri
	Senarai Persekutuan, Senarai Negeri dan Senarai Bersama
	Institusi Raja Berpelembagaan
	Tiga jenis kerakyatan diwujudkan
	Secara kuat kuasa undang – undang, permohonan dan naturalisasi
	Kedudukan istimewa orang Melayu dikekalkan
	Bahasa Melayu sebagai Bahasa kebangsaan
	Tanah Simpanan Melayu dikekalkan
	Agama Islam sebagai agama rasmi persekutuan
	Yang di-Pertuan Agong menjadi ketua negara
	Pentadbiran negara bersifat demokrasi berparlimen
	Dewan Rakyat dan Dewan Negara terletak di bawah kuasa parlimen
	Menteri Besar menjadi pelaksana pentadbiran di peringkat negeri
	Menteri Besar dibantu oleh Dewan Undangan Negeri dan EXCO

5. Kepentingan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957

	Pembentukan kerajaan bercorak demokrasi
	Pengamalan konsep Raja Berperlembagaan
	Sokongan pemimpin Melayu dan bukan Melayu
	Mengukuhkan perpaduan kaum
	Mencapai taraf bangsa yang merdeka
	Kuasa kerajaan negeri dipertahankan
	Penerusan warisan kerajaan Melayu
	Hak mutlak kepada penduduk tempatan untuk mentadbir negara
	Setiap kaum berusaha membentuk identiti masyarakat yang merdeka

6. Sebab-sebab kandungan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 perlu dipertahankan

	Mengelak pertumpahan darah
	Menghargai kemakmuran negara
	Menjamin taat kepada Raja/ pemerintah
	Mengukuhkan perpaduan kaum
	Mencapai taraf bangsa yang merdeka
	Kuasa kerajaan negeri dipertahankan
	Penerusan warisan kerajaan Melayu
	Hak mutlak kepada penduduk tempatan untuk mentadbir negara
	Setiap kaum berusaha membentuk identiti masyarakat yang merdeka
	Mengukuhkan keamanan negara
	Mengelak penjajahan asing
	Menghormati hak orang lain

7. Kesan pengamalan Kerakyatan Jus Soli di negara kita.

	negara akan berada dalam keadaan kacau bilau
	perpecahan kaum berlaku,
	keruntuhan ekonomi negara
	lumpuhnya sistem sosial negara
	Ketidakseimbangan kaum
	Status quo orang Melayu terjejas

8. Tokoh- tokoh yang berusaha memperjuangkan kemerdekaan negara pada tahun 1957

	Tunku Abdul Rahman
	Tun Abdul Razak
	Tun H.S. Lee
	Tun Tan Cheng Lock
	Tun V.T. Sambanthan

9. Kebaikan penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1957 kepada negara.

	Perkongsian kekayaan
	Negara lebih luas
	Penduduk ramai
	Kekuatan ketenteraan
	Pasaran luas
	Negeri kaya membantu miskin
	Kerjasama persekutuan dan negeri
	Wujud pemuafakatan

10. Cara mengekalkan semangat kerjasama dalam kalangan warga Malaysia.

	Memperkukuh semangat kejiranan
	Menghalang sebarang bentuk hasutan
	Menghindari pengaruh budaya luar
	Mengekalkan semangat rundingan/ pemuafakatan
	Memperkukuh semangat patriotik / nasionalisme
	Memahami sejarah perkembangan dan pembinaan bangsa dan negara

11. Sebab-sebab kaedah perundingan digunakan oleh pemimpin negara dalam mencapai kemerdekaan

	Mengelak pertumpahan darah
	Kemerdekaan lebih terancang
	Memelihara perpaduan kaum
	Mendapat kerjasama British selepas merdeka
	Mendapat sokongan rakyat
	Tiada kerosakan harta benda
	Menjamin ketenteraman awam
	Lebih dihormati dunia

12. Sebab-sebab sikap tolak ansur penting dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum di Malaysia

	Mewujudkan kestabilan politik
	Menjamin pemerintahan yang adil
	Mempertahankan kemerdekaan
	Wujud keadilan
	Sentiasa hormat menghormati
	Tidak berlaku perbalahan/ perselisihan / pergaduhan
	Mengelakkan perasaan perkauman
	Agihan kekayaan yang saksama
	Memberi keyakinan kepada pelabur luar

13. Kelebihan pembentukan Negara Persekutuan.

	Menghargai kelebihan / keistimewaan setiap negeri
	Melahirkan sikap saling menghormati
	Raja sebagai ketua negara
	Perkongsian ekonomi sama rata
	Perpaduan antara rakyat utuh / kukuh
	Membentuk keseimbangan kaum
	Saling membantu dalam meningkatkan ekonomi
	Pertahanan menjadi lebih kukuh
	Tiada pemusatan kuasa
	Mewujudkan kestabilan politik

14. Sumbangan tokoh-tokoh kemerdekaan

	Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj
	Presiden UMNO dan Parti Perikatan
	Perdana Menteri yang pertama

	Mengendalikan pakatan murni antara kaum
	Mencapai kemerdekaan secara harmoni
	Digelar Bapa Kemerdekaan
	Tun Abdul Razak
	Timbalan Presiden UMNO
	Timbalan Perdana Menteri
	Menjadi perunding dalam tuntutan kemerdekaan di London pada 1956
	Menjadi perunding dalam menyiapkan Perlembagaan Kemerdekaan 1957
	Perdana Menteri Malaysia kedua (1970)
	Tun H.S. Lee
	Tokoh MCA yang memulakan kerjasama kaum
	Mencetuskan idea Parti Perikatan
	Bekerjasama mendapatkan kemerdekaan negara
	Menteri Kewangan yang pertama
	Mendapat pendidikan di China
	Berpangkat kolonel dalam tentera Kuomintang China
	Tan Cheng Lock
	Menyokong pakatan murni antara kaum
	Menyokong Tunku Abdul Rahman dalam mendapatkan kemerdekaan negara
	Presiden MCA yang pertama
	Menjadi Presiden Dewan Perniagaan Cina Malay
	Tun V.T. Sambathan
	Presiden MIC
	Bersama-sama Tunku Abdul Rahman mendapatkan kemerdekaan
	Menyokong dasar kerjasama kaum sebagai tonggak kemerdekaan negara
	Menyeru kaum India setia kepada Tanah Melayu

15. Cara menghargai sumbangan tokoh-tokoh kemerdekaan

	Mengadakan pameran tokoh nasionalisme
	Membina memorial kepada mereka
	Pertandingan mengarang esei berunsur nasionalisme
	Membuat filem tentang tokoh-tokoh kemerdekaan
	Mengadakan sambutan Bulan Patriotik
	Mengadakan tayangan filem berunsur patriotik
	Pertandingan lagu patriotik
	Menamakan bangunan / jalan raya menggunakan nama tokoh kemerdekaan

16. Iktibar daripada sikap pemimpin negara dalam usaha mencapai kemerdekaan tahun 1957.

	Bijaksana dalam menuntut kemerdekaan
	Sentiasa mengutamakan perundingan
	Bertolak ansur
	Berani berjuang
	Bersemangat kental
	Berbangga sebagai rakyat Malaysia
	Kata sepakat sebagai pendekatan terbaik

17. Cara mengisi kemerdekaan negara

	Menguasai ilmu pengetahuan
	Menjadi warga yang bertanggungjawab
	Mengekalkan kedaulatan negara
	Menjaga nama baik negara
	Menolak amalan rasuah
	Menyanjung warisan bangsa
	Sedia berubah ke arah kemajuan
	Sedia berkorban untuk Negara

18. Sebab-sebab kemerdekaan perlu dihargai

	Kemerdekaan diperolehi melalui jerit perih perjuangan
	Ada nyawa yang telah terkorban dalam menentang penjajah
	Banyak harta dan wang ringgit yang telah dikorbankan
	Kemerdekaan memberi peluang rakyat menentukan hala tuju kita sendiri

	Kemerdekaan memberi peluang rakyat menikmati kekayaan negara
	Mewujudkan keamanan dan kestabilan Negara
	Menegakkan maruah bangsa dan kedaulatan Negara
	Mewujudkan kestabilan politik, ekonomi dan social
	Negara kita bebas daripada belenggu penjajahan

19. Sebab-sebab sambutan hari kemerdekaan perlu diadakan

	Bersyukur Negara telah berdaulat dan bermaruah
	Menyemarakkan semangat cinta akan Negara dalam kalangan rakyat
	Menghargai perjuangan tokoh-tokoh kemerdekaan Negara
	Menunjukkan kebanggaan sebagai negara yang merdeka
	Memantapkan perpaduan rakyat
	Supaya rakyat menghayati sejarah perjuangan untuk mendapatkan kemerdekaan
	Kesedaran kepada rakyat untuk mempertahankan kedaulatan negara
	Mengukuhkan taat setia rakyat kepada raja dan pemimpin negara

20. Aktiviti sambutan hari kemerdekaan negara

	Mengadakan majlis keagamaan sebagai tanda kesyukuran
	Mengunjungi pameran berkaitan kemerdekaan Negara
	Terlibat dalam perarakan hari kemerdekaan
	Mengibarkan Jalur Gemilang dengan rasa bangga
	Menonton tayangan filem / teater berkaitan sejarah kemerdekaan negara
	Pertandingan penulisan esei / kuiz / pengkisahan sejarah
	Pelancaran Bulan Kemerdekaan / ambang merdeka

21. Buktikan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan tanpa pertumpahan darah

	Dicapai melalui kebijaksanaan pemimpin
	Sikap kerjasama pemimpin dan rakyat berbilang kaum
	Toleransi antara kaum
	Mengutamakan perundingan / musyawarah
	Melalui Pakatan Murni / tolak ansur politik
	Melalui pilihan raya
	Mengutamakan perpaduan antara kaum

22. Langkah mempertahankan kedaulatan negara kita

	Mematuhi peraturan/ undang-undang negara
	Mentaati pemerintah / pemimpin
	Tidak belot / musuh dalam selimut
	Memastikan keamanan dan ketenteraman terjamin
	Yakini kerajaan dan tidak memihak kepada kuasa luar
	Semangat patriotik yang tinggi

23. Bukti kebijaksanaan pemimpin dalam usaha mencapai kemerdekaan negara.

	Mengadakan rombongan kemerdekaan
	Mencapai kemerdekaan tanpa pertumpahan darah
	Mengamalkan sikap berkerjasama
	Mengamalkan kesepakatan dalam menuntut kemerdekaan
	Mengendalikan Pakatan Murni antara kaum
	Menekankan keharmonian
	Menggubal sistem pendidikan kebangsaan

LATIHAN STRUKTUR

1. Pakatan Murni telah terbentuk sejak sebelum pembentukan Parti Perikatan.

a) Jelaskan maksud pakatan murni.

.....
.....

[2 markah]

b) Terangkan usaha yang telah dibuat untuk menjayakan pakatan murni sebelum merdeka

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

c) Buktikan Semangat kerjasama dalam kalangan pemimpin pelbagai kaum telah mewujudkan keamanan di negara kita.

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

2. Suruhanjaya Reid telah dibentuk oleh British pada bulan Mac 1956.

a) Namakan tokoh-tokoh yang menganggotai Suruhanjaya Reid

.....
.....

[2 markah]

b) Apakah tugas suruhanjaya tersebut?

.....
.....
.....
.....

[3 markah]

c) Kerakyatan secara jus soli yang dituntut oleh orang dagang telah diterima oleh Raja-raja Melayu dengan syarat-syarat tertentu.
Berikan syarat-syarat tersebut

.....

.....
.....
[2 markah]

- d) Pada pandangan anda, mengapakah Suruhanjaya Reid memberikan sumbangan penting terhadap kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1957?

.....
.....
.....
.....
[3 markah]

LATIHAN ESEI:

3. Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu ditandatangani pada 15 Ogos 1957.

- a) Nyatakan isi-isi Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957

[4 markah]

- b) Terangkan kepentingan perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 dalam mengukuhkan pembinaan negara bangsa yang merdeka.

[8 markah]

- c) Mengapakah kandungan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 perlu dihayati oleh generasi muda pada hari ini?

[8 markah]

BAB 6 : PENGUKUHAN NEGARA DAN BANGSA MALAYSIA



CADANGAN KE ARAH PEMBENTUKAN MALAYSIA

1. Tokoh yang mencadangkan idea awal ke arah pembentukan Persekutuan Malaysia.

	Lord Brassey
	Sir Malcom MacDonald
	Dato' Onn Jaafar
	Tunku Abdul Rahman

2. Cadangan-cadangan ke arah pembentukan Malaysia.

	Lord Brassey
	Mencadangkan agar kerajaan British menggabungkan Sarawak dan Sabah (Borneo Utara) dengan Negeri-negeri Melayu dan Negeri-negeri Selat
	Sir Malcolm Macdonald
	Mencadangkan Sarawak, Sabah, Singapura, Brunei dan Persekutuan Tanah Melayu digabungkan
	Dato' Onn Jaafar
	Mencadangkan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka dinamai Malaysia
	Dengan menggabungkan Sarawak, Sabah, Brunei dan Singapura dengan Persekutuan Tanah Melayu
	Lim Yew Hock dan David Marshall
	Menggabungkan Singapura dengan Persekutuan Tanah Melayu.
	Lee Kuan Yew
	Menggabungkan Singapura dengan Persekutuan Tanah Melayu sahaja.
	Tunku Abdul Rahman
	Menyetujui gagasan Malaysia
	Mencadangkan pembentukannya dalam majlis makan tengah hari anjuran Persatuan Wartawan Luar Negeri di Hotel Adelphi, Singapura.

3. Sebab British menyokong idea penubuhan gagasan Malaysia yang dikemukakan oleh Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj.

	Melemahkan ancaman komunis di Asia Tenggara
	Menyelamatkan Singapura daripada ancaman komunis
	Menjadikan Malaysia benteng daripada ancaman komunis
	Melemahkan pengaruh parti berhaluan kiri di Singapura
	Merupakan proses dekolonialisasi British
	Menyambut usaha PBB menyarankan agar kemerdekaan diberi kepada tanah jajahan
	Meneruskan matlamat Piagam Atlantik 1945
	Memberi kemerdekaan awal kepada tanah jajahan (Sabah/ Sarawak/ Brunei/ Singapura)
	Menjamin kestabilan politik di Asia Tenggara
	Memastikan kepentingan British di Asia Tenggara terjamin
	Memastikan pelaburan British terjamin
	Menjaga pangkalan mereka di Singapura
	Memastikan nama / imej mereka terpelihara
	Mendapatkan bekalan bahan mentah yang berterusan

4. Bukti tindakan bijak Tunku Abdul Rahman membentuk Malaysia memberi kebaikan kepada rakyat sehingga hari ini.

	Keluasan negara bertambah
	Bilangan penduduk bertambah
	Memperkuat pertahanan negara
	Komunis dapat dibanteras
	Penjajahan asing dapat ditamatkan
	Kawasan perairan strategik dapat dikawal
	Memantapkan ekonomi negara

	Merapatkan hubungan antara kaum
	Memperkaya budaya Malaysia
	Menambah pasaran dalam negara

REAKSI TERHADAP PEMBENTUKAN MALAYSIA

1. Pertubuhan yang menyokong gagasan Malaysia di Sarawak dan Sabah.

	Sarawak
	BERJASA (Barisan Rakyat Jati Sarawak)
	SNAP (Sarawak National Party)
	PESAKA (Pesaka Anak Sarawak)
	PANAS (Parti Negara Sarawak)
	SCA (Sarawak Chinese Association)
	Kesemua parti ini telah bergabung dan membentuk Parti Perikatan Sarawak
	Sabah
	Pasok Momogun
	USNO (United Sabah National Organization)
	UNKO (United Kadazan Organization)
	Parti Bersatu
	Parti Demokratik
	Kesemua parti ini telah bergabung dan membentuk Parti Perikatan Sabah

2. Reaksi dalam negeri terhadap gagasan Malaysia.

	Tanah Melayu
	Wujud perbezaan pendapat tentang pelaksanaannya
	Parti Islam Se-Tanah Melayu (PAS) dan Barisan Sosialis meminta idea dirundingkan dengan penduduk Tanah Melayu
	UMNO bersetuju penggabungan dengan Sarawak, Sabah dan Brunei tanpa Singapura
	Singapura
	Lee Kuan Yew dan parti PAP menyokong gagasan ini
	Bimbang dengan pengaruh parti berhaluan kiri yang kuat
	Ingin mempertahankan kedudukannya
	Majlis Undangan Negeri Singapura meluluskan usul penggabungan ini pada bulan Disember 1961
	Barisan Sosialis menentang idea ini
	Menganggap pembentukan Malaysia sebagai penjajahan bentuk baharu
	Menuntut agar pandangan rakyat diperoleh terlebih dahulu
	Tuntutan ini disokong oleh Parti Buruh pimpinan David Marshall dan Parti Bersatu pimpinan Ong Eng Guan
	Referendum telah diadakan pada 1 September 1962
	Keputusan referendum ialah rakyat Singapura memilih penggabungan Singapura dengan Persekutuan Tanah Melayu
	Sarawak dan Sabah
	Kedua-dua negeri menolak cadangan ini
	Telah lama berada bawah pemerintahan British
	Majoriti ingin kekal bawah pemerintahan British kerana belum yakin untuk berkerajaan sendiri
	Brunei
	Sultan Brunei (Sultan Omar Ali Saifuddin) menyokong gagasan Malaysia pada peringkat awal
	Membentuk suruhanjaya bagi meninjau pendapat rakyat Brunei
	Wujud tentangan daripada Parti Rakyat Brunei pimpinan A.M Azahari
	Matlamat parti ini untuk menubuhkan Persekutuan Borneo iaitu Kerajaan Kalimantan Utara
	Menggabungkan Sarawak, Sabah dan Brunei
	Menganggap Malaysia sebagai neokolonialisme
	A.M Azahari melancarkan pemberontakan di bawah pasukan Tentera Nasional Kalimantan Utara (TNKU)
	A.M Azahari mendapat bantuan dan sokongan daripada Indonesia dan Filipina
	Pemberontakan dapat dipatahkan dan Sultan Brunei menangguhkan keputusan tentang gagasan Malaysia

3. Reaksi negara luar terhadap gagasan Malaysia.

	Indonesia
	Awalnya Indonesia tidak menunjukkan sebarang reaksi terhadap pembentukan Malaysia
	Akhir tahun 1962, Indonesia menganggap gagasan Malaysia sebagai neokolonialisme yang mengancam Indonesia
	Parti Komunis Indonesia (PKI) mempengaruhi Presiden Soekarno
	Mengisytiharkan Dasar Konfrontasi
	Konsep Ganyang Malaysia / dasar memusnahkan pembentukan Malaysia
	Menghantar pengintip untuk menggagalkan pembentukan Malaysia
	Menyerang kapal-kapal nelayan Tanah Melayu
	Menceroboh ruang udara di Johor, Sarawak, dan Sabah
	Menyerang Malaysia melalui Johor, Sarawak, dan Sabah
	Memburukkan nama Malaysia di negara Afro-Asia dan negara Dunia Ketiga
	Filipina
	Presiden Macapagal menuntut hak terhadap Sabah
	Mendakwa Sabah sebahagian daripada milik Kesultanan Sulu
	Tuntutan berdasarkan perjanjian antara Sultan Jamalul Alam dengan Baron Von Overbeck pada 22 Januari 1878
	Overbeck kemudian menjual haknya kepada Alfred Dent melalui syarikat perdagangan yang memperoleh Piagam Diraja daripada British
	Syarikat British Utara Borneo (SBUB) yang memerintah Sabah sehingga kedatangan Jepun tahun 1946
	SBUB menyerahkan pemerintahan Sabah kepada British
	Waris Sultan Sulu terakhir, Sultan Esmail Kiram mengisytiharkan pajakan Sabah tamat pada 22 Januari 1958
	Pada bulan Jun 1966, Filipina mengiktiraf penubuhan Malaysia

4. Tuntutan Sarawak dan Sabah yang terkandung dalam Perkara 20.

	Ketua negeri
	Bahasa kebangsaan
	Agama Islam
	Kedudukan istimewa penduduk asal negeri
	Hal ehwal imigresen
	Kerakyatan
	Peruntukan kewangan
	Pelajaran

5. Tindakan Indonesia untuk menggagalkan gagasan Malaysia.

	Tentangan muncul pada akhir 1962
	Menuduh gagasan Malaysia sebagai satu neokolonialisme
	Parti Komunis Indonesia mempengaruhi Soekarno mengisytiharkan Dasar Konfrontasi
	Dari segi ekonomi dan kemasyarakatan
	Dengan konsep Ganyang Malaysia
	Dasar bertujuan memusnahkan pembentukan Malaysia
	Menghantar pengintip untuk memusnahkan gagasan Malaysia secara sulit
	Melakukan serangan terhadap kapal-kapal nelayan Tanah Melayu
	Menceroboh ruang udara Malaysia
	Melancarkan serangan terhadap Malaysia melalui Johor, Sarawak dan Sabah
	Memburuk-burukkan nama Malaysia di Negara Afro Asia dan negara Dunia Ketiga
	Ancaman ekonomi tidak berlaku kerana akan menjejaskan Indonesia sendiri

6. Langkah / tindak balas Malaysia menghadapi dasar Konfrontasi Indonesia.

	Tunku Abdul Rahman menghantar bantahan rasmi kepada Setiausaha Agung PBB
	Mendapatkan bantuan tentera negara Komanwel (Britain, Australia, New Zealand dan Kanada)
	Tun Abdul Razak mengadakan lawatan ke beberapa negara Afrika bagi menjelaskan hubungan antara diplomatik antara Malaysia-Indonesia
	Membentuk suruhanjaya bebas bagi meninjau pandangan rakyat Sarawak dan Sabah berkaitan pembentukan Malaysia / Suruhanjaya Cobbold
	Mengadakan rundingan dengan Indonesia dan Filipina di Manila

	Menubuhkan MAPHLINDO
	Meninjau sekali lagi pendapat Sarawak dan Sabah berkaitan pembentukan Malaysia melalui Suruhanjaya PBB
	Menyusun semula pasukan pertahanan tempatan / askar Wataniah

7. Sumbangan anda sekiranya negara menghadapi ancaman konfrontasi.

	Bersatu padu mempertahankan kedaulatan negara
	Memupuk semangat perjuangan dalam kalangan rakyat
	Memberikan bantuan dari segi kewangan
	Menganggotai pasukan sukarela
	Sanggup berkorban demi negara
	Mengawal keselamatan di persekitaran kediaman
	Memberikan maklumat pergerakan musuh

8. Tindakan pemimpin untuk menarik sokongan pihak yang menentang pembentukan Malaysia.

	Mengadakan kempen
	Mengadakan lawatan kerja / lawatan muhibbah
	Berjumpa dan memberi penerangan kepada setiap pemimpin pihak yang terlibat
	Mengadakan rundingan / musyawarah
	Berdiplomasi
	Mengedarkan risalah / bahan cetakan
	Menyebarkan info yang tepat melalui media cetak dan media elektronik
	Meminta bantuan PBB, KOMANWEL dan ASEAN
	Meninjau pandangan rakyat

9. Sebab Hari Malaysia perlu disambut pada setiap tahun.

	Mengingati peristiwa / sejarah pembentukan Malaysia
	Memperingati jasa tokoh-tokoh yang terlibat dalam pembentukan Malaysia
	Menyemai semangat cinta akan negara dalam kalangan rakyat
	Bersyukur dengan kejayaan cemerlang yang dicapai oleh Malaysia sehingga hari ini
	Melahirkan masyarakat yang bersatu-padu dalam meraikan Hari Malaysia
	Meningkatkan keharmonian dalam masyarakat Malaysia

LANGKAH-LANGKAH PEMBENTUKAN MALAYSIA



1. Langkah-langkah ke arah pembentukan Malaysia.

	Lawatan Tunku Abdul Rahman ke Sarawak, Sabah dan Brunei
	Tujuannya bagi menerangkan konsep, tujuan dan matlamat Malaysia
	Rundingan antara pegawai-pegawai kanan Persekutuan Tanah Melayu
	Dengan pegawai British dari Sarawak, Sabah dan Singapura.
	Pembentukan Jawatankuasa Perunding Perpaduan Kaum (JPPK)
	Ditubuhkan di Singapura
	Dipengerusikan oleh Donald Stephens
	Ahli JPPK ialah Tunku Abdul Rahman/ Ong Yoke Lin/ Khir Johari/ Lee Kuan Yew (Singapura)/Tun Datu Mustapha Datu Harun (Sabah).
	Berperanan menerangkan kepada orang ramai tentang gagasan Malaysia.
	Suruhanjaya Cobbold
	Disertai oleh tiga orang pegawai British
	Lord Cobbold/ Sir Anthony Abell /Sir David Watherston
	Pemimpin tempatan ialah Dato' Wong Pow Nee/Tan Sri Ghazali Shafie
	Meninjau pendapat rakyat Sarawak dan Sabah tentang gagasan Malaysia
	Membuat penilaian dan mengemukakan cadangan kepada pihak British
	Menerima memorandum yang dikemukakan oleh pelbagai pertubuhan
	Mengemukakan laporan kepada kerajaan British pada Jun 1962
	Laporan Suruhanjaya Cobbold
	Satu pertiga penduduk Sarawak dan Sabah menyokong tanpa syarat
	Satu pertiga sokong dengan syarat, iaitu kepentingan mereka harus dilindungi

	Satu pertiga lagi ingin kemerdekaan sebelum menyertai Malaysia
	Jawatankuasa Antara Kerajaan (JAK)
	Memperincikan laporan Suruhanjaya Cobbold
	Dianggotai wakil Persekutuan Tanah Melayu/Sabah/Sarawak /Britain
	Dipengerusikan oleh Lord Landsdowne(Menteri Negara bagi Tanah Jajahan)
	Dibantu oleh Tun Abdul Razak
	Mengunjungi Sabah dan Sarawak untuk menerangkan tentang gagasan Malaysia
	Bermesyuarat sebanyak 24 kali
	Bertujuan mewajarkan kemasukan Sabah/ Sarawak ke dalam Malaysia
	Membincangkan hak dan kepentingan penduduk Sabah dan Sarawak
	Perwakilan Malaysia ke PBB (UNMM)
	Dibentuk oleh Setuasaha Agung PBB, U Thant
	Menghantar wakil untuk meninjau pendapat rakyat Sabah dan Sarawak
	Diketuai oleh Lawrence Michaelmore
	Hasilnya majoriti penduduk bersetuju dengan gagasan Malaysia

2. Ahli Suruhanjaya Cobbold.

	Suruhanjaya Cobbold disertai oleh tiga orang pegawai British Lord Cobbold (Pengerusi)
	Sir Anthony Abell
	Sir David Watherston.
	Rakyat tempatan yang menyertai suruhanjaya ini ialah Datuk Wong Pownee
	Tan Sri Razali Shafie.

3. Peranan Suruhanjaya Cobbold.

	Suruhanjaya ini ditubuhkan untuk meninjau pendapat rakyat Sarawak dan Sabah tentang gagasan Malaysia.
	Mereka juga perlu membuat penilaian dan mengemukakan cadangan kepada pihak British.
	Suruhanjaya ini juga menerima memorandum yang dikemukakan oleh pelbagai pertubuhan.
	Suruhanjaya ini mengemukakan laporan kepada kerajaan British pada Jun 1962.
	Suruhanjaya ini ditubuhkan untuk meninjau pendapat rakyat Sarawak dan Sabah tentang gagasan Malaysia.
	Mereka juga perlu membuat penilaian dan mengemukakan cadangan kepada pihak British.

4. Cadangan suruhanjaya Cobbold yang dimasukkan dalam perjanjian Malaysia.

	Perlembagaan Malaysia yang baru harus berasaskan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957.
	Sarawak dan Sabah diberikan kuasa menentukan dasar imigresennya.
	Bahasa Melayu sebagai Bahasa kebangsaan.
	Jaminan terhadap hak dan kedudukan bumiputera Sarawak dan Sabah.
	Pemberian nama Malaysia kepada negara baru yang dibentuk.
	Penentuan tarikh penubuhan Malaysia.

5. Hasil tinjauan Suruhanjaya Cobbold 1962.

	Satu per tiga menyokong Gagasan Malaysia tanpa syarat.
	Satu per tiga menyokong Gagasan Malaysia dengan syarat kepentingan mereka dilindungi
	Satu per tiga inginkan kemerdekaan sebelum menyertai Malaysia.

6. Kepentingan kewujudan suruhanjaya Cobbold dalam pembentukan Malaysia.

	Memberi keadilan kepada semua kaum dengan memastikan tuntutan pelbagai kaum dimasukkan dalam perjanjian
	Menerima pelbagai memorandum untuk memastikan pembentukan Malaysia bukan sesuatu yang menimbulkan sebarang masalah
	Memelihara keamanan negara melalui kesepakatan yang dicapai melalui peranan suruhanjaya Cobbold
	Menjamin persetujuan bumiputera Sabah dan Sarawak untuk menyertai Malaysia
	Menjamin pembentukan Malaysia menjadi satu reality
	Memelihara keharmonian politik kepada negara-negara yang menyertai Malaysia kerana berjaya

	membuat tinjauan masyarakat
--	-----------------------------

7. Bukti penubuhan Suruhanjaya Cobbold berjaya merealisasikan pembentukan Malaysia.

	Wujud kerjasama di antara pemimpin tempatan, British dan wilayah yang terlibat.
	Berjaya memberi penerangan yang memuaskan hati dan keyakinan pemimpin dan rakyat wilayah terlibat
	Buktinya tiada penentangan daripada rakyat Sarawak dan Sabah. Mereka setuju menyertai Malaysia walaupun berbeza dari segi cara penyertaan.
	Suruhanjaya ini juga berjaya membuat penilaian yang baik segala pandangan dan cadangan pelbagai pihak.
	Laporan yang dikemukakan kepada pihak British juga dapat diterima dengan baik
	Mencadangkan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 sebagai asas Perlembagaan Malaysia.
	Berjaya menambah baik Perlembagaan Malaysia dengan memasukkan tuntutan Sarawak dan Sabah.
	Contoh hak imigresen dan hak dan kedudukan istimewa peribumi Sarawak dan Sabah.
	Berjaya meyakinkan negara luar tentang matlamat pembentukan Malaysia
	Mendapat sokongan PBB

8. Iktibar daripada usaha yang dilakukan oleh Suruhanjaya Cobbold dalam pembentukan Malaysia.

	Sanggup berkongsi kuasa demi merealisasikan pembentukan Malaysia
	Tidak mementingkan diri sendiri
	Mentaati pemimpin, menyokong pendapat yang baik untuk kepentingan bersama
	Membuktikan kebijaksanaan pemimpin dalam merancang sesuatu
	Diplomasi merupakan cara terbaik menyelesaikan masalah
	Sanggup berkongsi kekayaan demi kemajuan negara
	Pemimpin mestilah berpandangan jauh
	Rakyat perlulah bersatu padu demi keamanan negara
	Berpegang kepada peribahasa "Bersatu Teguh Bercerai Roboh"

9. Kronologi peristiwa yang membawa kepada Perjanjian Malaysia 1963

	Perjanjian Malaysia ditandatangani di London 9 Julai 1963
	Diluluskan oleh Parlimen Britain
	Ratu Elizabeth memperkenalkan Akta Malaysia
	Diluluskan oleh Parlimen Tanah Melayu
	Diperkenalkan oleh Yang di-Pertuan Agong
	Negara Malaysia secara rasmi ditubuhkan pada 16 September 1963

10. Intipati Perjanjian Malaysia 1963.

	Hal ehwal luar tanggungjawab kerajaan Persekutuan
	Agama Islam agama Persekutuan kecuali Sabah dan Sarawak
	Agama lain bebas diamalkan
	Bahasa Melayu bahasa kebangsaan
	Bahasa Inggeris dan bahasa lain boleh diamalkan
	Sabah dan Sarawak, bahasa rasmi Bahasa Inggeris sehingga 10 tahun selepas Hari Malaysia
	Sarawak dan Sabah diberi kuasa imigresen dan perkhidmatan awam
	Sarawak memperoleh 24 kerusi bagi perwakilan Parlimen
	Sabah memperoleh 16 kerusi bagi perwakilan Parlimen
	Singapura memperoleh 15 kerusi bagi perwakilan Parlimen
	Bumiputera Sarawak dan Sabah menikmati taraf yang sama dengan orang Melayu di Persekutuan Tanah Melayu

11. Bukti proses penggubalan Perjanjian Malaysia 1963 menekankan kepentingan semua kaum.

	Memberi keadilan kepada semua kaum
	Tidak mencetuskan sebarang masalah
	Memelihara keamanan negara
	Menjamin kepentingan ekonomi

	Melindungi hak asasi rakyat
	Memelihara keharmonian politik
	Mewujudkan pakatan murni
	Mengeratkan hubungan persahabatan
	Mengekalkan kerjasama politik
	Memantapkan sistem pentadbiran dan pemerintahan

12. Bukti Perjanjian Malaysia dibentuk dengan mengambil kira kepentingan rakyat dan semua negeri anggota.

	Penubuhan Jawatankuasa Perunding Perpaduan Kaum (JPPK)
	Penubuhan Jawatankuasa Antara Kerajaan (JAK)
	Hak dan kepentingan rakyat Sabah dan Sarawak dibincangkan
	Pendapat rakyat Sabah dan Sarawak ditinjau / Suruhanjaya Cobbold
	Bahasa lain masih boleh digunakan
	tuntutan Perkara 20 seperti imigresen/ ketua negeri/ kerakyatan/ kewangan/ pelajaran
	memperuntukkan 24 kerusi perwakilan parlimen bagi Sarawak dan 16 kerusi bagi Sabah
	tinjauan semula oleh Setiausaha Agung PBB, U Thant

13. Faedah yang dinikmati rakyat sehingga kini hasil pembentukan Malaysia.

	Mewujudkan kestabilan politik
	Meningkatkan kemakmuran ekonomi negara
	Meningkatkan taraf hidup rakyat
	Memajukan sistem pendidikan
	Meningkatkan infrastruktur dan kemudahan asas
	Menyeimbangkan pembangunan antara wilayah yang sekata
	Memupuk perpaduan kaum
	Meluaskan pasaran dan kerjasama ekonomi
	Menjamin keselamatan negara
	Memanfaatkan sumber ekonomi secara bersama

14. Usaha/ langkah bagi memastikan integrasi nasional di Sarawak dan Sabah dengan Semenanjung Malaysia terus terjalin erat.

	Menambah bilangan kakitangan kerajaan yang bertugas antara wilayah
	Memperbanyak pakej pelancongan antara wilayah
	Memperkenalkan bahasa ibunda penduduk pribumi di Sarawak dan Sabah kepada penduduk Semenanjung
	Mengadakan kempen kebudayaan di media massa / media sosial
	Melaksanakan program pertukaran pelajar antara Semenanjung dengan Sarawak dan Sabah

15. Iktibar yang dapat diteladani daripada usaha pemimpin negara dalam menjayakan pembentukan Malaysia.

	Sanggup bekerjasama demi mencapai kesejahteraan negara
	Bertolak ansur antara pemimpin untuk memastikan kedaulatan negara
	Mengekalkan kesejahteraan tanpa mengambil hak orang lain
	Menjamin perpaduan antara satu sama lain
	Menyelesaikan sebarang masalah menerusi diplomasi
	Musyawarah/muafakat/berbincang sebelum mengambil sesuatu keputusan
	Kebijaksanaan pemimpin-pemimpin negara patut diteladani
	Sedia berkorban dan berkongsi nikmat kemakmuran
	Menguatkan identiti negara dan bangsa Malaysia

16. Pengajaran yang diperolehi daripada proses pembentukan Malaysia.

	Saling bertoleransi ke arah mencapai matlamat
	Saling menghormati antara kaum demi kedaulatan negara
	Amanah dalam melaksanakan tanggungjawab terhadap negara
	Saling bekerjasama agar kejayaan diperolehi

	Sabar dalam menghadapi cabaran pembentukan malaysia
	Sanggup berkorban demi keamanan sejagat
	Tidak putus asa dalam menghadapi tentangan
	Sentiasa berusaha agar matlamat tercapai
	Utamakan rundingan agar perselisihan faham dapat dielakkan

17. Ciri-ciri kepimpinan yang perlu ada pada seseorang pemimpin.

	Bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas
	Berintegriti agar sentiasa dipercayai
	Amanah dalam memimpin negara
	Cinta akan negara yang diterajui
	Sanggup berkorban demi negara tercinta
	Berwawasan dalam melaksanakan pembaharuan
	Berilmu pengetahuan agar tidak ketinggalan dalam arus kemodenan
	Kreatif dalam mentadbir negara
	Inovatif dalam memajukan negara

18. Cadangan untuk melahirkan generasi masa depan yang boleh menyumbang kepada kegemilangan negara.

	Mewujudkan sistem pendidikan bertaraf dunia
	Menitikberatkan pendidikan agama
	Mengukuhkan institusi kekeluargaan
	Mengharamkan pengaruh budaya kuning
	Mengadakan kempen melalui media massa
	Melarang pemaparan unsur negatif dalam media massa
	Tidak terlibat dalam penyalahgunaan dadah

AKTA MALAYSIA

1. Latarbelakang Akta Malaysia.

	Akta yang memperuntukkan penggabungan negeri-negeri berkenaan
	Yang seterusnya dinamai Malaysia
	Ditandatangani pada 9 Julai 1963
	Diperkenankan oleh Ratu England
	Diluluskan oleh Parlimen Britain
	Akta ini kemudian memberikan cadangan-cadangan penting yang harus dipertimbangkan untuk dimasukkan ke dalam Perlembagaan Malaysia demi kepentingan negeri-negeri anggota
	Antaranya termasuklah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan serta kedudukan agama Islam, Bahasa Melayu dan bumiputera

2. Bukti Perjanjian Malaysia dibentuk dengan mengambil kira kepentingan rakyat dan semua negeri anggota.

	Penubuhan Jawatankuasa Perunding Perpaduan Kaum (JPPK)
	Penubuhan Jawatankuasa Antara Kerajaan (JAK)
	Hak dan kepentingan rakyat Sabah dan Sarawak dibincangkan
	Pendapat rakyat Sabah dan Sarawak ditinjau
	Bahasa lain masih boleh digunakan

3. Bukti kemasukan Sarawak dan Sabah dalam Malaysia memberi banyak faedah kepada rakyatnya.

	Kemajuan ekonomi kawasan pedalaman
	Membuka lebih banyak peluang perniagaan
	Pasaran barangan yang lebih luas
	Kestabilan politik dapat dikekalkan
	Bantuan persekutuan disalurkan
	Peluang untuk terlibat dalam pentadbiran
	Menikmati kemudahan awam yang lebih baik
	Sistem pengangkutan yang efisien

LATIHAN STRUKTUR

1. Cadangan pembentukan Malaysia telah menimbulkan pelbagai reaksi di dalam negeri dan negara luar.

a) Nyatakan pertubuhan yang menentang gagasan Malaysia di Singapura.

.....
.....

[2 markah]

b) Bagaimanakah tindakan Indonesia untuk menentang gagasan Malaysia?

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

c) Kebijaksanaan pemimpin negara kita telah berjaya menangani cabaran yang dihadapi semasa pembentukan Malaysia.
Buktikan pernyataan tersebut.

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

2. Cadangan pembentukan Malaysia telah menimbulkan pelbagai reaksi dalam kalangan penduduk Sarawak dan Sabah.

a) Jelaskan alasan Sarawak dan Sabah menolak cadangan tersebut pada peringkat awal.

.....
.....
.....
.....

[3 markah]

b) Parti Perikatan Sabah telah mengemukakan syarat-syarat tuntutan yang dikenali sebagai Perkara 20. Nyatakan syarat-syarat tersebut.

.....
.....
.....
.....

[3 markah]

c) Mengapakah Parti Perikatan Sabah menuntut Perkara 20 dalam pembentukan Malaysia?

.....

.....

.....


.....

.....

[4 markah]

SOALAN ESEI

3. Langkah bagi merealisasikan pembentukan Malaysia dijalankan bermula Jun 1961.



a) Terangkan langkah-langkah pembentukan Malaysia.

[8 markah]

b) Jelaskan kepentingan Suruhanjaya Cobbold dalam menjayakan pembentukan Malaysia.

[6 markah]

c) Apakah pengajaran yang boleh diperolehi daripada proses pembentukan Malaysia?

[6 markah]

BAB 7 : SISTEM PEMERINTAHAN DAN PENTADBIRAN NEGARA MALAYSIA

CIRI-CIRI DEMOKRASI BERPARLIMEN

1. Dua corak pemerintahan negara demokrasi.

	Sistem Raja Berperlembagaan
	Sistem Republik

2. Maksud demokrasi berparlimen

	Rakyat melibatkan diri dalam sistem pemerintahan negara
	Raja-raja Melayu menjadi lambang taat setia rakyat
	Rakyat berpeluang membentuk kerajaan
	Rakyat bebas memilih perwakilan melalui pilihan raya
	Rakyat bebas menyokong, mengekalkan atau menukar kerajaan melalui pilihan raya
	Perlembagaan negara menjadi garis panduan dalam pemerintahan

3. Ciri demokrasi berparlimen yang diamalkan di Malaysia.

	Perlembagaan yang menjadi undang-undang tertinggi negara
	Raja berperlembagaan iaitu raja menjadi pemerintah tertinggi negara dan negeri
	Parlimen yang bertindak menggubal undang-undang negara
	Pilihan Raya diadakan untuk memilih wakil rakyat
	Kuasa Pemerintahan iaitu badan perundangan, badan pelaksana dan badan kehakiman
	Parti-parti politik ditubuhkan untuk menjaga kepentingan kaum masing-masing
	Kebebasan asasi

PERLEMBAGAAN

1. Maksud perlembagaan

	Undang-undang tertinggi yang menjadi asas kepada pembentukan kerajaan
	Merupakan dokumen rasmi yang terkandung segala peraturan dan prinsip
	Menjadi panduan kepada kerajaan untuk melaksanakan kuasa dan mentadbir negara.

2. Kepentingan Perlembagaan Malaysia diwujudkan

	Menjamin kestabilan sesebuah negara
	Menentukan rangka dan bentuk pentadbirannya
	Menjamin kecekapan, kejujuran dan ketelusan pemerintahan
	Menjamin kelicinan pentadbiran dan pemerintahan sesebuah kerajaan.
	Setiap pemimpin memerlukan panduan semasa memerintah
	Supaya pemerintahannya menepati kehendak perlembagaan dan aspirasi rakyat
	Menjamin taat setia yang tidak berbelah bagi kepada negara
	Menyatakan kewarganegaraan seseorang boleh dilucutkan jika terbukti tidak setia kepada negara ini.
	Setiap warganegara mempunyai hak asasi dan kebebasan seperti berpersatuan, beragama dan memiliki harta.
	Yang dipertuan agong bertanggungjawab menjaga dan memelihara hak istimewa serta kedudukan orang Melayu dan bumiputera Sabah dan Sarawak.
	Hak istimewa dan dalam pemberian jawatan dalam perkhidmatan awam, biasiswa, kemudahan pendidikan serta pemberian lesen, perniagaan dan perdagangan.
	Tidak mengabaikan kaum lain
	Menjamin kerjasama, kesepakatan, keadilan dan kepentingan bersama antara kerajaan persekutuan dengan kerajaan negeri.
	Perlembagaan negeri tidak boleh bercanggah dengan perlembagaan Malaysia
	Menjamin kedudukan hak istimewa orang Melayu dan bumiputera tidak dipersoal
	Kerajaan persekutuan menggunakan senarai kuasanya dalam bidang pendidikan dan kesihatan untuk membantu memajukan pembangunan Sabah dan Sarawak.

3. Cara perlembagaan dipinda di Malaysia

	Kaedah Pertama
	Persetujuan majoriti lebih suara dua per tiga Dewan Parlimen dan persetujuan Majlis Raja-raja
	Tugas dan kuasa Majlis Raja-raja Melayu
	Kewarganegaraan

	Keutamaan YDPA dan Raja Permaisuri Agong, Raja-raja dan Yang Dipertua Negeri
	Kedudukan istimewa orang Melayu dan bumiputera Sarawak dan Sabah
	Perubahan sempadan negeri
	Kaedah Kedua
	Persetujuan majoriti lebih suara dua per tiga Dewan Parlimen dan kelulusan Yang Dipertua Negeri Sarawak dan Sabah
	Keanggotaan dan bidang kuasa Mahkamah Tinggi di Sarawak dan Sabah
	Hak dan kuasa kepada Kerajaan Negeri tentang kuasa menahan kemasukan orang bukan dari Sarawak dan Sabah
	Perkara perundangan dan pemerintahan kuasa negeri, agama, bahasa dan hak istimewa orang Melayu dan bumiputera di Sarawak dan Sabah
	Kaedah Ketiga
	Persetujuan lebih suara dua pertiga Dewan Parlimen
	Perkara yang tidak disebut dalam mana-mana tiga kaedah pindaan
	Kaedah Keempat
	Persetujuan lebih suara Dewan Parlimen
	Senarai Persekutuan dan Senarai Bersama
	Pemilihan ahli Dewan Negara

4. Perkara-perkara sensitif yang tidak boleh dipersoalkan dalam Perlembagaan.

	Pemerintahan beraja sebagai ketua negara dan negeri
	Agama Islam sebagai agama rasmi negara
	Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan
	Hak istimewa orang Melayu
	Seperti pemberian jawatan dalam perkhidmatan awam, biasiswa, kemudahan pendidikan, pemberian lesen perniagaan dan perdagangan

5. Sebab/faktor Perlembagaan Malaysia perlu dipinda

	Melindungi kepentingan rakyat
	Menjaga keselamatan negara
	Melicinkan urusan pentadbiran negara
	Supaya relevan dan sesuai dengan keperluan semasa
	Menjadikan sebagai undang-undang yang munasabah
	Dan kandungannya dipatuhi rakyat dengan rela hati
	Melarang perkara sensitif dari dipersoalkan secara terbuka
	Antaranya pemerintahan beraja, agama Islam, kedudukan bahasa Melayu dan hak istimewa orang Melayu.
	Mengehadkan seorang individu bercakap perkara sensitif
	Akta hasutan 1970 diluluskan
	Memelihara keselamatan, ketenteraman dan keharmonian masyarakat berbilang kaum
	Pemansuhan kekebalan bagi Yang di-Pertuan Agong dan raja yang memerintah negeri daripada kesalahan jenayah

RAJA BERPERLEMBAGAAN



1. Maksud Raja Berperlembagaan.

	Sistem pemerintahan beraja mengikut peruntukan perlembagaan Malaysia
	YDPA bertindak mengikut berdasarkan Perlembagaan Malaysia atas nasihat Perdana Menteri
	YDPA dipilih daripada kalangan sembilan orang Raja Melayu secara bergilir-gilir
	Pemilihan YDPA mengikut peruntukan dalam Perlembagaan Malaysia

2. Bidang kuasa Yang di-Pertuan Agong (YDPA) mengikut Perlembagaan Malaysia.

	Sebagai ketua Negara
	YDPA mengetuai tiga badan iaitu Badan Perundangan (Legislatif), Badan Pemerintah (Eksekutif) dan Badan Kehakiman (Judisiari)
	YDPA mempunyai kuasa memanggil dan membubarkan Parlimen
	YDPA merupakan Ketua Tertinggi Angkatan Bersenjata
	Berkuasa mengampunkan dan menangguhkan sesuatu hukuman terhadap kesalahan yang dibicarakan di Mahkamah Tentera
	Bertanggungjawab menjaga dan memelihara kedudukan dan hak istimewa orang Melayu
	Boleh meninitahkan Majlis raja-Raja Melayu mengadakan mesyuarat bagi membincangkan keistimewaan, kedudukan dan kemuliaan Raja-Raja Melayu

	Ketua agama Islam bagi negeri baginda sendiri dan negeri-negeri yang tidak beraja iaitu Pulau Pinang, Wilayah Persekutuan, Melaka, Sarawak dan Sabah
	YDPA mempunyai budi kuasa budi bicara untuk melantik Perdana Menteri
	Berkuasa melantik dan melucutkan jawatan Jemaah Menteri setelah mendapat nasihat Perdana Menteri
	Melantik dan melucutkan jawatan Timbalan Menteri setelah mendapat nasihat Perdana Menteri
	YDPA boleh mengisytiharkan undang-undang darurat di bawah 'Undang-undang X' jika keselamatan negara terancam
	Melantik Pengerusi dan tiga orang ahli Suruhanjaya Pilihan Raya,
	Melantik ahli Perkhidmatan kehakiman
	Melantik Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
	Bertanggungjawab melantik Peguam Negara
	Melantik Ketua Audit Negara bagi Persekutuan
	Mentaulliahkan duta-duta negara kita

3. Proses pelantikan Yang di-Pertuan Agong

	Dipilih daripada kalangan 9 orang Raja Melayu daripada sembilan buah negeri Melayu
	Dipilih secara bergilir-gilir dalam tempoh 5 tahun
	Pemilihan Yang di-Pertuan Agong mengikut peruntukan dalam perlembagaan Malaysia
	Secara sulit dalam mesyuarat Raja-Raja
	Boleh meletakkan jawatan sebelum tamat perkhidmatan
	Boleh dipecat daripada jawatannya oleh Majlis Raja-raja

4. Keunikan institusi beraja di Malaysia

	Terdapat Majlis Raja-raja
	Satu-satunya sistem yang terdapat di dunia
	Telah dikanunkan mengikut Perkara 38 Perlembagaan Persekutuan
	Bebas daripada badan perundangan persekutuan dan negeri serta badan-badan eksekutif kerajaan
	Tiada apa-apa undang-undang yang menyentuh secara langsung mengenai keistimewaan, kedudukan/ kemuliaan/ kebesaran raja-raja boleh diluluskan dengan tiada persetujuan Majlis Raja-raja.
	Yang di-Pertuan Agong dilantik secara giliran
	Dalam kalangan 9 raja-raja Melayu
	Dipilih oleh Majlis Raja-raja Melayu
	Terdapat Timbalan Yang di-Pertuan Agong
	Warisan amalan sejak ratusan tahun dahulu/ Kesultanan Melayu Melaka

5. Cara-cara menghormati institusi beraja

	Tidak bercakap mengenai perkara negatif mengenai raja
	Mengikut peraturan dan undang-undang
	Mentaati titah perintah raja
	Menafikan sebarang berita negatif mengenai raja
	Mengantung potret raja di premis-premis perniagaan atau pejabat-pejabat kerajaan
	Memperkasa pendidikan mengenai institusi beraja
	Lawatan ke istana untuk tujuan menambah pengetahuan mengenai institusi beraja
	Menjalankan penyelidikan mengenai institusi beraja
	Tidak menggunakan bahasa istana dalam perbualan harian
	Menggunakan bahasa istana jika terdapat perbincangan formal mengenai raja

6. Sebab-sebab sistem pemerintahan beraja perlu dipertahankan di negara kita

	Lambang kesetiaan dan perpaduan rakyat
	Menjadi tonggak negara
	Simbol keutuhan
	Merupakan ketua negara
	Warisan politik tradisional
	Memelihara hak istimewa Melayu dan Bumiputera
	Ketua agama Islam

7. Sebab masyarakat tidak menghormati institusi Raja Berperlembagaan.

	Tiada kesedaran tentang keagungan institusi Raja Berperlembagaan
	Terpengaruh dengan dakwah-dakwah negatif yang disebarkan oleh musuh negara
	Mengagung-agungkan sistem pemerintahan luar yang tiada raja sebagai ketua negara
	Tiada kesedaran sivik yang tinggi terhadap negara dan raja

	Tidak menanam perasaan cintakan warisan tinggalan nenek moyang
--	--

8. Cara mengatasi masyarakat yang tidak menghormati institusi Raja Berperlembagaan.

	Melucutkan hak kewarganegaraan Malaysia
	Menangkap dan menjatuhkan hukuman yang berat kepada pesalah
	Menggubal undang-undang yang berkaitan penghinaan terhadap institusi Raja Berperlembagaan, menarik semua keistimewaan yang dimiliki seperti pangkat
	Memberi kaunseling kepada pesalah oleh pihak tertentu mengenai kesalahan yang dilakukan
	Peranan ibu bapa/guru untuk mendidik anak-anak /murid-murid tentang kepentingan warisan sistem pemerintahan Beraja
	Hidup bersatu padu antara satu sama lain

KUASA PEMERINTAHAN

1. Maksud Badan Perundangan

	Merujuk kepada Parlimen
	Terdiri daripada Yang di-Pertuan Agong, Dewan Negara dan Dewan Rakyat
	Berfungsi menggubal undang-undang

2. Komponen yang terdapat dalam Parlimen.

	Yang di-Pertuan Agong
	Dewan Negara
	Dewan Rakyat

3. Kedudukan Ahli Dewan Negara dalam sistem pemerintahan di negara kita.

	Ahli Dewan Negara digelar Senator.
	Senator dilantik oleh YDP Agong
	Senator memegang jawatan selama tiga tahun
	Senator berumur sekurang-kurangnya 30 tahun
	Taraf Senator sama dengan Ahli Parlimen
	Mereka boleh dilantik menjadi Jemaah Menteri.

4. Ciri Dewan Negara

	Dewan tertinggi dalam sistem pemerintahan negara
	Mengandungi 69 orang ahli
	Iaitu 26 ahli dipilih daripada 13 buah negeri, 2 orang bagi setiap negeri
	Ahli yang dipilih bukan daripada ahli dewan undangan negeri
	2 orang ahli dilantik oleh YDPA mewakili wilayah persekutuan
	40 orang ahli dilantik oleh YDPA
	Yang dipilih daripada individu yang berjasa dan cemerlang dalam bidang professional
	Ahlinya digelar senator
	Yang mewakili setiap negeri
	Dilantik tanpa melalui pertandingan dalam pilihan raya
	Memegang jawatan bagi tempoh tiga tahun
	Berumur sekurang-kurangnya 30 tahun
	Tarafnya sama dengan Ahli Parlimen
	Boleh dilantik menjadi ahli Jemaah Menteri

5. Ciri Dewan Rakyat

	Ahlinya dipilih oleh rakyat dalam pilihan raya
	Mengandungi 219 orang ahli
	Mewakili semua kawasan pilihan raya seluruh negara
	Tempoh jawatan adalah 5 tahun
	Tugas utama menggubal dan meluluskan undang-undang pada peringkat dewan rakyat
	Undang-undang yang dibuat dinamai akta

6. Perkara yang boleh menyebabkan seseorang hilang kelayakan sebagai ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara/ Dewan undangan Negeri

	Didapati tidak sempurna akal
	Bankrap/ mufliis dan belum dilepaskan
	Tak hantar penyata perbelanjaan pilihan raya
	Memegang jawatan dalam perkhidmatan awam

	Disabitkan dengan kesalahan – penjara lebih satu tahun / denda lebih RM 2000
	Sengaja mendapat kewarganegaraan asing

7. Istilah undang-undang yang digubal

	Akta - Undang-undang yang dibuat oleh Parlimen
	Enakmen - Undang-undang yang dibuat oleh Dewan Undangan Negeri
	Ordinan Undang-undang yang dibuat di Sabah dan Sarawak

8. Tanggungjawab Badan Perundangan (legislatif) dalam Sistem Kerajaan Persekutuan Malaysia.

	Menggubal undang-undang yang dipertanggungjawabkan oleh Perlembagaan.
	Menjamin keadilan dan kesejahteraan rakyat

9. Proses meluluskan undang-undang di Parlimen

	Cadangan oleh kementerian
	Penggubalan rang undang-undang oleh Jabatan Peguam Negara
	Pembacaan pertama di Dewan Rakyat
	Pembacaan tajuk rang undang-undang sahaja
	Pembacaan kedua iaitu rang undang-undang ini dibahaskan
	Perbincangan secara terperinci tentang rang undang-undang
	Pada peringkat jawatankuasa di Dewan Rakyat
	Pembacaan ketiga iaitu rang undang-undang ini dibahaskan sebelum diluluskan
	Bagi dikemukakan ke Dewan Negara
	Pembentangan di Dewan Negara, proses yang sama di Dewan Rakyat diulangi
	Penyerahan rang undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Negara kepada YDPA
	Untuk diperkenankan dan turunkan cap Mohor Negara
	Pewartaan atau pemberitahuan undang-undang dalam Warta Kerajaan

10. Tugas Jemaah Menteri

	Membuat dasar tertinggi negara
	Menggubal dasar-dasar kerajaan dalam semua perkara
	Diketuai oleh Perdana Menteri

11. Tugas dan peranan kementerian sebagai Badan Pelaksana.

	Perdana Menteri atau Timbalan Perdana Menteri mengetuai sebuah atau beberapa kementerian.
	Setiap kementerian bertanggungjawab menggubal dasar-dasar kerajaan
	Merancang program pembangunan ekonomi dan sosial
	Menyelaras program pembangunan ekonomi di negara kita
	Setiap kementerian diketuai oleh seorang menteri
	Dibantu oleh timbalan menteri, setiausaha parlimen dan setiausaha politik
	Menteri yang tidak diberikan tugas dalam kementerian tertentu dikenali sebagai Menteri Tak Berportfolio.
	Kementerian ini diberikan tugas-tugas khas oleh Perdana Menteri

12. Ciri-ciri sistem perkhidmatan awam di Malaysia.

	Diketuai oleh Ketua Setiausaha Negara
	Bertanggungjawab mengawasi perjalanan kementerian dan jabatan kerajaan
	Peringkat kementerian, pentadbirannya diketuai oleh Ketua Setiausaha Kementerian
	Beliau dibantu oleh kakitangan kerajaan yang dikenali sebagai kumpulan pegawai perkhidmatan awam
	Semua kakitangan awam bertanggungjawab melaksanakan dasar dan tugas yang ditetapkan oleh kerajaan.
	Jabatan kerajaan diketuai oleh ketua jabatan iaitu ketua pengarah
	Setiap kementerian mempunyai jabatan pada peringkat pusat, negeri dan daerah.
	Terdapat juga badan-badan kerajaan yang dikenali sebagai badan-badan berkanun
	Merupakan badan separuh kerajaan yang mempunyai kuasa autonomi tertentu
	Mempunyai peruntukan kewangan sendiri
	Ditadbir oleh sebuah lembaga pengarah yang bertanggungjawab kepada menteri yang berkenaan.
	Bertujuan untuk mempercepatkan pentadbiran dan program pembangunan
	Di bawah rancangan lima tahun kerajaan
	Contohnya MADA dan MIDA
	Suruhanjaya ditubuhkan untuk mengendalikan kenaikan pangkat kakitangan perkhidmatan awam.
	Bertanggungjawab memantau disiplin kakitangan perkhidmatan awam.
	Contohnya Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan, Suruhanjaya perkhidmatan Undang-undang dan kehakiman, Suruhanjaya Pasukan Polis dan Majlis Angkatan tentera.

13. Peranan wakil rakyat dalam membangunkan negara.

	Sentiasa prihatin terhadap masalah yang dihadapi oleh rakyat
	Melaksanakan pembangunan rakyat di kawasan yang diwakili
	Tidak berat sebelah ketika menyelesaikan masalah yang berlaku
	Tiada unsur pilih kasih dalam kalangan rakyat yang pelbagai kaum
	Menghapuskan masalah rasuah
	Berusaha menambah peluang pekerjaan untuk rakyat melalui pelaksanaan projek-projek pembangunan
	Menjaga kebajikan rakyat dari segi aspek sosial
	Menjadi perantara rakyat dengan kerajaan

14. Isu-isu yang menjadi tanggungjawab wakil rakyat

	Mengatasi masalah kos sara hidup yang sentiasa meningkat
	Masalah jenayah
	Peningkatan harga rumah
	Perpaduan kaum
	Masalah kemiskinan (kemiskinan bandar dan luar bandar)
	Isu pendidikan
	Kesihatan
	Pekerjaan

15. Bidang kuasa Badan Kehakiman di Malaysia.

	Mempunyai kuasa mendengar serta menentukan perkara sivil dan jenayah.
	Perkara sivil berkaitan dengan saman
	Biasanya memerlukan afidavit
	Perkara jenayah pula melibatkan kanun keseksaan
	Boleh menentukan kesahihan undang-undang yang dibuat oleh badan perundangan dan badan pelaksana.
	Berkuasa mentafsir perlembagaan persekutuan dan perlembagaan negeri
	Melaksanakan tugas kehakiman
	Mengisytiharkan undang-undang bertulis kerajaan persekutuan atau kerajaan negeri
	Mempunyai kuasa mengisytiharkan sesuatu tindakan kerajaan tidak sah di sisi undang-undang.
	Tidak boleh meminda undang-undang kerana perkara itu adalah kuasa badan perundangan atau Parlimen

16. Ciri-ciri institusi kehakiman seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Malaysia.

	Semua hakim dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat Perdana Menteri
	Urusan pelantikan, kenaikan pangkat dan perlucutan jawatan terletak di bawah kuasa Yang di-Pertuan Agong.
	Seseorang hakim tidak boleh dipecat sewenang-wenangnya tanpa sebab munasabah.
	Hakim tidak boleh mengambil bahagian dalam politik
	Hakim dilindungi daripada pengaruh politik untuk menjamin keadilan dan kesaksamaan undang-undang.
	Peguam negara merupakan penasihat undang-undang kerajaan
	Menjadi Pendakwa Raya atau peguam Bela bagi kerajaan
	Dibantu oleh Pegawai Perkhidmatan Undang-undang dan Kehakiman

17. Ciri-ciri pemerintahan yang cekap

	Mengamalkan sistem demokrasi dengan memberi peluang rakyat memilih pemimpin yang berwibawa melalui proses pilihan raya
	Melaksanakan pengagihan kuasa yang telus antara kerajaan pusat dan negeri
	Melahirkan pegawai yang berintegriti
	Membina perkhidmatan yang cekap dengan memanfaatkan teknologi maklumat
	Perkhidmatan yang mesra pelanggan
	Membanteras rasuah dalam pentadbiran
	Pegawai kerajaan mengamalkan nilai-nilai murni
	Berbelanja secara berhemah / Menjimatkan kos
	Penggunaan perkhidmatan yang luas
	Memerintah berlandaskan Al-quran / Agama
	Pemimpin tidak mengamalkan hidup mewah
	Penggunaan e-perkhidmatan secara meluas
	Mengurangkan karenah birokrasi
	Penyampaian maklumat yang lebih mudah melalui pelbagai sumber

18. Kriteria seorang Peguam Negara/ Hakim

	Pandai berhujah
	Menjunjung tinggi prinsip adil dan tidak memihak kepada mana-mana pihak
	Bijak berfikir
	Mempunyai pengalaman yang banyak dalam bidang guaman
	Amanah terhadap tugas yang diberi
	Taat pada agama supaya setiap tindakannya berasaskan nilai agama

PILIHAN RAYA

1. Ciri sistem pilihan raya di Malaysia.

	Proses memilih wakil rakyat untuk memerintah
	Pada peringkat negeri atau Persekutuan
	Dilakukan secara sulit
	Menggunakan prosedur yang telus dan sistematik
	Pengiraan undi dibuat secara terbuka dan keputusan direkodkan
	Calon yang mendapat undi terbanyak dikira menang
	Dikenali sebagai sistem majoriti mudah
	Dijalankan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR)

2. Fungsi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) di Malaysia

	Keanggotaan SPR dilantik oleh YDPA selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja Melayu
	Menjamin pilihanraya yang adil dan bebas
	Tanpa tekanan parti pemerintah dan pembangkang
	Menentukan sempadan bahagian pilihan raya
	Menjalankan pendaftaran pemilih
	Mengendalikan pilihanraya umum atau pilihan raya kecil

3. Proses pilihan raya yang dijalankan di Malaysia

	Penetapan tarikh penamaan calon dan pengundian oleh SPR
	Hari penamaan calon
	Penyediaan manifesto oleh parti yang bertanding
	Pelancaran kempen pilihan raya
	Pengumuman tentang tempat pengundian dan tempat pengiraan undi oleh SPR
	Pemberian kertas undi yang mengandungi lambang parti calon yang bakal dipilih kepada pengundi di tempat pengundian.
	Pembuangan undi
	Pengundi akan memangkah/ memilih calon pada kertas undi
	Memasukkan kertas undi ke dalam peti undi
	Proses pengiraan undi di tempat mengundi
	Pengumuman keputusan pilihan raya
	Oleh Pegawai Pilihan raya

4. Syarat-syarat seseorang individu layak menjadi pengundi

	Mendaftar dalam Senarai Daftar Pemilih
	Seorang warganegara Malaysia
	Mencapai usia 21 tahun
	Bermastautin atau tidak bermastautin
	Tinggal di mana-mana kawasan pilihanraya Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri
	Boleh mengundi dalam sesebuah kawasan pilihanraya sahaja
	Anggota pasukan keselamatan, pelajar di luar negara dan pegawai kerajaan yang bertugas di luar negara mengundi melalui pos

5. Syarat-syarat menjadi calon pilihan raya.

	Mewakili mana-mana parti politik yang disukai
	Bertanding atas nama individu/ calon bebas
	Warganegara Malaysia
	Berumur 18/21 tahun ke atas
	Bermastautin di Malaysia
	Sempurna akal
	Bukan orang yang mufliis
	Tidak memegang jawatan dalam perkhidmatan awam

	Tidak disabitkan dengan sesuatu kesalahan oleh mahkamah
	Mengemukakan kertas penamaan calon pada hari penamaan calon

PARTI POLIIK DI MALAYSIA SEHINGGA TAHUN 1963

1. Maksud parti politik

	Sekumpulan orang yang mempunyai ideologi politik untuk mencapai matlamat bersama
	Berjuang mendapatkan kuasa
	Ahli-ahlinya membayar yuran keahlian
	Setia terhadap perjuangan parti
	Kebiasaannya bersikap perkauman untuk memelihara kepentingan kaum masing-masing

2. Matlamat penubuhan parti-parti politik di Malaysia sebelum 1963

	Menyatukan kaum seperti UMNO, MCA, MIC, PKMS, SUPP, UNKO,
	Melindungi kepentingan dan hak kaum seperti UMNO, MCA, dan MIC
	Menuntut kemerdekaan seperti Parti Negara dan Parti Kemerdekaan Tanah Melayu(IMP)
	Menentang penubuhan Malayan Union seperti MDU dan UMNO
	Menubuhkan kerajaan Islam seperti Hizbul Muslimin, PAS
	Bekerjasama menentang komunis seperti MCA
	Melindungi hak kaum bumiputera seperti UMNO, USNO, PESAKA, BERJASA, Pasok Momogun
	Memperjuangkan agama Islam seperti UMNO, Hizbu Muslimin, USNO, PAS

3. Kebaikan parti pelbagai kaum.

	Membantu proses perpaduan kaum dalam kalangan rakyat
	Membentuk kematangan rakyat berpolitik dengan tidak hanya berjuang untuk kaum sendiri
	Meningkatkan keharmonian dan setiakawan ahli politik dengan bersama-sama memajukan negara
	Mengurangkan sikap perkauman yang mendalam/assabiyah/resis
	Menonjolkan imej negara Malaysia yang terdiri daripada pebagai kaum
	Menjunjung perlembagaan negara yang memberi hak berpolitik kepada semua kaum

LAMBANG-LAMBANG NEGARA



JATA NEGARA

1. Maksud lambang pada Jata Negara.

	4 jalur berlainan warna di tengah-tengah perisai
	merujuk kepada Perak , Selangor, Negeri Sembilan, Pahang yang dahulunya dikenali Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB).
	Warna hitam dan putih
	Melambangkan negeri Pahang
	Warna merah dan kuning
	Melambangkan Selangor
	Warna hitam, putih dan kuning.
	Melambangkan negeri Perak
	Warna merah, hitam dan kuning
	Melambangkan Negeri Sembilan
	Lima bilah keris pada perisai
	Melambangkan negeri Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu yang dulunya Negeri-Negeri Melayu Tidk Bersekutu (NNMTB)
	Pokok Melaka
	Melambang negeri Melaka
	Pokok Pinang
	Mewakili negeri Pulau Pinang
	Sabah dan Sarawak
	Dilambangkan dengan jata negeri masing-masing
	Di antara lambang negeri Sabah dan Sarawak
	Bunga raya
	Melambangkan bunga kebangsaan negara kita
	Bulan sabit bewarna kuning
	Bermaksud agama Islam sebagai agama persekutuan Malaysia

	Cogan kata, iaitu “ Bersekutu Bertambah Mutu”
	Bermaksud semangat permuafakatan akan mengeratkan lagi perpaduan antara negeri di Malaysia
	Dua ekor harimau
	Bermaksud keberanian

2. Maksud slogan ‘Bersekutu Bertambah Mutu’ yang terdapat dalam jata negara.

	Perpaduan membawa kekuatan kepada negara
	Bersatu padu aspek penting yang menjamin keharmonian negara
	Perpaduan rakyat menjadi pemangkin kepada pembangunan negara
	Bersatu padu boleh membentuk kesejahteraan hidup masyarakat
	Perpaduan rakyat penting untuk menjamin keamanan negara

3. Cara mengaplikasikan cogan kata, ‘Bersekutu Bertambah Mutu’ untuk memajukan negara.

	Sentiasa menerapkan kerjasama dalam pekerjaan
	Bersatupadu dalam menjaya sesuatu
	Mengamalkan sikap Bertolak ansur
	Taat pada arahan ketua
	Menyumbang idea ke arah kemajuan
	Mengamalkan nilai-nilai murni

BENDERA KEBANGSAAN

1. Sejarah penciptaan bendera kebangsaan.

	Penubuhan jawatankuasa khas untuk memperaku reka bentuk bendera
	Majlis Perundangan Persekutuan mengadakan pertandingan peringkat kebangsaan
	Bertujuan untuk memilih bendera kebangsaan
	Tiga reka bentuk bendera dipilih ke peringkat akhir
	Majlis perundangan Persekutuan/akhbar Malay Mail menjemput orang ramai beri pandangan
	Reka bentuk Encik Mohammad Hamzah dipilih
	Beberapa pindaan terhadap reka bentuk asal dilakukan
	Majlis Perundangan Persekutuan meluluskan reka bentuk bendera
	King George VI memperkenalkan reka bentuk bendera
	Berkibar kali pertama pada 26 Mei 1950/ di istana Sultan Selangor

2. Maksud warna dan simbol yang terdapat pada bendera kebangsaan Malaysia.

	Warna merah melambangkan keberanian
	Warna putih melambangkan kesuciaan
	Warna kuning melambangkan kedaulatan Raja-Raja Melayu
	Warna biru melambangkan perpaduan rakyat Malaysia yang berbilang kaum
	Bulan sabit melambangkan agama Islam sebagai agama rasmi Persekutuan
	Bintang berpecah 14 melambangkan gabungan 14 buah negeri dalam Persekutuan Malaysia
	14 jalur merah dan putih melambangkan gabungan negeri di Malaysia

3. Ciri-ciri masyarakat yang dapat dibentuk melalui amalan menyanjung tinggi lambang-lambang negara.

	Sedia berkorban demi kepentingan negara
	Taat perintah raja/ pemimpin
	Menghormati/patuh kepada undang-undang demi keamanan negara
	Hidup bersatu dan saling bekerjasama antara satu sama lain
	Menjaga nama baik negara/imej negara di seluruh dunia
	Berasa bangga dan megah kerana nama negara dihormati oleh semua negara luar
	Menanam semangat patriotik yang tinggi dalam diri masing-masing

4. Kepentingan lambang-lambang/ jata negara/ bendera kebangsaan kepada sesebuah negara.

	Simbol kedaulatan negara
	Lambang rasmi negara
	Identiti sesebuah negara
	Lambang kemegahan rakyat
	Membangkitkan semangat perjuangan untuk mempertahankan negara
	Menimbulkan rasa bangga terhadap negara
	Sebagai simbol perpaduan antara rakyat pelbagai kaum

	Menjadi simbol ketaatan rakyat kepada raja dan negara
	Menanam sifat patriotik dalam diri rakyat
	Menuntut rakyat supaya sentiasa setia kepada raja dan negara
	Menyemai sikap sanggup berkorban kepada negara
	Membangkitkan semangat patriotik dalam kalangan rakyat

LATIHAN STRUKTUR:

1. Malaysia ialah sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen dengan Parlimen menjadi institusi perundangan tertinggi yang menggubal undang-undang. Parlimen Malaysia terdiri daripada Yang di-Pertua Agong, Dewan Negara dan Dewan Rakyat.

<https://www.parlimen.gov.my/maklumat-umum.html?uweb=dr&>

- a) Senaraikan tiga ciri yang menunjukkan negara kita mengamalkan sistem demokrasi berparlimen?

.....
.....
.....

[3 markah]

- b) Jelaskan ciri-ciri Dewan Negara dalam sistem pemerintahan negara.

.....
.....
.....

[3 markah]

- c) Pada pandangan anda, apakah isu yang perlu dikemukakan oleh seorang ahli Dewan Rakyat dalam suatu persidangan Parlimen?
Jelaskan rasional isu tersebut dibentangkan.

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

2. Gambar berikut ialah jata negara Malaysia.



- a) Nyatakan maksud lambang yang terdapat pada jata negara berikut:

- i. Dua ekor harimau

.....

[1 markah]

- ii. Bulan sabit

.....

[1 markah]

b) Ulasakan cogan kata “Bersekutu Bertambah Mutu” yang terdapat pada jata negara.

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

c) Berdasarkan pengetahuan anda, mengapakah setiap negara mempunyai lambang-lambang tersendiri?

.....

.....

.....


.....

.....

[4 markah]

LATIHAN ESEI:

3. Rajah berikut merujuk kepada sistem kerajaan Persekutuan di Malaysia



a) Jelaskan peranan Yang di-Pertuan Agong.

[6 markah]

b) Parlimen ialah badan perundangan yang bertanggungjawab menggubal dan meluluskan undang-undang di negara kita.

Jelaskan proses meluluskan undang-undang di Parlimen?

[8 markah]

c) Bincangkan ciri-ciri pemerintahan yang boleh menjamin kemajuan sesebuah negara bangsa?

[6 markah]

BAB 8 : PEMBANGUNAN DAN PERPADUAN UNTUK KESEJAHTERAAN

DASAR PEMBANGUNAN LIMA TAHUN



1. Matlamat Rancangan Pembangunan Lima Tahun tahap pertama dari tahun 1956 hingga tahun 1970.

Membangunkan kawasan luar bandar
Merapatkan jurang pendapatan antara penduduk bandar dengan luar bandar
Mengurangkan kadar kemiskinan dalam kalangan penduduk luar bandar
Menambah punca pendapatan negara dari sumber lain selain getah dan bijih timah
Membangunkan penduduk di luar bandar
Meningkatkan taraf hidup penduduk luar bandar
Memberi penekanan kepada sektor ekonomi, sosial dan awam
Memupuk integrasi nasional
Memastikan semua program pembangunan memfokuskan kesejahteraan rakyat
Mempelbagaikan kegiatan ekonomi dalam sektor pertanian dan perindustrian

2. Usaha-usaha bagi menjayakan matlamat di (1)?

Rancangan Malaya Pertama
Pembukaan tanah baharu untuk pertanian
Penanaman semula getah oleh pekebun kecil dan secara ladang digalakkan
Hasil keluaran pertanian dipelbagaikan
Meluaskan perkhidmatan awam seperti balai polis, kem tentera, pejabat pos, mahkamah dan kuarters kakitangan kerajaan
Menyediakan pelbagai perkhidmatan seperti kesihatan, pendidikan dan perhubungan
Menubuhkan Lembaga Pembangunan Industri Desa atau Rural Industrial Development Authority (RIDA)
RIDA membangunkan masyarakat luar Bandar
Peranan RIDA memberi pinjaman kepada pengusaha pertanian/ membantu pemasaran hasil pertanian/ menggalakkan penyertaan orang Melayu dalam sektor perniagaan
Menubuhkan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan atau Federal Land Development Authority (FELDA)
Meningkatkan taraf hidup penduduk luar Bandar dan meningkatkan hasil pertanian negara
Membuka tanah secara besar-besaran dan petempatan dilengkapi kemudahan asas
Tanaman getah dan kelapa sawit diberi keutamaan
Rancangan Malaya Kedua
Pembukaan tanah FELDA dipergiatkan
Mempelbagaikan jenis tanaman
Meningkatkan pengeluaran hasil pertanian negara
Mengurangkan pergantungan terhadap getah dan makanan import
Menyediakan peluang pekerjaan
Bilik Gerakan diwujudkan oleh Kementerian Pembangunan dan Luar Bandar
Menyelaraskan kegiatan pembangunan negeri, daerah dan kampung
Penubuhan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan atau Federal Agricultural Marketing Authority (FAMA)
Bertujuan membantu petani mengatasi masalah pemasaran hasil pertanian/ orang tengah
Pelaksanaan Buku Merah yang mengandungi program, pelaksanaan dan kaedah mengesan tahap pencapaian
Rancangan Malaysia Pertama
Pembukaan tanah dalam skala besar-besaran yang meluas seperti Tiga Segi Jengka/Johor Tenggara/ Pahang Tenggara
Penubuhan Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara (FELCRA)
Penubuhan Bank Bumiputera untuk menggalakkan penyertaan bumiputera dalam sektor perusahaan dan perdagangan
Penubuhan Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS) untuk menggiatkan penyertaan bumiputera dalam perusahaan dan perdagangan
Penubuhan MARDI bagi menjalankan penyelidikan dan memperkenalkan teknologi baharu dalam pertanian kecuali getah
Penubuhan Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia/ MIDA

	Meluluskan Akta Pelaburan 1969 bagi menggalakkan kemunculan industri baharu.
--	--

3. Sebab usaha mengubah dasar dan bentuk ekonomi di negara kita pada tahap pertama sangat sukar.

	Warisan peninggalan dasar ekonomi penjajah
	penjajah meninggalkan sistem ekonomi yang berpihak kepada pelaburan asing
	penduduk tempatan mengalami dasar pecah dan perintah
	dasar pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi
	orang Melayu sebagai petani tinggal di luar Bandar
	orang Cina sebagai peniaga tinggal di bandar
	orang India sebagai pekerja ladang tinggal di ladang
	wujud jurang antara bandar dan luar bandar
	kesan dasar ini menjadikan orang Melayu tertinggal dalam ekonomi moden
	Mengubah pemikiran ekonomi orang Melayu perlu mengambil masa yang panjang
	orang Melayu dipinggirkan penjajah daripada ekonomi moden
	mereka terbiasa menjalankan ekonomi sara diri/ kurang menguntungkan
	tinggal di kampung yang kekurangan kemudahan asas
	pemikiran boleh diubah menerusi pendidikan dan mengambil masa ke atas generasi baharu
	tidak biasa dengan prosedur ekonomi moden yang memerlukan modal/ cagaran
	ketidakupayaan menyaingi pemain ekonomi di Bandar yang sedia ada/ pelabur barat dan peniaga Cina
	ketidakberanian masyarakat Melayu mengambil risiko dalam perniagaan moden
	orang Melayu lebih suka kerja makan gaji daripada berniaga
	Peranan agensi kerajaan untuk membantu rakyat kurang berjaya
	maklumat dan peranan yang cuba dimainkan oleh agensi-agensi kerajaan yang ditubuhkan kurang mencapai sasaran
	masyarakat luar Bandar belum cukup biasa berurusan dengan agensi sedemikian
	bantuan memerlukan prosedur-prosedur yang dilihat asing oleh masyarakat luar Bandar
	bantuan yang diberi tidak sampai kepada kumpulan sasaran
	Peruntukan besar daripada bajet negara disediakan untuk melawan komunis
	selepas merdeka peruntukan besar daripada bajet negara digunakan untuk melawan komunis
	perbelanjaan membeli peralatan ketenteraan dan memperbesar angkatan tentera memakan bajet tinggi
	dana yang tinggal untuk pembangunan ekonomi agak berkurangan
	ini menyukarkan untuk mengubah keadaan ekonomi selepas merdeka

4. Kesan pelaksanaan Rancangan Pembangunan Lima Tahun Tahap Pertama (1956- 1970)

	Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar diwujudkan
	Meningkatkan taraf hidup masyarakat luar bandar
	Tanah baru dibuka secara besar-besaran untuk pertanian dan petempatan yang lengkap dengan kemudahan asas
	Penubuhan FELDA, FELCRA, FAMA, MARA, PERNAS, MARDI, Bank Bumiputera, Lembaga Penasihat Tarif
	Kemudahan infrastruktur berkembang seperti pembinaan balai polis, kem tentera, pejabat pos dan mahkamah
	Pertumbuhan ekonomi meningkat
	Perancangan ekonomi terhenti akibat peristiwa 13 Mei 1969
	Masalah perpaduan gagal diatasi
	Jurang pendapatan antara kaum masih ketara
	Kegiatan ekonomi masih mengikut kaum

DASAR EKONOMI BARU (DEB) –TAHAP KEDUA (1971-1990)

RANCANGAN PEMBANGUNAN LIMA TAHUN

1. Matlamat Rancangan Malaysia Kedua (1971-1975)

	Menyelesaikan masalah ekonomi dan sosial antara kaum,kawasan dan wilayah
	Membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dengan menambah pendapatan dan peluang pekerjaan

	Menyusun semula masyarakat
	Menghapuskan indentiti kaum mengikut fungsi ekonomi
	Program pembangunan kawasan luar Bandar diteruskan

2. Langkah-langkah dalam Rancangan Malaysia Keempat (1981-1985) yang mendukung aspirasi Dasar Ekonomi Baru (Dasar Ekonomi Baru)

	Menumpukan perusahaan berat yang berasaskan modal,teknologi tinggi serta tenaga kerja mahir.
	Penubuhan HICOM adalah untuk mengenal pasti, memulakan dan menguruskan projek industry berat dengan cekap seperti yang dikendalikan oleh sector swasta
	Pelaburan modal asing digalakkan
	Skudai/Senawang/Bintulu / Menggatal /Likas
	Zon Perdagangan Bebas diperkenalkan di Bayan Lepas dan Sg Way
	Kelemahan dalam struktur perindustrian Negara dikenal pasti oleh Kajian Dasar Perindustrian Malaysia.
	Pelan Induk Perindustrian menyediakan hala tuju pembangunan industry dan strategi perlaksanannya.
	Dasar Penswastaan dan Dasar Pensyarikatan dilaksanakan
	Penglibatan swasta mengurangkan beban kewangan kerajaan
	Projek kereta Proton di Shah Alam untuk pasaran tempatan dan eksport
	PNB ditubuhkan, Skim Amanah Saham Nasional (ASN) dilancarkan
	Dasar Pertanian Negara pula bermatlamat memoden dan menggiat semula sektor pertanian secara bersepadu dengan menyediakan infrastruktur dan perkhidmatan sokongan

3. Matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB) tahun 1971 hingga 1990).

	Membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum
	Menambahkan pendapatan rakyat
	Menyediakan peluang pekerjaan bagi merapatkan jurang ekonomi
	Menghapuskan identiti kaum mengikut fungsi ekonomi
	Mencapai perpaduan kaum
	Membawa kesejahteraan rakyat
	Menyusun semula masyarakat
	Merapatkan jurang sosial antara kaum/ kawasan/ wilayah

4. Usaha merealisasikan Dasar Ekonomi Baru (DEB).

	Penubuhan Kementerian Tanah dan Kemajuan Wilayah
	melaksanakan program pembangunan wilayah
	Pelbagai agensi kerajaan ditubuhkan bagi membantu golongan petani/ galakkan perusahaan/ perdagangan / majukan Bandar
	Lembaga Beras dan Padi Negara/ LPN bagi menstabilkan harga padi
	Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia bagi memodenkan industry perikanan/ meningkatkan taraf hidup nelayan
	Perbadanan Pembangunan Bandar/UDA bagi membangunkan Bandar
	Pihak berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah/ RISDA bagi membantu pekebun kecil getah
	Lembaga Pertubuhan Peladang bagi membantu golongan petani melibatkan diri dalam kegiatan koperasi
	Petroleum Nasional Berhad bagi memajukan industry berkaitan dengan petroleum
	Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri bagi menggalakkan perindustria/ perdagangan dengan menyediakan tapak perindustrian, perumahan dsbnya
	Pembukaan tanah secara besar-besaran di bawah program pembangunan wilayah
	Lembaga Kemajuan Johor Tenggara/ KEJORA
	Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah/ KETENGAH
	Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara/ DARA
	Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan/ KESEDAR
	Penumpuan diberi kepada penanaman getah dan kelapa sawit
	Memberi perhatian kepada industri berat
	Menubuhkan HICOM/Perbadanan Industri Berat Malaysia
	Menggalakkan pelaburan modal besar/ penggunaan teknologi tinggi/ pekerja mahir

	Penubuhan kawasan perindustrian baharu bagi menggalakkan pelaburan modal asing
	bertempat di Skudai/ Senawang/ Bintulu/ Menggatal/ Likas
	menubuhkan zon perdagangan bebas
	bertempat di Bayan Lepas/ Sungai Way
	Melaksanakan Kajian Dasar Perindustrian Malaysia bagi mengenal pasti sebarang kelemahan yang wujud
	Melaksanakan Pelan Induk Perindustrian bagi menyediakan hala tuju pembangunan industri
	Berjaya mengeluarkan kereta nasional
	Penubuhan Permodalan Nasional Berhad
	melancarkan Skim Amanah Saham Nasional
	bertujuan mengimbangi pemilikan harta dan saham perindustrian antara kaum bumiputera dengan bukan bumiputera
	Melancarkan Dasar Pertanian Negara
	bertujuan untuk memodenkan sector pertanian secara bersepadu
	Menggiatkan sektor perindustrian
	Melonggarkan peraturan mengawal hak milik syarikat dan pelesenan dalam sektor swasta
	Melonggarkan syarat pelaburan modal asing dalam industri berorientasikan eksport
	Meningkatkan kecekapan agensi kerajaan agar boleh bekerjasama dengan sektor swasta dengan berkesan
	Pembangunan kawasan luar bandar
	Menitiberatkan penggunaan tanah dengan cekap
	Menggalakkan industri desa yang berpotensi seperti kraftangan
	Kredit dan insentif diperluas seperti melalui Bank Pertanian Malaysia/ Skim Pinjaman Khas Pertanian/ Amanah Ikhtiar Malaysia
	Menubuhkan Perbadanan Pelancongan Malaysia
	Melancarkan Tahun Melawat Malaysia

5. Bukti Dasar Ekonomi Baru (DEB) berjaya membangunkan ekonomi Malaysia

	Kadar kemiskinan dalam negara berjaya dikurangkan
	tahun 1990 kadar kemiskinan dikurangkan kepada hanya 17.1 %
	penduduk luar Bandar/ Melayu pendapatannya berjaya ditingkatkan
	kemiskinan tegar di Bandar berjaya dikurangkan
	banyak peluang pekerjaan dibuka melalui pelaburan asing dan swasta
	kerajaan memberi sokongan yang kuat kepada pihak swasta dalam urusan perniagaan/ perindustrian
	Pendapatan per kapita rakyat meningkat
	pada tahun 1990 pendapatan rakyat Malaysia meningkat kepada RM 6180
	hasil tanaman penduduk luar Bandar boleh dipasarkan kepada kawasan Bandar/ luar negara
	peningkatan kemudahan pengangkutan membolehkan hasil kawasan luar Bandar diperluaskan pasarannya
	pertambahan eksport keluaran negara menambah pendapatan rakyat negara
	rakyat berpeluang bekerja dalam pelbagai lapisan sector pekerjaan/ tidak terhad kepada sektor pertanian
	Tiada pengenalan ekonomi berasaskan kaum
	orang Melayu turut menjadi peniaga/ usahawan/ tenaga profesional
	orang Cina melibatkan diri dalam kegiatan pertanian berskala besar/ ladang
	orang India terlibat dalam pelbagai kegiatan ekonomi moden
	bidang pekerjaan didasarkan kepada pencapaian seseorang dalam dalam akademik/ kemahiran
	pelbagai kolej/ university/ institusi pendidikan tinggi awam dan swasta didirikan bagi melatih tenaga mahir/ separa mahir
	peluang pekerjaan terbuka luas dalam pelbagai jurusan keilmuan
	Masyarakat disusun tidak berdasarkan dasar pecah dan perintah
	teras perpaduan rakyat dijadikan panduan dalam menyusun masyarakat
	Rukun Negara dijadikan ideology negara
	semua etnik sama di sisi perlembagaan Malaysia
	menggalakkan orang Melayu di luar Bandar berpindah ke Bandar bagi terlibat dengan ekonomi moden
	membina rumah mampu milik/ kos rendah di kawasan Bandar
	menyediakan ruang pejabat/ perniagaan yang berpatutan harganya di kawasan Bandar kepada golongan usahawan bumiputera

	membangunkan kawasan perumahan berhampiran Bandar/ pinggir Bandar
	membawa kemudahan asas ke kawasan luar Bandar
	mewujudkan pelbagai program bagi menjalin perpaduan
	memastikan kemajuan antara bahagian pantai barat Semenanjung seimbang dengan bahagian pantai timur Semenanjung
	memastikan kemajuan yang ada di Semenanjung diperluaskan di Sabah dan Sarawak
	Menambah pemilikan ekuiti bumiputera dalam ekuiti negara
	pemilikan modal saham bumiputera dalam negara dapat ditingkatkan kepada 20.3% pada tahun 1990.
	dilakukan menerusi penubuhan Permodalan Nasional Berhad
	penubuhan Kumpulan Amanah Saham MARA
	hak milik saham bukan bumiputera berjaya ditingkatkan kepada 46.2%

6. Kejayaan Rancangan Malaysia Lima Tahun sehingga kini

	Kemajuan dan pemodenan dalam bidang pertanian
	Penggunaan jentera moden/kualiti benih/RMD
	Perkembangan perindustrian
	Kemajuan pengangkutan dan komunikasi
	Pelaksanaan k-ekonomi membantu dalam perkembangan perindustrian
	Kemajuan dalam bidang ekonomi
	Peningkatan pendapatan perkapita
	Peningkatan hak milik modal saham bumiputera
	Perkembangan ICT
	Kemajuan dalam bidang pendidikan
	Pembangunan infrastruktur bertaraf dunia
	KLIA/KLCC/Litar Antarabangsa Sepang (SIC)
	Penubuhan Bandar terancang
	Putrajaya/Ciberjaya/Nusajaya

7. Sebab bidang pertanian masih penting walaupun Malaysia kini menuju ke arah negara maju

	Sumber makanan
	Mengurangkan import daripada luar
	Pertanian juga boleh menjana ekonomi negara
	Malaysia mempunyai tanah yang subur, sesuai untuk pertanian
	Memberi peluang pekerjaan kepada rakyat
	Merupakan kegiatan ekonomi sejak dulu
	Menambah eksport Negara
	Membangunkan wilayah KEJORA/DARA/KESEDAR
	Memaksimumkan pendapatan pekebun kecil

DASAR PEMBANGUNAN EKONOMI

1. Ciri-ciri Dasar Pertanian Negara

	Dilancarkan pada 12 Januari 1984
	Bermatlamat untuk meningkatkan pendapatan sektor pertanian ke tahap maksimum
	Melaksanakan pengurusan sumber ekonomi negara yang cekap dan berkesan
	Memaksimumkan pendapatan pekebun kecil
	Memajukan komoditi utama yang berpotensi untuk dieksport
	Strategi pelaksanaan dengan menggalakkan pembukaan tanah-tanah baru
	Memperkenalkan program pembangunan in-situ bagi memulihkan kawasan yang berproduktiviti rendah
	Menyediakan perkhidmatan sokongan pertanian seperti pemasaran/ kredit/ subsidi/ penyelidikan
	Melibatkan pihak swasta dalam projek penswastaan pertanian di bawah Kementerian Pertanian

2. Dasar Persyarikatan Malaysia

	Diperkenalkan pada 25 Februari 1983
	Bermatlamat merangsang penglibatan sector swasta secara aktif dan berkesan dalam

	pembangunan negara
	Malaysia dianggap sebagai suatu syarikat
	Pemiliknya kerajaan dan sector swasta
	Semua kakitangan kerajaan dan swasta merupakan pemilik saham
	Mereka dipertanggungjawabkan untuk memajukan syarikat Malaysia
	Sebuah panel perunding antara pihak kerajaan dan swasta telah ditubuhkan
	Pegawai kerajaan ditempatkan di sector untuk menjalin hubungan dan berkongsi kepakaran
	Sektor swasta perlu memahami dasar kerajaan/ mengutamakan kepentingan nasional
	Pihak kerajaan memberikan perkhidmatan sokongan bagi memudahkan operasi sektor swasta

3. Dasar Penswastaan

	Dilancarkan oleh Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad pada Mac 1983
	Menerusi dasar ini, kerajaan memindahkan perkhidmatan, perusahaan, pelaburan dan kuasa tertentu kepada sektor swasta
	Dasar ini bermatlamat mengurangkan beban kewangan kerajaan, kesannya kerajaan boleh mengalihkan tumpuan terhadap pembangunan sektor lain
	Ia juga bertujuan meningkatkan produktiviti serta kualiti perkhidmatan atau barangan
	Ini adalah kerana swasta dianggap lebih cekap daripada sektor awam
	Dasar ini diyakini dapat mempercepat pembangunan ekonomi negara melalui pelaburan modal swasta

4. Bukti kejayaan/kegagalan Dasar Pertanian Negara mencapai matlamatnya

	BERJAYA
	Banyak kawasan pertanian baharu berjaya dibuka
	kawasan FELDA bertambah luas dan besar
	pembukaan kawasan pembangunan wilayah/ KESEDAR/ DARA/ KEJORA
	kawasan tanah terbiar berjaya dibangunkan
	tanaman getah dan kelapa sawit menjadi komoditi eksport negara yang penting
	kemajuan dalam industri berasaskan tani/ industri hiliran dan industri hulu
	pendapatan golongan petani berjaya ditingkatkan
	taraf hidup petani meningkat
	golongan petani hidup di luar paras kemiskinan
	Penglibatan aktif pihak swasta dalam kegiatan pertanian
	melibatkan diri dalam tanaman berskala besar dan penggunaan teknologi
	membangunkan R&D dalam kegiatan pertanian
	keluaran sayuran Cameroon Highlands dieksport hingga ke Singapura
	keluaran bunga orkid di eksport ke luar negara
	penggabungan Sime Darby dan Guthrie menjadi antara syarikat perladangan terbesar di dunia
	rancangan petempatan FELDA menjadi contoh pembangunan tanah pertanian kepada banyak negara di dunia
	penghasilan pelbagai baka dan jenis tanaman berkualiti tinggi
	kemudahan kredit membantu usahawan pertanian
	kerajaan membantu usahawan menjalankan promosi hasil pertanian ke luar negara
	TIDAK BERJAYA
	Kegiatan pertanian tidak menarik perhatian golongan muda
	golongan muda tidak berminat menyertai bidang pertanian
	berlaku kekurangan pekerja dalam sektor pertanian
	sektor pertanian terpaksa mengambil pekerja luar
	menyebabkan berlaku pengaliran mata wang negara ke luar negara
	Kegiatan pertanian tidak memberi pendapatan terbesar kepada negara
	sektor petroleum dan pengilangan memberi KDNK terbesar kepada negara
	sektor pertanian terdedah kepada turun naik harga pasaran yang sangat ketara
	pendapatan minyak sawit dicabar oleh minyak soya/ minyak jagung/ minyak bunga matahari
	terdapat kempen memburuk-burukkan minyak sawit di kaca mata masyarakat antarabangsa
	harga getah tidak stabil kerana mengalami persaingan daripada getah tiruan
	Keluaran pertanian tidak dapat menampung permintaan dalam negara
	keluaran pertanian dalam negara tidak mencukupi
	keluaran padi tidak dapat menampung keperluan beras dalam negara
	negara terpaksa mengimport beras dari Thailand/ Myanmar/ China
	cara tanaman pertanian tidak ekonomik/ kawasan pertanian yang kecil dan diusahakan secara

	kecil-kecilan
	teknologi pertanian kita agak ketinggalan berbanding dengan negara Thailand

5. Kejayaan Dasar Persyarikatan Malaysia dalam memacu ekonomi negara

	Kerajaan dan swasta menganggap negara sebagai sebuah syarikat
	Kedua-dua pihak adalah pemilik saham yang bertanggungjawab memajukan syarikat
	Pihak kerajaan perlu menyediakan suasana persekitaran yang kondusif bagi memudahkan usaha pihak swasta
	Sebagai contoh penubuhan pusat sehenti pemprosesan sesuatu urusan dapat melancarkan urusan kerajaan
	Karenah birokrasi dikurangkan bagi membantu urusan pihak swasta berjalan lancar
	Pihak swasta berusaha membangunkan bidang yang diceburi dengan efektif
	Keuntungan yang diperoleh oleh pihak swasta akhirnya akan menguntungkan kerajaan
	Pihak swasta akan membayar cukai kepada pihak kerajaan
	Semakin banyak keuntungan pihak swasta semakin banyak cukai yang akan diperoleh kerajaan
	Keadaan ini disamakan sebagai "win, win situation"
	Idea ini telah berjaya dipraktikkan di Jepun dalam Japan Incorporated

6. Dasar Peningkatan Daya Pengeluaran Negara (DPDPN)

	Bermatlamat untuk mencapai kadar pertumbuhan ekonomi yang berterusan walaupun negara menghadapi pelbagai cabaran
	Peningkatan hasil pendapatan negara penting untuk meningkatkan kadar pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi.
	Memastikan penggunaan sumber negara pada tahap maksimum bagi mengelakkan sebarang pembaziran
	Memastikan sektor perindustrian dapat bersaing pada peringkat antarabangsa
	Strategi pelaksanaan dengan memperbaiki sistem pengurusan operasi, struktur organisasi, penggunaan teknologi terkini serta penerapan nilai dan etika kerja yang murni.

7. Dasar Kependudukan

	Diperkenalkan oleh Perdana Menteri pada 29 Mac 1984
	Matlamatnya adalah untuk mencapai sasaran 70 juta penduduk menjelang tahun 2100
	Pertumbuhan penduduk dalam jangka masa yang panjang akan memberikan kesan positif terhadap bekalan tenaga kerja, peningkatan produktiviti dan perluasan pasaran
	Jumlah penduduk yang besar akan menyumbang ke arah kekuatan politik dan keselamatan negara
	Menitikberatkan keselarasan antara kadar pertumbuhan penduduk dengan kadar pembangunan sosioekonomi negara khususnya yang berkaitan dengan kemudahan pendidikan, perumahan, kesihatan dan peluang pekerjaan
	Segala program pembangunan negara didasarkan pada unjuran jumlah penduduk untuk memastikan pertambahan penduduk tidak mendatangkan masalah kepada negara.

8. Kesan kejayaan dasar pembangunan ekonomi Malaysia hingga hari ini.

	Kemajuan dan pemodenan dalam bidang pertanian
	Perkembangan teknologi seperti penggunaan jentera moden, kualiti benih yang lebih baik serta Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) membawa kepada pemodenan pertanian
	Kemajuan ekonomi juga membawa kepada perkembangan perindustrian
	Hal ini dibantu dengan adanya kemajuan pengangkutan dan komunikasi
	Pelaksanaan k-ekonomi juga membantu dalam perkembangan perindustrian.
	Selain itu, telah membawa perkembangan ICT yang seiring dengan kemajuan dalam bidang pendidikan
	Kemajuan ekonomi turut memainkan peranan dalam pembangunan infrastruktur bertaraf dunia seperti KLIA dan KLCC
	Pembangunan infrastruktur turut membawa kepada pembentukan bandar terancang seperti Putrajaya, Cyberjaya dan Nusajaya

RUKUN NEGARA

1. Maksud Rukun Negara

	Ideologi negara
	Diisytiharkan pada 31 Ogos 1970
	Dirangkakan oleh Majlis Perundingan Negara

2. Matlamat Rukun Negara

	Mengukuhkan perpaduan
	Memelihara corak hidup demokratik
	Mencipta sebuah masyarakat yang adil
	Menjamin sikap liberal terhadap tradisi kebudayaan yang pelbagai
	Membina masyarakat yang progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi

3. Prinsip Rukun Negara

	Kepercayaan Kepada Tuhan
	agama pegangan utama rakyat Malaysia
	rakyat yang beragama mudah diurus
	mudah menjadi warganegara yang baik dan bertanggungjawab
	Islam merupakan agama rasmi
	agama lain bebas diamalkan

	Kesetiaan Kepada Raja dan Negara
	rakyat wajib memberikan kesetiaan kepada raja dan Negara
	Yang di-Pertuan Agong merupakan ketua Negara/ Raja Melayu ketua negeri
	raja simbol penyatuan rakyat
	raja sebagai pelindung hak istimewa peribumi
	menderhaka kepada raja bermaksud menderhaka kepada Negara

	Keluhuran Perlembagaan
	perlembagaan merupakan undang-undang utama Negara
	perlembagaan dianggap luhur, unggul dan suci
	semua rakyat perlu mematuhi dan mempertahankannya

	Kedaulatan Undang-undang
	rakyat mesti menghormati undang-undang/tidak melakukan kesalahan di sisi undang-undang
	membolehkan rakyat hidup dengan aman
	rakyat mesti mendaulatkan undang-undang
	memastikan undang-undang tidak dicabar oleh mana-mana pihak

	Kesopanan dan Kesusilaan
	menuntut semua rakyat bersopan dan bersusila
	merupakan nilai-nilai murni yang melambangkan keperibadian seseorang
	menjamin kehidupan masyarakat yang harmoni/ penyayang/ saling menghormati

AKTA BAHASA KEBANGSAAN/ DASAR KEBUDAYAAN KEBANGSAAN/SUKAN UNTUK PERPADUAN

1. Usaha memartabatkan kedudukan Bahasa Melayu

	Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan termaktub dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957
	Dewan Bahasa dan Pustaka(DBP) ditubuhkan pada tahun 1956
	Pelancaran "Minggu Bahasa" dan "Bulan Bahasa" untuk menggalakkan penggunaan bahasa Melayu
	Slogan "Bahasa Jiwa Bangsa" dilancarkan pada tahun 1960

	Penubuhan sekolah menengah yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar seperti Sekolah Alam Shah, Sekolah Seri Puteri dan Sekolah Sultan Abdul Halim
	Akta Bahasa Kebangsaan (1967) diluluskan bagi mengukuhkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan
	Bahasa pengantar di sekolah rendah Inggeris ditukarkan kepada bahasa kebangsaan secara berperingkat-peringkat
	Penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Tahun 1977 membuktikan bahasa Melayu mampu menjadi bahasa ilmu
	Menggantikan bahasa Inggeris (1982) sebagai bahasa pengantar di semua sekolah
	Bahasa Melayu digunakan di mahkamah

2. Latar belakang Dasar Kebudayaan Kebangsaan

	Dasar Kebudayaan Kebangsaan lahir daripada gagasan Kongres Kebudayaan Kebangsaan
	Digubal untuk menjadi panduan dalam membentuk dan mengekalkan identiti negara Malaysia
	Objektifnya memperkukuhkan perpaduan melalui kebudayaan
	Memupuk dan memelihara keperibadian kebangsaan
	Tujuan dasar ini juga memperkaya dan mempertingkatkan kualiti kehidupan dari aspek kemanusiaan dan kerohanian seimbang dengan pembangunan sosioekonomi
	Tiga prinsip utama Dasar Kebudayaan Kebangsaan ialah kebudayaan rakyat asal rantau Melayu sebagai tunjang, unsur-unsur kebudayaan lain yang wajar dan sesuai boleh diterima dan Islam sebagai unsur yang terpenting.

3. Dasar pembangunan sosial untuk mencapai matlamat perpaduan

	Menggunakan bahasa yang sama iaitu bahasa Melayu untuk memudahkan komunikasi
	Sukatan pelajaran yang sama untuk semua pelajaran
	Memupuk identiti kebangsaan semenjak kecil
	Melahirkan sikap tolak ansur dengan mengamalkan sikap tolong menolong tanpa mengira kaum
	Kebudayaan rakyat asal rantau Melayu sebagai tunjang
	Unsur kebudayaan lain yang sesuai boleh diterima
	Memperkukuh perpaduan melalui kebudayaan
	Memupuk dan memelihara keperibadian kebangsaan
	Sebagai alat perpaduan tanpa mengira ideologi
	Menyemarakkan semangat patriotik dalam kalangan rakyat
	Aktiviti sukan tidak mengehadkan penyertaan kepada sesuatu kaum
	Di sekolah, sukan merupakan aktiviti kokurikulum yang sangat digalakkan
	Temasya Sukan Malaysia (SUKMA) diadakan dua tahun sekali dapat mengeratkan perpaduan antara kaum dan hubungan antara negeri.

WAWASAN 2020

1. Matlamat Wawasan 2020.

	Merupakan satu gagasan Negara
	Untuk menjadi sebuah Negara yang maju menjelang tahun 2020
	Menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara industri yang maju
	Dengan menggunakan acuan sendiri
	Setanding dengan negara maju lain di dunia
	Bukan menitikberatkan kemajuan fizikal sahaja
	Tetapi kemajuan bersepadu

2. Cabaran dalam merealisasikan Wawasan 2020.

	Membina bangsa Malaysia yang bersatu padu
	Perpaduan merupakan asas kekuatan sesebuah negara
	Dicapai melalui dasar kerajaan
	Dasar Pembangunan Nasional
	Dasar Bahasa Kebangsaan
	Semua dasar tersebut mewujudkan hubungan antara kaum yang sihat
	Membina masyarakat berjiwa bebas, tenteram dan berkeyakinan

	Masyarakat Malaysia perlu berjiwa bebas, tenteram, bersikap terbuka dan bangga dengan apa yang dicapai
	Gagah dalam menghadapi pelbagai masalah
	Bangsa yang dapat memajukan negara mereka sendiri
	Musuh negara mampu ditangkis oleh mereka
	Memupuk dan membina masyarakat demokratik yang matang
	Masyarakat demokratik bebas memilih kerajaan
	Rakyat berfikiran matang menggunakan hak demokrasi dengan sewajarnya
	Mewujudkan masyarakat yang bermoral dan beretika
	Diseimbangkan dengan kemajuan fizikal
	Bagi membentuk masyarakat yang berbudaya unggul
	Melahirkan masyarakat yang beradab dan bertatasusila
	Mewujudkan masyarakat matang, liberal dan bertoleransi
	Rakyat Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum bebas mengamalkan adat, kebudayaan dan kepercayaan mereka
	Meletakkan kesetiaan kepada negara
	Membina masyarakat yang maju dan saintifik
	Mewujudkan masyarakat yang mempunyai daya saing yang tinggi dan pandang ke depan
	Masyarakat yang menggunakan teknologi dan penyumbang kepada tamadun sains dan tamadun teknologi masa depan
	Mewujudkan masyarakat berbudaya penyayang
	Memupuk masyarakat yang mementingkan masyarakat daripada diri sendiri
	Melahirkan masyarakat yang menjaga kebajikan insan dan tidak berkisar pada negara atau orang perseorangan tetapi di sekeliling sistem keluarga yang kukuh.
	Menjamin masyarakat yang adil dan saksama ekonomi
	Masyarakat yang melaksanakan pengagihan kekayaan negara secara adil dan saksama
	Memupuk dan membina masyarakat makmur
	Mewujudkan masyarakat yang mempunyai ekonomi bersaing, dinamik, giat dan kental

3. Cara-cara mengatasi cabaran Wawasan 2020

	Melaksanakan Dasar Pembangunan Nasional
	Mengukuhkan perpaduan rakyat
	Melaksanakan Dasar Bahasa Kebangsaan
	Supaya rakyat memahami Bahasa Kebangsaan dengan baik
	Serta dapat berkomunikasi dengan bahasa yang sama
	Melaksanakan Dasar Kebudayaan Kebangsaan
	Untuk memupuk sikap saling menghormati budaya pelbagai kaum
	Melaksanakan Dasar Pendidikan Kebangsaan
	supaya semua warganegara mendapat orientasi pendidikan yang sama
	Patuh kepada ajaran agama
	agar dapat membentuk masyarakat yang berdisiplin dan senang diurus

LATIHAN STRUKTUR

1.

Tarikh	Dasar
Januari 1984	Dasar Pertanian Negara
Mac 1984	Dasar Kependudukan

a)

i. Nyatakan matlamat Dasar Pertanian Negara.

.....
[1 markah]

ii. Nyatakan matlamat Dasar Kependudukan.

.....
[1 markah]

b) Maklumat berikut berkaitan dengan Dasar Pertanian Negara.

Dasar Agromakanan Negara (DAN) 2011-2020 merupakan kesinambungan Dasar Pertanian Negara
Sumber: <http://www.moa.gov.my>

Mengapakah sektor pertanian tetap penting walaupun negara kita sudah semakin maju dengan kemajuan teknologi moden?
Berikan penjelasan .

.....
[4 markah]

c) Matlamat Dasar Kependudukan akan memberikan kesan positif kepada Malaysia dalam jangka masa yang panjang. Terangkan manfaat yang diperolehi dalam sektor pertanian?

.....
[4 markah]

2. Senarai berikut menunjukkan prinsip Rukun Negara.

**Kepercayaan Kepada Tuhan
Kesetiaan Kepada Raja dan Negara
Keluhuran Perlembagaan
Kedaulatan Undang- Undang
Kesopanan dan Kesusilaan**

a) Apakah peristiwa yang dikaitkan dengan pembentukan Rukun Negara?

.....
(1 markah)

b) Nyatakan dua peranan Majlis Gerakan Negara (MAGERAN).

i.

ii.

(2 markah)

c) Apakah matlamat penggubalan Rukun Negara?

.....
.....
.....
.....

(3 markah)

d) Buktikan prinsip Rukun Negara menjadi amalan dalam kehidupan seharian.

.....
.....
.....
.....
.....

(4 markah)

LATIHAN ESEI:

3. Dasar Ekonomi Baru telah dilaksanakan di bawah Rancangan Pembangunan Lima Tahun Tahap Kedua

a) Apakah matlamat (DEB)?

[4 markah]

b) Jelaskan peranan agensi yang ditubuhkan dalam Rancangan Malaysia Kedua bagi menjayakan matlamat DEB.

[8 markah]

c) Berdasarkan pengetahuan anda, terangkan potensi Malaysia miliki untuk mencapai kemajuan ekonomi pada masa akan datang?

[8 markah]

BAB 9 : MALAYSIA DALAM KERJASAMA ANTARABANGSA

KONFLIK ANTARABANGSA

1. Faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya peristiwa Perang Dunia Pertama.

Berlaku disebabkan kemunculan nasionalisme di Eropah
Negara-negara kecil di Eropah bersatu membentuk sebuah negara bangsa lebih besar
Kuasa-kuasa besar ini berlumba-lumba untuk mendapatkan tanah jajahan
Nasionalisme yang kuat menyebabkan kuasa besar ini sanggup berperang untuk membuktikan kekuasaan masing-masing
Wujud pakatan negara-negara Eropah
iaitu Perikatan Kuasa Tengah dan Pakatan Bertiga
Pakatan Kuasa Tengah terdiri daripada Jerman, Austria-Hungary dan Itali
Pakatan Bertiga terdiri daripada Britain, Perancis dan Rusia
Persaingan antara kedua-dua pakatan ini mengancam perimbangan kuasa dunia yang wujud pada masa itu
Persaingan kuasa-kuasa besar merebut peluang ekonomi
bersaing untuk mendapatkan tanah jajahan untuk mendapatkan bahan mentah
dan untuk memasarkan barang keluaran mereka
Faktor politik
Archduke Franz Ferdinand pewaris takhta Austria-Hungary dan isterinya dibunuh oleh pengganas Serbia
Austria yang mendapat sokongan Jerman mengisytiharkan perang terhadap Serbia
Serbia pula disokong oleh sekutunya Rusia dan Perancis
Serangan Jerman terhadap Perancis
Jerman yang menyerang Perancis melalui negara berkecuali Belgium menimbulkan kemarahan Britain
Britain meminta bantuan Amerika Syarikat menentang Jerman
Jerman menyerang kapal dagang Amerika Syarikat menyebabkan Amerika turut terlibat dalam perang itu

